

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.0 PENGENALAN

Satu dari keperluan asas manusia adalah makanan. Tanpa makanan manusia tidak dapat meneruskan hidup kerana ia membekalkan tenaga dan nutrien yang diperlukan oleh tubuh badan manusia. Makanan yang baik bukan sahaja mengambil kira kandungan zat yang ada dalam makanan tersebut tetapi juga dari segi bersih dan halal turut perlu diberi penekanan. Oleh yang demikian, keprihatinan terhadap pengambilan makanan yang berkhasiat dan menepati kehendak agama akan dapat ditingkatkan.

Sehubungan dengan itu, manusia perlu melaksanakan amalan yang telah ditunjukkan oleh junjungan kita Nabi Muhammad S.A.W. yang sentiasa sederhana dalam semua perkara begitu juga dalam soal pemakanan. Islam amat mementingkan penjagaan kesihatan sama ada dari segi jasmani mahupun rohani kerana menggabungkan antara kesihatan jasmani, rohani dan kemasyarakatan amat penting demi menjaga keselamatan dan kebahagiaan manusia di dunia dan di akhirat. Individu yang sihat pula akan mampu memahami dan melaksanakan suruhan dan tanggungjawab kepada Allah S.W.T. di muka bumi ini.¹

Kekurangan bekalan makanan dunia telah menjadi cabaran utama yang dihadapi oleh kebanyakan negara Islam di seluruh dunia. Isu itu menjadi lebih genting apabila suasana ekonomi dunia yang tergugat akibat daripada krisis kewangan yang berlaku. Kekurangan bekalan makanan tersebut telah menyebabkan harga makanan dunia meningkat secara mendadak sehingga mendapat perhatian pertubuhan-pertubuhan

¹Norkumala Awang (2006), "Makanan dan Pemakanan dalam Islam", Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), <http://www.ikim.gov.my/v5>, 5 Ogos 2010.

antarabangsa termasuk *UN Conference on Trade and Development (UNCTAD)*, *World Trade Organisation (WTO)* dan *International Monetary Fund (IMF)*. Pertubuhan-pertubuhan ini telah mengeluarkan kenyataan bahawa kekurangan bekalan makanan boleh menimbulkan krisis yang memberikan impak negatif terhadap kestabilan politik dan keselamatan sesebuah negara.²

Isu tersebut merupakan cabaran yang paling utama yang perlu dihadapi untuk memastikan kestabilan dan keamanan sesebuah negara. Oleh itu, bagi mengatasi masalah kekurangan bekalan makanan ini, setiap negara perlu mempunyai sekuriti makanan. Sekuriti makanan bermakna semua orang pada setiap masa boleh memperoleh makanan yang mencukupi untuk meneruskan hidup yang sihat dan aktif³. Ia juga merangkumi soal pemakanan yang sihat dan selamat di samping bekalan makanan yang mencukupi termasuk ketika darurat. Menurut Pertubuhan Makanan dan Pertanian Sedunia (FAO), sekuriti makanan wujud apabila semua manusia pada bila-bila masa memperoleh makanan berkhasiat secara mencukupi.⁴ Mengikut FAO lagi, terdapat tiga komponen utama dalam sekuriti makanan iaitu, pertama, pengeluaran makanan yang cukup, kedua, penawaran yang stabil dan ketiga, segmen penduduk yang terpinggir dan tersisir mempunyai akses kepada makanan.⁵

Justeru, kerajaan perlu memainkan peranan penting dalam memastikan sekuriti makanan dalam negara sentiasa terjamin. Di Malaysia, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) telah menjalankan pelbagai dasar dan program bagi meningkatkan pengeluaran makanan dalam negara. Antara dasar yang telah dijalankan oleh MOA ialah Dasar Pertanian Negara Pertama hingga Ketiga, Dasar Jaminan Bekalan Makanan yang telah dilaksanakan pada tahun 2008 dan seterusnya Dasar Agro

²Institut Kemajuan dalam Pengeluaran Makanan (IKDPM), <http://www.ikdpm.upm.edu.my/foodsec2008/paper%20MoA-UPMISIS/seminar%20strategi#20baru%20ke%20arah%20sekuriti%20makanan>, 5 Ogos 2010.

³Noor Azam Shairi (2001): "Makanan dalam Islam Bukan Hanya Halal Haram", Utusan Malaysia : 29 Mei 2011, h. 4.

⁴Food Agriculture Organization (FAO), <http://www.fao.org/spfs/spfs-home/en/>, 23 Julai 2010.

⁵*Ibid.*

Makanan bermula pada tahun 2010. Penggubalan kesemua dasar tersebut merupakan usaha kerajaan memartabatkan sektor pertanian sebagai sektor utama sumber makanan negara. Oleh itu, peruntukan besar telah diagihkan bagi memastikan pelaksanaan dasar tersebut dapat mencapai matlamat tersendiri.

1.1 LATAR BELAKANG MASALAH KAJIAN

Isu sekuriti makanan semakin mendapat perhatian masyarakat dunia pada masa kini. Pertambahan populasi yang semakin meningkat tidak dapat diimbangi dengan peningkatan pengeluaran makanan negara sehingga menyebabkan kebanyakan negara Dunia Ketiga menghadapi ancaman ketiadaan sekuriti makanan. Di Malaysia, isu sekuriti makanan menjadi objektif utama dalam Dasar Pertanian Negara (DPN). Pelbagai dasar dan usaha telah dilaksanakan untuk meningkatkan pengeluaran makanan negara sejak Dasar Pertanian Negara Pertama (DPN1) (1984-1991) sehingga Dasar Pertanian Negara Ketiga (DPN3) (1998-2010).⁶

Peningkatan harga makanan di peringkat antarabangsa dan kekurangan bekalan telah menimbulkan cabaran dalam menjamin bekalan makanan negara mencukupi dan mampu diperolehi oleh semua masyarakat. Keadaan ini berlaku disebabkan terdapat kekurangan bekalan makanan di peringkat antarabangsa disebabkan oleh perubahan iklim dan bencana alam. Contohnya kemarau yang berpanjangan di Australia telah memusnahkan hasil pengeluaran pertanian. Pengeluaran padi dunia telah meningkat hanya 1% pada tahun 2007 iaitu 650 juta tan metrik berbanding pertumbuhan penduduk dunia sebanyak 1.5%.⁷

Manakala di peringkat nasional, negara juga mengalami kesan tekanan harga makanan dunia yang melambung tinggi. Pada masa tersebut, terdapat desakan terutama

⁶Nur Annizah Ishak dan Pazim @ Fadzim Othman (2005), "Food Security In Malaysia From Islamic Perspective", *Jurnal Syariah*, 13 (2), 1-15.

⁷Institut Kemajuan Dasar Pertanian Malaysia, <http://www.ikdpm.upm.edu.my/foodsec2008/paper%20MoA-UPM-ISIS/Seminar%20strategi%20baru%20>, 5 Ogos 2010.

dari golongan petani supaya harga padi dinaikkan sejajar dengan lonjakan harga beras di pasaran antarabangsa walaupun harga makanan asas seperti beras dikawal oleh kerajaan. Di samping itu, kenaikan harga makanan dan bilangan import makanan juga melambung disebabkan oleh ketidakupayaan Malaysia menampung pengeluaran makanan dalam negara bagi memenuhi permintaan pengguna. Malaysia telah mengimport antara 700,000 hingga 800,000 tan beras setahun sebagai tambahan kepada 1.1 juta tan yang dihasilkan. Negara utama pengeksport beras ke Malaysia adalah dari Thailand iaitu antara 50 hingga 60 peratus manakala bakinya daripada China, Vietnam, Myanmar, India dan Pakistan.⁸

Sekuriti makanan telah menjadi tanggungjawab utama negara yang sentiasa perlu diberikan perhatian. Dalam konteks 1960an sehinggalah 1980an, sekuriti makanan di Malaysia telah diserapkan dalam satu istilah yang disebut sara diri yang merujuk kepada padi dan beras. Walau bagaimanapun, atas kesedaran tentang kepentingan sekuriti makanan, ia telah dijadikan objektif utama Dasar Pertanian Negara Ketiga yang turut merangkumi sumber makanan lain seperti ternakan, ikan, sayuran dan lain-lain lagi. Secara keseluruhannya, keadaan bekalan makanan negara pada masa kini, termasuk bekalan import mampu menampung permintaan rakyat pada masa ini. Namun peningkatan harga makanan di pasaran dunia memerlukan kerajaan mengambil langkah segera dalam menjamin bekalan makanan negara sentiasa mencukupi pada harga yang berpatutan.⁹

Dalam Islam, keperluan kepada makanan adakala boleh menggugat keimanan seseorang kerana apabila berada dalam kelaparan seseorang manusia sanggup melakukan apa sahaja bagi memenuhi keperluannya walaupun perkara tersebut ditegah dalam agama. Malah dalam sejarah peradaban Islam, makanan telah dijadikan mukjizat

⁸Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), http://www.kpdnkk.gov.my/index.php?option=com_content&task=view&id=12338&Itemid=653, 15 Mei 2010.

⁹*Ibid.*

kepada para Rasul untuk menjadi bukti tentang kebenaran kerasulan mereka seperti makanan yang dinamakan *manna* dan *salwā* iaitu mukjizat Nabi Musa. Islam juga telah menggariskan beberapa mekanisme untuk memastikan makanan dapat diperoleh oleh manusia sama ada yang kaya ataupun miskin. Oleh itu, bagi membantu mereka yang miskin, mekanisme agihan makanan tersebut dilaksanakan melalui zakat, akikah, korban, denda haji dan lain-lain lagi.¹⁰ Sekuriti makanan juga termasuk dalam menjaga *maqāṣid al-syarī'ah* yang lima iaitu menjaga agama, menjaga nyawa, menjaga akal, menjaga keturunan serta maruah diri dan yang terakhir ialah menjaga harta benda.

Manakala, keadaan yang berlawanan dengan sekuriti makanan ialah ketiadaan sekuriti makanan yang boleh dikatakan sebagai tiada akses untuk memperoleh makanan yang mencukupi. Ketiadaan sekuriti makanan boleh berlaku secara kronik pada masa tertentu sahaja. Keadaan ini boleh berlaku apabila tidak ada kemampuan untuk membeli makanan atau mengeluarkan sendiri makanan keperluannya. Selain itu, ia juga disebabkan oleh ketiadaan makanan di pasaran dan harga makanan yang tinggi dan tidak stabil. Justeru, keadaan ini akan menyebabkan berlaku kelaparan dan diet yang tidak seimbang untuk keperluan tubuh badan manusia. Keadaan ini juga akan mendatangkan mudarat kepada kesihatan jasmani dan rohani manusia.

Oleh sebab itu penulis telah membincangkan konsep sekuriti makanan dalam Islam dengan melihat kepada dasar yang telah dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia bagi menjamin kecukupan makanan dalam negara. Antara dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan ialah Dasar Pertanian Negara Pertama bermula pada tahun 1984, seterusnya Dasar Pertanian Negara Kedua pada tahun 1992, kemudian Dasar Pertanian Negara Ketiga pada tahun 1998, Dasar Jaminan Bekalan Makanan pada tahun 2008 dan sehingga kini telah dilaksanakan Dasar Pertanian Negara Keempat atau dengan nama lain Dasar Agro Makanan. Kajian penulis adalah berkenaan dengan dasar yang bermula

¹⁰Asmak Ab Rahman (2004), *Pemikiran Ekonomi Islam dalam Bidang Pertanian dan Amalannya di Malaysia*. (Tesis PhD, Institut Pengajian Siswazah, Universiti Malaya). h. 126.

dari tahun 1984 hingga 2008 iaitu dengan melihat pelaksanaan dasar-dasar tersebut dari sudut pandangan ekonomi Islam serta membincangkan keberkesanannya bagi membendung ketidakselamatan makanan dalam negara.

1.2 PERSOALAN KAJIAN

Dari latar belakang masalah kajian di atas, timbul beberapa persoalan yang membawa kepada kajian ini. Persoalan kajian tersebut ditumpukan kepada dasar-dasar yang berkait rapat dalam menentukan sekuriti makanan di Malaysia iaitu Dasar Pertanian Negara dan Dasar Jaminan Bekalan Makanan Negara. Pelaksanaan dasar-dasar tersebut dikaji adakah ianya menepati kehendak Islam dan adakah ianya benar-benar berkesan bagi menjamin sekuriti makanan dalam negara. Sekiranya ianya berkesan, sejauh manakah kesannya dan jika sebaliknya berlaku mengapa ianya kurang berkesan. Masalah sejauh manakah pencapaian dasar-dasar tersebut kepada pengeluaran makanan negara, adakah ianya mencukupi bagi keperluan negara atau ianya banyak diimport dari negara luar. Bagi membuktikan pencapaian tersebut perlu didatangkan dengan hujah dan data yang jelas. Atas dasar ini, penulis merasakan perlunya kajian terperinci mengenai perkara ini.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini ialah :

1. Menjelaskan konsep sekuriti makanan secara umum.
2. Menganalisis konsep sekuriti makanan menurut Islam.
3. Membincangkan dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan bermula dari tahun 1984 hingga tahun 2008 bagi menjamin sekuriti makanan.
4. Mengkaji keberkesanan dasar tersebut dari perspektif ekonomi Islam melalui indikator sekuriti makanan Islam.

1.4 KEPENTINGAN KAJIAN

Bagi mengatasi masalah kekurangan bekalan makanan sesebuah negara perlu mempunyai sekuriti makanan. Sekuriti makanan bermakna semua orang pada setiap masa boleh memperoleh makanan yang mencukupi untuk meneruskan hidup yang sihat dan aktif. Dalam usaha negara untuk menjamin kecukupan makanan dalam negara, pelbagai program dan dasar berkenaan dengan sektor pertanian telah dijalankan dan sekuriti makanan menjadi matlamat utama. Sehubungan dengan itu, kajian ini dilakukan bagi mengetengahkan konsep sekuriti makanan dari perspektif menyeluruh dan dari perspektif ekonomi Islam kepada masyarakat dan juga institusi-institusi yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung. Selain itu, kajian ini dapat mengenal pasti dasar serta menjelaskan perkembangan dan keberkesanan dasar yang telah dijalankan oleh kerajaan Malaysia bagi menjamin sekuriti makanan bermula dari tahun 1984 hingga 2008. Seterusnya, kajian ini diharap dapat menambahkan sumber informasi di Universiti Malaya khususnya dan di Malaysia amnya. Kajian ini juga dapat mengisi kelompangan-kelompangan kajian yang berkaitan dengan Islam serta ia dapat menggabungkan sekuriti makanan konvensional dengan sekuriti makanan Islam.

1.5 SKOP KAJIAN

Kajian ini akan memfokuskan kepada dasar yang telah dilaksanakan oleh Malaysia yang bermula dari tahun 1984 hingga 2008 untuk menjamin bekalan makanan mencukupi atau dengan kata lain sekuriti makanan. Dasar-dasar tersebut adalah merangkumi Dasar Pertanian Negara Pertama (DPN1) bagi tempoh 1984-1992, Dasar Pertanian Negara Kedua (DPN2) bagi tempoh 1992-1998, Dasar Pertanian Negara Ketiga (DPN3) bagi tempoh 1998-2010 dan Dasar Jaminan Bekalan Makanan (DJBM) bagi tempoh 2008-2010. Penulis memilih dasar yang bermula dari tahun 1984 hingga 2008 adalah kerana

pada tempoh tersebut bermula dan berakhir DPN1, DPN2 dan DPN3. Seterusnya penulis turut mengkaji mengenai DJBM yang bermula 2008 dan berakhir 2010. Bagi melihat pencapaian dasar-dasar tersebut, data yang dianalisis adalah bermula sebelum DPN dilaksanakan iaitu tahun 1980 sehingga tahun 2010. Dasar-dasar tersebut merupakan dasar yang digubal khusus untuk sektor pertanian yang menjadi garis panduan kepada perancangan pembangunan sektor pertanian secara keseluruhan terutama mengenai komoditi makanan utama seperti beras, daging, telur, susu, sayur-sayuran dan buah-buahan berbanding pada tahun 1960 hingga 1980an di mana perancangan mengenai aspek makanan hanya menekankan mengenai beras atau padi sahaja dan perancangannya adalah di bawah Rancangan Malaya dan Rancangan Malaysia. Sehingga kini kerajaan telah menggubal dasar pertanian yang baru iaitu DPN4. Prestasi dasar-dasar tersebut telah diperolehi melalui Rancangan Malaysia yang dijalankan dalam tempoh tersebut. Pelaksanaan dasar-dasar tersebut telah dianalisis menurut perspektif ekonomi Islam.

1.6 KAJIAN LEPAS

Dalam menyiapkan penulisan kajian ini, penulis telah membuat satu kajian mengenai hasil-hasil penulisan terdahulu. Ini merupakan langkah awal dalam sesuatu penulisan atau kajian. Ianya bertujuan untuk meninjau sejauh manakah sesuatu bidang kajian ini telah dilakukan oleh sarjana semasa dan lampau. Terdapat beberapa kajian telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji berkaitan dengan konsep sekuriti makanan dan sekuriti makanan menurut perspektif Islam. Terdapat juga kajian mengenai dasar pertanian negara, pengeluaran makanan di Malaysia dan sebagainya. Kajian-kajian tersebut ialah:

1.6.1 Kajian Mengenai Dasar

Antara kajian mengenai Dasar telah dibuat oleh Zulkifly Mustapha, Chamsuri Siwar dan Nik Hashim Nik Mustapha¹¹ dalam kajian mereka membincangkan mengenai keadaan sekuriti makanan di Malaysia dan melihat serta menganalisis polisi dan program yang dijalankan oleh kerajaan bagi melihat faktor-faktor yang menyebabkan ketidakselamatan makanan, manifestasi ketidakselamatan makanan dan keberkesanan polisi makanan yang telah dijalankan. Manakala, Ahmad Mahdzan Ayob¹² membincangkan mengenai berbagai-bagai isu dan langkah dasar yang boleh mempengaruhi pembangunan pertanian di negara-negara membangun seperti Malaysia dan jirannya di rantau ini. Di samping menggunakan pendekatan teori dalam penulisan, beliau juga mengaitkan pengalaman Malaysia dalam pembangunan pertanian.

Frank Riely, Nancy Mock, Bruce Cogill and et. al¹³ pula membincangkan mengenai indikator sekuriti makanan dan rangka kerja yang digunakan untuk menilai program bantuan makanan. Program bantuan makanan tersebut berasaskan kepada polisi kerajaan United States yang digunakan untuk meningkatkan produktiviti pertanian bagi mencapai sekuriti makanan bagi negara membangun yang dilanda kemiskinan. Antara indikator yang digunakan bagi menilai keadaan sekuriti makanan ialah pengeluaran makanan, penggunaan kalori, pendapatan, perbelanjaan makanan dan beberapa indikator lain.

Di samping itu, Indra Shahril Sayuati¹⁴ pula telah menjalankan satu kajian ilmiah yang bertajuk "Pembangunan Pertanian Menurut Islam". Kajian ini memfokuskan terhadap usaha-usaha membangunkan sektor pertanian di bawah Dasar

¹¹Zulkifly Mustapha, Chamhuri Siwar and Nik Hashim Nik Mustapha (1986), *Food Economy of Malaysia : Problems and Policies in Food Security*. Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

¹²Ahmad Mahdzan Ayob (1997), *Pembangunan Pertanian Ekonomi, Dasar dan Bukti Empirik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

¹³Frank Riely et. al (1999), *op.cit*.

¹⁴Indra Shahril Sayuati (2003), "Pembangunan Pertanian Menurut Islam. Kajian Terhadap Usaha-usaha Membangunkan Sektor Pertanian di Bawah Dasar Pertanian Negara Tiga (DPN3)" (Latihan Ilmiah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

Pertanian Negara Tiga (DPN3). Selain itu, beliau turut menjelaskan mengenai pertanian menurut Islam dengan mengemukakan dalil-dalil al-Quran yang berkaitan dengan pertanian. Beliau juga menerangkan mengenai pertanian di zaman Nabi S.A.W. serta melihat pandangan Baginda terhadap pertanian di dalam Islam dan galakan yang diberikan oleh Baginda bagi memajukan sektor pertanian.

Nur Annizah Ishak dan Pazim @ Fadzim Othman¹⁵ juga membuat kajian mengenai dasar yang berkenaan sekuriti makanan. Di dalam kajian tersebut, beliau membincangkan isu-isu berkenaan dengan keselamatan makanan dari perspektif Islam dan senario keselamatan makanan di Malaysia. Isu keselamatan makanan menjadi objektif utama dalam Dasar Pertanian Negara (DPN). Pelbagai dasar dan usaha telah dilaksanakan untuk meningkatkan pengeluaran produk makanan negara sejak Dasar Pertanian Negara Pertama (1984-1991) sehinggalah Dasar Pertanian Ketiga (1998-2010). Bagaimanapun, atas beberapa alasan, Malaysia dikatakan masih gagal mencapai tahap sara diri yang efektif.

Nik Fuad Nik Mohd Kamil¹⁶ juga membincangkan mengenai dasar sekuriti makanan di dalam buku karangan beliau. Di dalam buku tersebut, beliau membincangkan mengenai halangan-halangan untuk memastikan jaminan sekuriti makanan iaitu antaranya ialah berkenaan isu tanaman padi, persekitaran ekonomi dan lain-lain isu semasa yang berkaitan dengan sektor pertanian yang berlaku di Malaysia. Kemudian, beliau merumuskan hasil kajian dan implikasi dasar yang telah dijalankan oleh kerajaan kepada pembangunan ekonomi dan alam sekitar.

¹⁵Nur Annizah Ishak dan Pazim @ Fadzim Othman, *op.cit.*

¹⁶Nik Fuad Nik Mohd Kamil (2005), *Agricultural Policy and Sustainable Development in Malaysia*. Terengganu: Kolej Universiti dan Teknologi Malaysia (KUSTEM), h. xi.

1.6.2 Sekuriti Makanan

Penulisan mengenai sekuriti makanan antaranya ditulis oleh Anthony H. Chisholm and Rodney Tyers¹⁷ yang membincangkan mengenai sekuriti makanan secara umum sahaja. Kemudian, beliau menjelaskan mengenai keadaan pasaran makanan di peringkat antarabangsa dan perdagangan makanan di Asia. Menurut beliau, pasaran makanan antarabangsa sentiasa berubah dan ia bergantung kepada perdagangan makanan yang semakin berkurangan. Walau bagaimanapun, kadar populasi pula semakin bertambah dan tidak selari dengan pertambahan pengeluaran makanan. Oleh itu, ini menyebabkan punca berlakunya ketidakselamatan makanan.

Robert L. Thompson¹⁸ membincangkan konsep sekuriti makanan tetapi ia dijelaskan secara ringkas sahaja. Beliau mengutarakan pendekatan perubahan Bank Dunia dalam operasinya dan menyatakan kesan krisis kewangan di negara-negara Asia iaitu antaranya Jepun, China, Thailand dan Malaysia kepada sekuriti makanan. Beliau juga melihat pandangan global terhadap sekuriti makanan Asia.

Seterusnya, Fatimah Arshad¹⁹ pula menganalisis usaha-usaha Malaysia dalam menjamin sekuriti makanan dalam negara dengan meneliti adakah faktor tanah merupakan satu cabaran dan kekangan yang ketara dalam pertumbuhan sektor pertanian negara pada masa akan datang. Perkembangan yang pesat dalam sektor perkhidmatan pada sekitar tahun 1980an telah memberi kesan yang besar pada sekuriti makanan di Malaysia. Menurut beliau, tanah pertanian yang digunakan untuk tanaman padi semakin berkurang kerana pada masa tersebut negara mula memfokuskan kepada tanaman untuk

¹⁷Anthony H. Chisholm and Rodney Tyers (1982), "Food Security : An Introduction and Overview", *Food Security : Theory, Policy and Perspective From Asia and The Pacific Rim*. Toronto : Lexingtonbooks, D.C. Heath and Company, h. 1

¹⁸Robert L. Thompson (1999), "Food Security and The Global Context: The Economic Crisis and Food Security", *Food Security: The New Millennium*. Penang: Consumers International Regional Office for Asia Pacific, h. 3.

¹⁹Fatimah Mohd Arshad, "Sekuriti Makanan dan Isu Tanah Pertanian", <http://www.econ.upm.edu.my/~fatimah/tanah.htm>, 4 Ogos 2010.

eksport yang dikatakan lebih menguntungkan. Oleh sebab itu, untuk memenuhi sekuriti makanan bagi makanan asasi, Malaysia terpaksa mengimport beras dari negara luar.

Dalam kajian KP Kannan²⁰, mengkaji kesediaan makanan dan kemampuan dalam pengeluaran makanan. Seperti mana pelaksanaan yang dilakukan di Kerala, untuk mencapai tahap mampu diri bagi makanan adalah sangat sukar. Justeru, dengan dasar awam yang dijalankan di Kerala dapat mengurangkan kadar kemiskinan di negara tersebut dan ini telah dapat meningkatkan sekuriti makanan di negara tersebut. Walaupun ia berdepan dengan cabaran dalam dasar Kerajaan Pusat mengenai Sistem Edaran Awam di negara tersebut yang membawa Kerala menghadapi krisis kewangan tetapi mereka tetap memutuskan untuk meneruskan sistem sekuriti makanan seperti biasa di negara tersebut.

Selain itu, Randy Stringer²¹ pula membincangkan mengenai isu sekuriti makanan bagi pembangunan sesebuah negara dengan melihat kepada pendekatan-pendekatan polisi yang digunakan. Beliau juga turut membincangkan mengenai hubungan di antara sekuriti makanan, pembangunan ekonomi dan kemiskinan.

Selain itu, Hasanah Badrul²² mengkaji mengenai industri pengeluaran makanan di Malaysia. Menurut kajian beliau, matlamat kerajaan menjadikan Malaysia sebagai pengeluar makanan boleh dicapai melalui beberapa pendekatan, langkah, galakan, polisi dan kerjasama daripada semua pihak sama ada di peringkat kebangsaan atau antarabangsa. Beliau menjelaskan isu sekuriti makanan merupakan isu penting dan berkait rapat dengan industri pengeluaran makanan negara. Industri ini mempunyai potensi dan prospek masa depan yang cerah kerana ia telah diberi galakan dan sokongan yang intensif daripada kerajaan.

²⁰K.P. Kannan (2000), "Food Security in a Regional Perspective : A View from Food Deficit Kerala", (Working Paper at the National Seminar on Food Security in India : The Emerging Challenges in the Context of Economic Liberalisation by The Department of Public Distribution, Government India and Centre for Economic and Social Studies, Hyderabad during March 25-27, 2000 in Hyderabad.)

²¹Randy Stringer (2000), "Food Security In Developing Countries", <http://www.adelaide.edu.au/cies>, 4 November 2009.

²²Hasanah Badrul (2002), "Industri Pengeluaran Makanan di Malaysia : Prospek dan Cabaran" (Disertasi, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya).

AG Peterson²³ menjelaskan dalam penyelidikannya, tahap sekuriti makanan di Afrika adalah bergantung terutamanya kepada iklim, kemiskinan, keselamatan negara, infrastruktur dan kecekapan pengeluaran. Antara usaha-usaha kerajaan dan FAO bagi meningkatkan sekuriti makanan di Afrika ialah dengan menyasarkan pada penyediaan bantuan makanan. Bantuan makanan sangat penting bagi memenuhi keperluan makanan bagi mereka yang memerlukan.

Naziyan Nasiman²⁴ pula membincangkan tentang produk makanan halal di Malaysia dalam kajiannya. Bidang ini merupakan satu bidang baru dalam dunia perniagaan yang berpotensi tinggi untuk diterokai khususnya oleh para usahawan Islam. Pembangunan dan perkembangan positif dalam industri produk makanan halal ini merupakan alternatif terbaik kepada usahawan Muslim yang ingin memajukan ekonomi diri. Kajian ini juga menyentuh perkembangan dan potensi produk makanan halal di Malaysia serta sumbangannya kepada pembangunan ekonomi Islam. Oleh itu, dengan pengeluaran makanan halal akan dapat meningkatkan lagi sekuriti makanan dalam Islam.

Kajian Asmak Ab Rahman²⁵ pula membincangkan mengenai pertanian menurut perspektif Islam dan pelaksanaannya di Malaysia. Meletakkan akad *al-ijārah*, *al-muzāra'ah* dan *al-musāqāh* di bawah bentuk-bentuk penyewaan tanah pertanian turut dijelaskan di dalam kajian beliau ini. Beliau juga menyentuh kepentingan makanan dalam Islam, konsep sekuriti makanan dari aspek bekalan makanan, dan menghuraikan secara terperinci mekanisme pengagihan makanan yang merupakan aspek keupayaan memperoleh makanan. Mekanisme pengagihan makanan adalah dilakukan dalam

²³A.G. Paterson (2002), "Food Security in Africa : an Agriculturalist's Perception" (Paper Prepared for Presentation at The 13th International Farm Management Congress, Wageningen, The Netherlands, July 7-12, 2002).

²⁴Naziyan Nasiman (2003), *Produk Makanan Halal di Malaysia Menurut Perspektif Ekonomi Islam*. (Latihan Ilmiah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

²⁵Asmak Ab Rahman (2004), *op.cit.*

bentuk zakat pertanian, zakat binatang serta zakat fitrah, aqiqah, korban, denda, haji, kifarat, fidyah dan sedekah sunat.

Seterusnya Larry Chee-Yoong Wong²⁶ mengkaji mengenai pendekatan strategik Malaysia bagi menjamin sekuriti makanan iaitu negara perlu mempunyai tahap sara diri pertanian untuk kelangsungan sekuriti makanan dan mengurangkan kadar import makanan dari luar negara. Manakala, Dayangku Norasyikin Awang Tejuddin²⁷ membuat kajian mengenai keselamatan makanan di Tanduk Afrika. Menurut kajian ini, Afrika mengalami fenomena ketidakselamatan makanan terutamanya dua buah Negara iaitu Sudan dan Etopia. Ketidakselamatan makanan yang berlaku adalah disebabkan oleh beberapa faktor iaitu pergantungan kepada pertanian, kekangan dalam pengangkutan dan infrastruktur, polisi ekonomi yang rendah dan penglibatan kerajaan yang lemah dalam pembangunan sektor makanan.

Yuksel²⁸ menganggarkan sebanyak 825 juta penduduk dunia tidak dapat memperoleh makanan untuk hidup produktif dan sihat. Kelaparan tersebut yang berlaku akan terdedah kepada penyakit dan kematian, perkembangan otak terhad, produktiviti rendah di kalangan generasi akan datang. Kelaparan juga menjadi penghalang utama pembangunan ekonomi, sosial dan politik bagi sesebuah negara. Wanita dan kanak-kanak yang hidup di negara-negara membangun turut terdedah dengan kelaparan. Masalah kelaparan, kemiskinan dan penyakit adalah berkaitan antara satu sama lain. Keadaan ini menunjukkan sekuriti makanan terlalu sukar untuk dicapai.

²⁶Larry Chee-Yoong Wong, "Food Security and Growth : Malaysia's Strategic Approach and Future Adjustments", <http://www.isis.org.my/files/pubs/paper/LWFoodsecurity&economicgrowth.pdf>, 5 Ogos 2010.

²⁷Dayangku Norasyikin Awang Tejuddin (2005), "Keselamatan Makanan di Kawasan Tanduk Afrika" (Disertasi, Jabatan Pengajian Strategik dan Pertahanan, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya).

²⁸Yuksel, Nalan (2005), *Halving Hunger : It Can Be Done*. London: GBR Earthscan Publications, Limited, h. 19.

LeBlanc et.al.²⁹ pula mendapati dalam penyelidikannya iaitu bagi negara maju seperti Amerika Syarikat juga mengalami masalah berhubung dengan sekuriti makanan di mana pada tahun 2005 terdapat 10.7 peratus daripada penduduk negaranya tinggal dalam keadaan ketiadaan sekuriti makanan. Keadaan ini adalah disebabkan oleh keadaan kemiskinan yang mereka hadapi. Oleh itu, kerajaan negara tersebut telah menjalankan beberapa program bantuan bertujuan bagi memastikan sekuriti makanan masyarakat miskin terjamin.

Kajian oleh Sen, Ravallion dan Dreze³⁰ menunjukkan bahawa walaupun bekalan makanan adalah penting untuk diperolehi oleh pengguna tetapi terdapat halangan yang tidak membolehkan makanan tersebut diperolehi seperti masalah kemiskinan atau harga makanan yang tinggi di pasaran. Keupayaan untuk memperoleh makanan bergantung kepada keupayaan individu tersebut untuk memperoleh sumber, teknologi, pasaran, jalinan sosial dan melalui program pindahan makanan atau bantuan makanan.

Cecilia Rocha³¹ mendapati kerumitan sekuriti makanan memerlukan satu pendekatan disiplin dalam kajiannya. Beliau tidak setuju mengenai kegagalan pasaran dalam teori ekonomi terutamanya konsep-konsep luaran dan barang awam yang boleh digunakan dengan berkesan untuk menganalisis dan mengkritik sistem makanan. Beliau juga tidak setuju bahawa melalui satu pemahaman mengenai konsep-konsep ekonomi ini, kerajaan boleh menggunakan pasaran untuk mencipta dasar bagi memperbaiki sekuriti makanan.

Bagaimanapun Christopher B. Barrett³² pula menjelaskan program bantuan makanan perlu dilaksanakan bagi membantu rakyat miskin yang memerlukan bagi menjamin sekuriti makanan mereka. Bantuan makanan tersebut hendaklah diagihkan

²⁹Michael LeBlanc, Betsey Kuhn, James Blaylock (2005), "Poverty Amidst plenty: Food Insecurity In The United States", *Journal Agricultural Economics* Vol. 32. Jan 2005, p. 159-173.

³⁰Stringer, Randy (2000), "Food Security In Developing Countries" CIES Working Paper No. 11. <http://ssrn.com/abstract=231211>, 31 Disember 2008.

³¹Cecilia Rocha (2006), "Food Insecurity as Market Failure : A Contribution from Economics" , <http://www.rverson.ca/foodsecurity/publications/papers>, 12 September 2008.

³²Christopher B. Barrett, "Food Aid as Part of a Coherent Strategy to Advance Food Security Objectives", <ftp://ftp.fao.org/docrep/fao/009/ag037e/ag037e00.pdf>, 20 Ogos 2009.

terutamanya apabila negara tersebut berdepan dengan sesuatu bencana alam atau kekurangan bekalan dan lain-lain keperluan masyarakat dunia.

Murtada Mirghani³³ membincangkan mengenai maksud dan konsep sekuriti makanan daripada perspektif Islam dan beliau menyentuh tanggungjawab kerajaan dan individu dalam mencapai sekuriti makanan dengan melihat kesan aqidah dalam memperoleh makanan tersebut. Kajian beliau juga membincangkan mengenai konsep pembangunan dan pengeluaran dalam Islam dan mengkaji pembaharuan tanah dan nilai kerja dalam Islam.

Secara kesimpulannya, kajian lepas mengenai konsep sekuriti makanan dan dasar yang berkaitan dengan sekuriti makanan telah banyak dibuat oleh penyelidik sama ada dari Malaysia ataupun penyelidik dari luar negara. Kajian tersebut kebanyakannya memfokuskan kepada konsep sekuriti makanan menurut konvensional, manakala konsep sekuriti makanan menurut perspektif ekonomi Islam amat kurang sekali dan sangat perlu kepada kajian baru. Selain itu, kajian mengenai dasar yang terlibat dalam sekuriti makanan juga telah banyak dibuat antaranya Fatimah Arshad, Zulkifly Mustapha dan lain-lain tetapi, kajian penulis tersebut tidak membincangkannya dari aspek ekonomi Islam. Oleh itu, sangat perlu kajian dari sudut ekonomi Islam itu sendiri untuk memastikan jaminan sekuriti makanan sebenar dalam Islam.

1.7 METODOLOGI KAJIAN

Di dalam menjalankan kajian ini, penulis menggunakan beberapa metode untuk mengumpulkan data-data yang diperlukan dan untuk membuat analisa terhadap data yang diperoleh. Kajian ini adalah kajian kualitatif yang berbentuk penerokaan dan deskriptif. Metode yang digunakan oleh penulis ialah :

³³Murtada Mirghani (2008), "Food Security From Islamic Perspective", (Paper Presented at International Seminar on Research in Islamic Studies at Academy of Islamic Studies, University of Malaya, Kuala Lumpur, 17-18 December 2008), h. 207.

1.7.1 Metode Pengumpulan Data

Penulis telah menggunakan dua kaedah pengumpulan data bagi mengumpulkan data-data yang berkaitan dengan subjek penyelidikan. Pengumpulan data ini adalah berbentuk data kualitatif. Data kualitatif adalah berbentuk maklumat dan data yang boleh diperolehi dari buku dan makalah, dokumen, laporan, carta, jadual dan sebagainya dikumpul melalui :

1. Kaedah Penyelidikan Perpustakaan

Penulis telah menggunakan metode penyelidikan perpustakaan untuk mengumpulkan data-data yang berkaitan dengan sekuriti makanan. Kajian ini amat perlu dalam mengenal pasti pengertian, pentafsiran dan kepentingan sekuriti makanan yang sebenar. Ia juga membantu penulis dalam mencari jawapan bagi isu-isu dalam sektor ini. Dalam proses ini, penulis merujuk kepada sumber-sumber rujukan yang berkaitan sama ada berbentuk primer atau sekunder didapati melalui pelbagai rujukan sama ada berbahasa Arab, Inggeris dan Melayu. Kajian penulis adalah mengenai Dasar Pertanian Negara, oleh itu penulis telah merujuk kepada lembaran-lembaran Dasar Pertanian Negara, Rancangan Malaysia Lima Tahun, Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia, laporan ekonomi dan laporan-laporan DPN yang dibuat oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA). Sebahagian besar daripada sumber rujukan, diperolehi dengan menggunakan kemudahan-kemudahan yang terdapat di Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Perpustakaan Peringatan Za'aba, Perpustakaan Negara, Perpustakaan Awam Pusat Islam dan Perpustakaan Awam Daerah Jasin, Melaka.

2. Metode Temu bual

Penulis menggunakan metode temu bual untuk memperoleh maklumat secara terus dan bersifat primer daripada responden yang dipilih. Penulis telah menjalankan temu bual bersama dengan Puan Noraisah binti Spahat iaitu Ketua Penolong Setiausaha, Bahagian

Perancangan Strategik dan Antarabangsa di Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yang terlibat dalam merangka dasar berkenaan sekuriti makanan untuk mendapatkan maklumat tentang perkembangan dasar-dasar tersebut. Selain itu penulis juga turut menemu bual Puan Nur Hafizah binti Sharudin, Pegawai Pertanian Daerah Manjung, Perak untuk mendapatkan maklumat mengenai pelaksanaan DPN. Metode ini juga digunakan untuk menilai prestasi atau pencapaian dasar yang terlibat. Soalan temu bual yang direka oleh penulis adalah berstruktur dan separa-berstruktur.

1.7.2 Metode Penganalisan Data

Data-data yang diperoleh daripada metode pengumpulan data kemudiannya dianalisis oleh penulis dengan menggunakan pendekatan-pendekatan berikut : -

1. Metode Induktif

Metode ini merupakan suatu cara penganalisan data melalui pola berfikir dengan mencari pembuktian dari hal-hal yang bersifat khusus untuk sampai kepada yang bersifat umum. Metode ini telah diaplikasikan kajian ini untuk memberi penjelasan mengenai latar belakang masalah kajian dan konsep-konsep awal penyelidikan. Melalui metod ini, penulis telah menganalisis isu-isu yang wujud dalam sekuriti makanan iaitu antaranya isu kekurangan makanan dan kenaikan harga minyak yang memberi kesan kepada harga makanan.

2. Metode Deduktif

Metode ini merupakan suatu cara menganalisa dan melakukan penulisan yang berlandaskan kepada pola-pola berfikir bagi mencari pembuktian yang berdasarkan kepada bukti umum terhadap hal-hal khusus. Metode ini telah diaplikasi di dalam bab empat iaitu menganalisis data-data bagi komoditi makanan yang dikumpul bermula dari tahun 1980 hingga 2010 dari Rancangan Malaysia yang dilaksanakan bagi melihat

pencapaian sektor tersebut dalam menjamin sekuriti makanan negara. Melalui metod tersebut penulis dapat menjelaskan pencapaian yang ditunjukkan oleh sektor tersebut melalui dasar yang dilaksanakan.

3. Metode Komparatif

Melalui metode ini penulis telah membuat kesimpulan berdasarkan perbandingan terhadap data-data yang diperoleh. Apabila proses ini selesai penulis seterusnya membuat penilaian untuk dijadikan satu kesimpulan yang merangkumi semua aspek pengkajian yang dilakukan. Metod ini telah diaplikasikan dalam bab yang kedua dan ketiga kajian ini. Penulis telah membuat perbandingan mengenai konsep sekuriti makanan konvensional dengan konsep sekuriti makanan yang telah wujud dalam ekonomi Islam. Selain itu, penulis turut membandingkan objektif dan strategi di antara DPN1, DPN2, DPN3 dan DJBM untuk melihat program-program utama berterusan dilaksanakan bagi pembangunan komoditi makanan.

1.8 SISTEMATIKA BAB

Penulis telah membahagikan kajian ini kepada lima bab yang merangkumi keseluruhan skop kajian penulis. Bab pertama merupakan pengenalan bagi kajian yang akan dilakukan di mana penulis menghuraikan pengenalan, latar belakang masalah kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian, lokasi kajian, metodologi penyelidikan, kajian lepas dan sistematika bab.

Dalam Bab kedua pula, penulis menjelaskan tentang konsep makanan, sekuriti makanan secara umum dan juga menjelaskan konsep sekuriti makanan menurut Islam. Selain itu, dalam bab ini penulis membincangkan mengenai ketidakselamatan makanan, dimensi sekuriti makanan dan strategi Islam dalam menjamin sekuriti makanan.

Manakala di dalam bab ketiga pula, penulis telah menjelaskan usaha membangunkan sekuriti makanan di bawah Dasar Pertanian Negara dan Dasar Bekalan

Makanan bermula dari tahun 1984 hingga 2008 dan juga dasar berkenaan pertanian di bawah Rancangan Malaysia Kelima hingga Rancangan Malaysia Kesembilan.

Seterusnya, di dalam bab keempat, penulis membuat analisis data-data yang telah dikumpulkan iaitu dengan melihat pelaksanaan dasar dari perspektif ekonomi Islam. Selain itu, penulis membincangkan perkembangan dasar yang berkaitan dengan pertanian dan juga melihat dari segi implikasi dan pencapaian dasar sekuriti makanan yang dijalankan terutamanya dalam pengeluaran, penggunaan, import dan eksport makanan.

Dalam bab yang terakhir iaitu bab kelima penulis telah menyimpulkan keseluruhan kajian penyelidikan penulis. Penulis juga turut menyatakan saranan dan cadangan bertujuan memberikan maklumat berguna dan sedikit sumbangan hasil dari kajian ini agar ia dapat dipertimbangkan untuk diberi perhatian atau tindakan yang sewajarnya oleh pihak yang bertanggungjawab seperti kerajaan agensi-agensi yang terlibat dan sebagainya.

1.9 KESIMPULAN

Kekurangan bekalan makanan menjadi isu utama kepada perlunya sekuriti makanan dalam sesebuah negara. Sektor pertanian memainkan peranan penting dalam membekalkan sumber makanan tersebut. Malaysia sebagai sebuah negara yang sedang membangun sudah mula kembali membangunkan sektor pertanian yang meliputi perikanan, penternakan dan tanaman. Menyedari kepentingan pembangunan sektor pertanian sebagai membekalkan sumber bekalan makanan mencukupi kepada penduduk MOA telah menggubal pelbagai dasar dan peruntukan besar diberikan untuk rancangan pembangunan lima tahun. Antara dasar-dasar utama yang telah dibentuk untuk menyusun strategi pembangunan sektor pertanian termasuklah Dasar Pertanian Negara (DPN).

BAB DUA

KONSEP SEKURITI MAKANAN

2.0 PENDAHULUAN

Makanan adalah salah satu keperluan asas manusia di samping tempat tinggal dan pakaian. Oleh itu, isu krisis makanan bukan merupakan satu isu remeh yang perlu dibiarkan begitu sahaja. Apa yang membimbangkan krisis makanan yang menimpa dunia pada masa ini melibatkan bekalan makanan ruji seperti beras, gandum, bijirin dan jagung yang menjadi keperluan asas setiap individu di dunia ini.

Sektor pertanian merupakan usaha bagi memperkembangkan keupayaan pengeluaran makanan dunia. Semenjak pertanian bermula, pengeluaran makanan telah bertambah beratus-ratus kali ganda. Tetapi, malangnya bilangan manusia juga turut bertambah yang memerlukan pertambahan makanan lebih banyak kerana permintaan yang tinggi ke atas makanan tersebut. Dalam keadaan ini kekurangan makanan yang mendadak di sesuatu tempat biasanya akan mengakibatkan kelaparan dan kebuluran yang meluas. Manusia bukan sahaja mati dan menderita dalam jumlah yang besar tetapi ramai yang terpaksa melakukan perbuatan-perbuatan yang ekstrem oleh kerana diancam mati kelaparan.³⁴ Ini menunjukkan kepentingan makanan yang sebenar yang manusia tidak boleh hidup tanpanya.

Bagi mengatasi masalah kekurangan bekalan makanan ini sesebuah negara perlu mempunyai sekuriti makanan. Sekuriti makanan bermakna semua orang pada setiap masa boleh memperoleh makanan yang mencukupi untuk meneruskan hidup yang sihat

³⁴Lester R. Brown dan Eric P. Eckolm (1974), *By Bread Alone*. New York: Praeger Publishing, h. 26.

dan aktif.³⁵ Ia juga merangkumi soal pemakanan yang sihat dan selamat di samping bekalan makanan yang mencukupi termasuk ketika darurat.

2.1 DEFINISI MAKANAN

Menurut kamus dewan, makanan bermaksud apa sahaja yang boleh dimakan seperti nasi, roti dan lain-lain lagi.³⁶ Makanan adalah komponen penting untuk mencapai kesejahteraan hidup. Salah satu daripada keperluan asas yang sangat penting untuk meneruskan kehidupan di samping oksigen ialah makanan. Tanpa makanan yang seimbang sama ada dari aspek kuantiti atau kualiti nutrien, tahap kesihatan individu tidak mungkin dapat dicapai ke paras yang optimum.³⁷

Makanan dapat memenuhi keperluan yang dikehendaki oleh tubuh badan manusia untuk meneruskan kehidupan. Ini adalah proses yang berlaku dalam badan manusia secara semula jadi. Dalam menjalani proses kehidupan dan tumbesaran, manusia memerlukan sumber nutrien, zat, tenaga serta karbohidrat daripada makanan seperti nasi, gula, roti dan ubi. Risiko kekurangan zat makanan dalam diri individu dapat dikurangkan dengan mempelbagaikan pengambilan jenis makanan yang berkhasiat. Oleh itu, individu perlu sentiasa mengawasi jenis kelas makanan yang dimakan bagi memastikan pengambilan makanan dapat memenuhi keperluan tubuh badan yang sihat.³⁸

³⁵Utusan Malaysia, "Makanan dalam Islam Bukan Hanya Halal Haram", http://www.utusan.com.my/utusan/arkib.asp?y=2008&dt=0411&pub=utusan_malaysia&sec=rencana&pg=re_02.htm, 30 Disember 2008.

³⁶Dewan Bahasa dan Pustaka (2002), *Kamus Dewan*, Edisi Ketiga. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 846.

³⁷Norhasmah Sulaiman (2004), "Status Pemakanan dan Kesihatan Golongan Berpendapatan Rendah", *Golongan Berpendapatan Rendah, Realiti dan Cabaran*. Serdang, Selangor : Penerbit Universiti Putra Malaysia, h. 112.

³⁸Kamal Nazmi dan Syarifah Isyak (2006), *Makanan Untuk Kesihatan dan Tenaga*. Selangor: Edu Tech Publisher, hh.1-2.

2.2 PENGERTIAN SEKURITI MAKANAN

Terma sekuriti makanan (*food security*) telah digunakan oleh ramai penulis sejak dari tahun 1960an lagi. Istilah tersebut telah berkembang pada peringkat global dan domestik disebabkan berlakunya krisis minyak dunia dan krisis makanan dunia yang berlaku sekitar 1972 hingga 1974. Kemudian, berlaku pula masalah kebuluran di Afrika pada tempoh 1984 hingga 1985 dan menyebabkan peningkatan jumlah manusia yang memerlukan bantuan makanan di negara-negara maju. Keadaan yang berlaku tersebut menyebabkan istilah sekuriti makanan berkembang dengan pesat sehingga menghasilkan pelbagai definisi yang berbeza dan 200 definisi dan 450 indikator sekuriti makanan telah dicatatkan.³⁹

Konsep sekuriti makanan telah berubah dan berkembang dari masa ke masa untuk menggambarkan pelbagai isu-isu makanan dan kerumitan peranan makanan dalam masyarakat. Oleh itu, definisi awal sekuriti makanan tertumpu kepada keupayaan negara untuk memastikan bekalan makanan yang mencukupi untuk penduduk dan penekanan adalah kepada akses makanan yang selamat kepada penduduk. Makanan bukan sahaja memberi nutrien dan khasiat tetapi juga mempunyai simbolik, budaya, sosial dan politik tertentu. Selain itu, isu sekuriti makanan pada peringkat negara adalah yang berkaitan dengan penghasilan dan pengimportan makanan yang mencukupi dalam negara.⁴⁰

Terdapat persamaan definisi sekuriti makanan yang dibuat oleh beberapa penulis antaranya Ganapathy et.al, Koc & Dahlberg, Frankenberder dan Maxwell. Persamaan tersebut adalah dari segi komponen asas. Seperti mana menurut Maxwell dan Frankenberder terdapat pelbagai definisi sekuriti makanan ke dalam akses yang selamat

³⁹Hoddinot. J (1999), "Choosing Outcome Indicators of Household Food Security", <http://motherchildnutrition.org/nutrition-protection-promotion/pdf/mcn-household-food-security.pdf>, 28 Disember 2011.

⁴⁰Toronto Public Health (2006), "Food Security : Implication for The Early Years", *Background Paper*. Toronto. Ontario: Toronto Public Health, h.20.

pada setiap masa untuk makanan yang mencukupi. Terma selamat, akses, masa dan cukupi diberikan takrif yang berbeza, sebagai contoh terdapat perspektif yang mengatakan bahawa makanan yang mencukupi bermaksud cukup untuk hidup sahaja dan ada pendapat lain menjelaskan cukup tersebut sebagai cukup untuk hidup yang sihat dan aktif.⁴¹

Teras dalam sekuriti makanan adalah terdiri daripada anti-kelaparan atau matlamat untuk penghapusan kemiskinan. Kedua-dua teras tersebut pada asasnya berkaitan dengan akses makanan dari segi kuantiti dan kualiti. Oleh itu, antara pendekatan yang dilaksanakan bagi memastikan tiada masalah kebuluran dan kemiskinan, manusia mesti mempunyai makanan dan pendapatan yang mencukupi untuk mengakses kuantiti makanan yang mencukupi. Manakala pendekatan bagi sistem makanan pula ialah dengan penekanan terhadap kualiti makanan yang ada dengan mengambil kira bagaimana makanan tersebut dihasilkan dari proses pengeluaran sehingga kepada penggunaan untuk individu dan masyarakat dalam sesebuah negara.⁴³

Selain itu, konsep sekuriti makanan telah dijelaskan oleh Koc et al.⁴⁴ dengan maksud kuantiti dan kualiti makanan yang lebih luas kepada empat perkara iaitu kesediaan, kebolehcapaian, penerimaan dan kecukupan (*availability, accessibility, acceptability, adequacy*). Bekalan makanan yang mencukupi dari segi kuantiti dan boleh diakses kepada semua pada masa yang sama. Terdapat nilai budaya dan simbolik pada makanan iaitu makanan yang boleh diakses tersebut perlu sesuai dengan tradisi makanan seseorang individu atau maksud lain makanan tersebut sesuai merupakan makanan yang kebiasaan dimakan. Penentuan kecukupan juga perlu merangkumi

⁴¹S. Maxwell and T. Frankenberger (1992), *Household Food Security: Concepts, Indicators, and Measurements: A Technical Review*. New York and Rome: UNICEF and IFAD.

⁴³Ganapathy S, Christy Getz and Shelia BD. A (2005), "Framework for Understanding Food Insecurity: An Anti-Hunger Approach", *A Food Systems Approach*. Berkeley, CA: UC Centre for Weight and Health, h. 114.

⁴⁴Koc M and Dahlberg, KA, (1999), The Restricting of Food Systems: Trends, Research and Policy Issues. *Agriculture and Value.*; 16, hh. 109-116.

kebolehpayaan memenuhi keperluan makanan dalam jangka panjang bagi keperluan generasi akan datang.

Perbezaan definisi yang dibuat oleh para penulis adalah terhadap persoalan-persoalan tersebut iaitu '*siapa yang patut mendapatkan makanan?*', '*bila/bagaimana mendapatkan makanan?*', '*berapa banyak jumlah makanan?*', '*apakah jenis makanan?*'. Perbezaan definisi yang berlaku adalah berasaskan pada tumpuan geografi, permulaan konsep, penyusunan dan analisis yang dibuat oleh penulis. Hasil analisis tersebut sangat penting untuk memahami istilah sekuriti makanan pada peringkat antarabangsa, negara, masyarakat, isi rumah dan individu. Analisis sekuriti makanan pada peringkat antarabangsa akan melihat keupayaan pengeluar makanan di dunia bagi memenuhi keperluan statistik yang dikira melalui kalori yang diperlukan oleh penduduk bumi dalam tempoh jangka panjang dan ancaman yang boleh berlaku seperti pengubahsuaian genetik dan ancaman biodiversiti.⁴⁵

Sekuriti makanan merujuk kepada kewujudan bekalan makanan dan kemampuan untuk memperolehnya. Dengan bahasa yang mudah, jika bekalan makanan ada dan harganya mampu untuk dibayar oleh semua lapisan masyarakat, ia sudah menepati terma tersebut. Ia juga merangkumi senario di mana sesebuah isi rumah itu tidak mengalami masalah kelaparan atau tiada kekhuatiran terhadap kemungkinan berlaku kelaparan kerana mempunyai bekalan makanan mencukupi.⁴⁶

Bagaimanapun terdapat beberapa definisi lain tentang sekuriti makanan iaitu satunya definisi yang diberikan oleh Pertubuhan Makanan dan Pertanian Bangsa-bangsa Bersatu (FAO) ialah sekuriti makanan wujud apabila semua manusia pada bila-bila masa memperoleh makanan berkhasiat secara mencukupi. Selain itu, makanan tersebut

⁴⁵Toronto Public Health (2006), *op.cit.*, hh. 21-22.

⁴⁶Muhammad Hisyam Mohamad (2008), "Krisis Makanan Dunia dan Jaminan Makanan (Food Security)", *Majalah Kefahaman Islam (VISI)*, Bil. 88. Kuala Lumpur : Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), h. 42.

mestilah selamat bagi memenuhi keperluan dan pemilihan pemakanan manusia bagi membolehkan mereka menjalani suatu kehidupan yang aktif dan sihat.⁴⁷

Mengikut FAO lagi, terdapat tiga komponen utama dalam sekuriti makanan, iaitu:⁴⁸

- 1) Ketersediaan makanan – ketersediaan kuantiti makanan yang mencukupi dan berkualiti yang dibekalkan melalui pengeluaran domestik atau import. Pengeluaran makanan tersebut mestilah mencukupi mengikut keperluan manusia.⁴⁹
- 2) Akses makanan – iaitu kemampuan semua isi rumah dan individu untuk memperoleh makanan yang cukup untuk keperluan dietnya yang dapat diperoleh dari pengeluaran makanannya sendiri, pembelian ataupun melalui bantuan makanan. Akses isi rumah dan individu terdiri dari akses ekonomi, fizik dan sosial. Akses ekonomi tergantung kepada pendapatan dan harga. Akses fizik merangkumi kemudahan untuk memperoleh makanan seperti prasarana, manakala akses sosial merangkumi makanan yang sesuai dengan budaya.
- 3) Penggunaan – penggunaan diet makanan yang lengkap berterusan, air yang bersih untuk mencapai sebuah negara yang mempunyai bekalan yang mencukupi di mana kesemua keperluan makanan dapat diperoleh.
- 4) Kestabilan – untuk memastikan sekuriti makanan, individu atau isi rumah mesti mempunyai akses untuk makanan pada sepanjang masa. Mereka tidak akan menghadapi risiko untuk mengakses makanan walaupun berlakunya kejutan pasaran seperti krisis ekonomi dan sebagainya.

Interpretasi dan terjemahan konsep sekuriti makanan berbeza mengikut tahap. Di tahap antarabangsa, ia bermaksud pertanggungjawaban semua negara untuk memastikan

⁴⁷Food Agriculture Organisation (FAO), http://ftp.fao.org/es/ESA/policybriefs/pb_02.pdf, 23 Mac 2009.

⁴⁸*Ibid.*

⁴⁹Cecilia Rocha (2006), "Food Security as Market Failure : A Contribution from Economics", <http://www.rverson.co/foodsecurity/publication/papers/foodinsecuritymarketfailure.pdf>., 12 Februari 2009.

pasaran dan harga makanan yang stabil. Di tahap kebangsaan atau sesuatu negara, kesediaan makanan dalam jumlah yang cukup, selamat dan bergizi untuk setiap orang dalam suatu negara yang diperoleh dari pengeluaran tempatan, import, ataupun melalui bantuan makanan. Kesediaan makanan ini harus mampu mencukupi berdasarkan jumlah kalori yang diperlukan untuk hidup aktif dan sihat. Ia juga diterjemahkan sebagai keupayaan untuk memastikan penawaran makanan yang stabil dalam pasaran domestik. Di tahap perseorangan atau individu, ia bermakna bahawa setiap individu memperoleh makanan yang cukup untuk keperluan dietnya yang dapat diperoleh dari pengeluaran makanannya sendiri, pembelian ataupun melalui bantuan makanan. Setiap individu memiliki bekalan makanan yang bukan sahaja mencukupi tetapi juga memenuhi keperluan pemakanan yang dianggap standard.⁵⁰

Manakala Jabatan Pertanian Amerika Syarikat pula menyatakan bahawa sekuriti makanan bagi sesebuah isi rumah bermaksud setiap ahlinya mempunyai capaian kepada makanan secara mencukupi pada bila-bila masa bagi membolehkannya menjalani satu kehidupan secara aktif dan sihat.⁵¹ Sekuriti makanan ini merangkumi keperluan-keperluan minimum ke atas perkara-perkara berikut:⁵²

- 1) Sumber yang tersedia dan mencukupi dari segi nutrien dan keselamatan.
- 2) Jaminan kemampuan untuk memperoleh makanan melalui cara yang diterima ramai maksudnya tanpa perlu menggunakan bekalan kecemasan, mencari-cari, mencuri dan sebagainya.

KP Kannan mendefinisikan sekuriti makanan dengan keupayaan sebuah kerajaan bagi menjamin akses makanan untuk penduduk negaranya dengan

⁵⁰Parikh, K.S and W. Tims (1989), "Food Consumption, Dietary Status and Chronic Hunger : An Assessment of its Extent and Policy Options", *Proceeding of World Food Conference Food and Agricultural Policies and Programs of Major Countries and Regions*. Iowa City : Iowa State University Press, hh. 3-42.

⁵¹United State Development Agriculture (USDA), <http://www.ers.usda.gov/Briefing/FoodSecurity/measurement.htm#what>, 28 April 2009.

⁵²Muhammad Hisyam Mohamad (2008), *op.cit.*, h. 43.

menambahkan pengeluaran dan melaksanakan pengagihan yang saksama dan adil.⁵³ Selain itu, James Roumasset pula mendapati sekuriti makanan sebagai keupayaan untuk memenuhi tingkat penggunaan dalam keadaan naik turun pengeluaran, harga dan pendapatan.⁵⁴

Di sini boleh dikatakan sekuriti makanan penting bagi memastikan masyarakat memperoleh makanan asas yang berkhasiat tanpa perlu berhadapan dengan masalah kekurangan bekalan makanan atau terpaksa membayar pada harga yang melampau. Kesan buruk ketiadaan sekuriti makanan ialah masalah kebuluran dan kelaparan. Jadi dengan memastikan bekalan makanan mencukupi pada harga yang mampu dibayar oleh penduduk, secara tidak langsung ia akan menghapuskan kesan-kesan bahaya yang berpunca daripada masalah kebuluran dan kekurangan zat makanan seperti jenayah mencuri, merompak, rusuhan dan sebagainya.⁵⁵

Disimpulkan bahawa sekuriti makanan adalah untuk memastikan kecukupan makanan dan nutrien yang diperlukan. Ia juga meliputi aspek ekonomi dan sosial iaitu memberi kuasa kepada individu untuk mengakses makanan daripada pendapatan yang diperoleh, penglibatan masyarakat dalam aktiviti sekuriti makanan seperti menyalurkan bantuan makanan dan daripada pengeluaran makanan itu sendiri.

2.3 DIMENSI SEKURITI MAKANAN

Penawaran makanan yang mencukupi sangat penting dalam menjamin sekuriti makanan kepada sesebuah masyarakat. Sekuriti makanan biasanya dikaitkan dengan isu yang berlaku di kalangan Negara Dunia Ketiga yang merangkumi kemiskinan, kekurangan nutrien, penawaran makanan berkurangan, kebuluran, pemprosesan makanan, dan

⁵³Kannan, K.P. (2000), "Food Security in a Regional Perspective : A View from Food Deficit Kerala", (Kertas Kerja yang dibentangkan di Seminar Sekuriti Makanan Peringkat Kebangsaan di Hyderabad, India pada 25-27 Mac 2000).

⁵⁴James Roumasset (1982), "Rural Food Security", *Food Security: Theory, Policy and Perspective from Asia and The Pasific Rim*. Canada : D.C. Heath and Company, h. 129.

⁵⁵*Ibid.*

keselamatan makanan. Ini menunjukkan isu sekuriti makanan menjadi isu penting kepada setiap bangsa di dunia bagi meningkatkan penawaran makanan asasi. Terdapat tiga dimensi sekuriti makanan iaitu:

a) Pengeluaran Makanan

Pengeluaran secara umumnya merujuk kepada pengeluaran makanan daripada aktiviti tanaman makanan, ternakan dan perikanan. Ia melibatkan isu utama bagaimana hendak meningkatkan pengeluaran makanan di pasaran iaitu untuk memastikan pengeluaran mencukupi bagi memenuhi keperluan penduduk. Antara langkahnya adalah dengan memperbaiki teknik dan teknologi pengeluaran makanan tersebut. Di dalam era bioteknologi, pengeluaran makanan dikatakan telah bertambah. Ini membuktikan bioteknologi dapat meningkatkan pengeluaran makanan dan perlu diberi lebih penekanan.⁵⁶

Bagi memastikan pengeluaran makanan sentiasa mencukupi, Malaysia telah melaksanakan dasar yang khusus untuk sektor pertanian iaitu bermula dengan DPN1 dan sehingga kini Malaysia telah melaksanakan DPN4. Melalui DPN, kerajaan telah mengatur berbagai-bagai strategi pengeluaran yang melibatkan komoditi makanan utama iaitu padi, sayur-sayuran, buah-buahan, daging lembu, daging kambing, daging ayam-itik, ikan, susu dan telur. Prestasi pengeluaran bagi komoditi tersebut akan dijelaskan dalam bab yang keempat.

b) Pengagihan Makanan

Pengagihan atau penawaran makanan pula melibatkan peranan sektor awam dan swasta dalam menentukan kesediaan bekalan makanan dan polisi harga dalam pasaran.

Pihak kerajaan dan swasta mestilah bekerjasama dalam memastikan pengagihan

⁵⁶Mohd Effendi Norwawi (2006), "Food Security from The Malaysian Perspective", *Food Technological Progress : An Islamic Perspective*, Shaikh Mohd Saifuddeen Shaikh Mohd Salleh dan Azrina Sobian (edt.). Kuala Lumpur : MPH Group Publishing Sdn. Bhd., h. 1.

makanan menyeluruh kepada lapisan masyarakat dan memastikan harga makanan adalah di bawah kemampuan masyarakat.⁵⁷ Di Malaysia, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) memainkan peranan penting dalam memastikan pemasaran komoditi sentiasa stabil dan tersusun. Di samping itu, kerajaan juga turut mengawal harga barang terutama melibatkan komoditi makanan utama supaya ia mampu diperolehi penduduk negara.

c) **Penggunaan Makanan**

Dimensi sekuriti makanan yang ketiga ialah penggunaan makanan. Ia adalah aspek permintaan yang memerlukan penawaran makanan yang mencukupi serta mengandungi nutrien bagi menjamin keselamatan makanan. Apabila menjelaskan mengenai penggunaan makanan, ia bukan sahaja memastikan penawaran makanan mencukupi tetapi lebih penting memastikan makanan yang ditawarkan tersebut adalah selamat diambil dan kaya dengan kandungan nutrien yang diperlukan oleh tubuh badan manusia. Ini akan membantu melahirkan masyarakat yang sihat yang menjadi aset pembangunan negara⁵⁸. Antara nutrien yang diperlukan oleh tubuh badan manusia boleh dilihat dalam Jadual 2.1.

⁵⁷*Ibid.*, hh.1-2.

⁵⁸*Ibid.*, h.2.

Jadual 2.1 : Nutrien yang Diperlukan oleh Manusia


Nutrien	Fungsi	Sumber Makanan
Karbohidrat	Sumber tenaga yang utama yang diserap segera ke dalam sistem tubuh manusia. Karbohidrat menyumbangkan kira-kira 50% daripada pengambilan tenaga yang diperlukan oleh tubuh manusia. Karbohidrat terdiri daripada gula, kanji dan beberapa selulosa, gam dan pektin.	Bijirin, beras dan gandum
Protein	Mengandungi zat seperti asid amino yang membantu pertumbuhan tisu badan, menstruktur sel badan, serta membekalkan tenaga.	Telur, susu, daging lembu, daging ayam dan ikan
Lemak	Menyediakan lebih dua kali ganda nilai kalori yang diperolehi daripada karbohidrat dan menjadi sumber utama lemak tubuh. Selain itu, lemak berperanan sebagai penebat dengan menghalang haba keluar daripada badan dan membantu memanaskan badan apabila seseorang terdedah kepada suhu persekitaran yang terlalu sejuk. Lemak juga mengandungi vitamin larut lemak dan asid lemak yang penting kepada penyatuan selaput sel.	Minyak sayur-sayuran, santan kelapa, daging dan kuning telur.
Galian	Mengandungi kompaun bukan organik yang penting kepada pemakanan manusia. Ia berperanan dalam pembentukan struktur tulang dan unsur yang diperlukan dalam tisu organik dan cecair badan seperti hemoglobin darah	Susu, telur, buah-buahan dan sayur-sayuran
Vitamin	Ia membantu tubuh mengurai dan menggunakan unsur asas makanan, protein, karbohidrat dan lemak. Sesetengah vitamin turut terbabit dalam penghasilan sel darah, hormon, bahan genetik dan kimia dalam system saraf. Tidak seperti karbohidrat, protein dan lemak, vitamin dan mineral tidak membekalkan kalori tetapi membantu badan mendapatkan tenaga dari tubuh.	Telur, susu, ikan, daging, ayam, bijirin, sayur-sayuran dan buah-buahan

Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia⁵⁹

⁵⁹Kementerian Kesihatan Malaysia (MOH), www.infosihat.gov.my/penyakit/Pemakanan/SarananPengambilanNutrien.php, 9 Mac 2012.

Manusia perlu memenuhi keperluan nutrien untuk hidup yang cergas dan sihat. Nutrien-nutrien tersebut perlu diambil mengikut keperluan sahaja. Seperti mana piramid makanan yang dibuat oleh Kementerian Kesihatan Malaysia memberi panduan pemakanan bagi penduduk Malaysia.

Gambar 2.1: Piramid Makanan



Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia⁶⁰

Islam juga amat memandang berat kepada pengambilan makanan. Makanan tersebut bukan sahaja mencukupi tetapi mestilah mengandungi nutrien dan khasiat kepada tubuh badan. Justeru, dalam Islam terdapat tahap keutamaan yang dikenali sebagai *maṣlahah*.⁶¹ Ia adalah berkenaan dengan kehidupan manusia termasuk dalam aspek makanan. Terdapat tiga tahap *maṣlahah* yang berkaitan dengan makanan iaitu:

Tahap Pertama : Makanan *Ḍarūriyyāt*

⁶⁰Kementerian Kesihatan Malaysia (MOH), www.myhealth.gov.my/myhealth/index.php/en/pemakanan, 9 Mac 2012

⁶¹Syāḥibī, Abū Ishāq al- (1973), *al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Syarī'ah*, Beirut: Dār al- Ma'rifah, Jil. 2, hh. 8-12, Ghazālī, Abū Ḥamīd al- (1983), *al-Muṣṭasfā min 'Ilm al-Uṣūl*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, Jil. 1, h. 286.

Makanan *ḍarūriyyāt* bermaksud makanan asas dan utama yang amat diperlukan dan menjadi makanan ruji penduduk. Ketiadaan makanan ini akan membinasakan dan membimbangkan kehidupan kerana ia berkait rapat dengan pemeliharaan agama, jiwa, akal, keturunan dan harta. Segala sesuatu yang tidak sesuai dengan lima asas tersebut adalah bertentangan dengan tujuan syarak. Perbuatan tersebut dilarang secara tegas dalam agama. Allah S.W.T. melarang makan benda-benda yang tidak halal bagi memelihara agama dan keturunan; melarang makan makanan yang memudaratkan bagi memelihara jiwa, melarang minum arak bagi memelihara akal sihat, dan mencuri atau merompak dilarang bagi memelihara harta dari sumber yang tidak halal untuk memperoleh makanan.⁶²

Di Malaysia, makanan ruji adalah nasi dan dikategorikan sebagai *ḍarūriyyāt* yang menjadi makanan harian utama penduduk. Ini adalah bersamaan dengan lapisan terbawah dalam piramid makanan yang telah dibuat oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Nasi merupakan makanan yang mesti mencukupi dan perlu diambil di antara 4-8 sajian sehari. Untuk memenuhi keperluan utama ini, pengeluaran beras daripada tanaman padi mesti mencukupi.

Tahap Kedua :Makanan *Ḥajiyyāt*

Makanan *ḥajiyyāt* merupakan keperluan yang penting tetapi ketiadaannya tidaklah membawa kepada kebinasaan hidup manusia. Kewujudannya dikehendaki dalam menyempurnakan lima *maṣlahah ḍarūriyyāt* yang merupakan keringanan bagi mempertahankan dan memelihara keperluan makanan asas manusia.⁶³

Menurut piramid makanan Malaysia, sayur-sayuran dan buah-buahan merupakan makanan kedua utama selepas nasi. Makanan ini sangat diperlukan untuk memberikan nutrien dan khasiat yang baik untuk tubuh badan yang sihat. Makanan ini

⁶²*Ibid.*

⁶³*Ibid.*

disifatkan sebagai makanan *hajiyyāt* dan ia perlu diambil dalam kuantiti yang banyak. Oleh itu, untuk memenuhi keperluan makanan ini, tanamannya perlu dipertingkatkan dalam negara.

Tahap Ketiga : Makanan *Tahsīniyyāt*

Makanan *Tahsīniyyāt* ialah makanan tambahan yang menyempurnakan atau memberi protein dan tenaga kepada hidup manusia. Pada tahap ini ia bersifat pelengkap iaitu kekeluasan yang boleh memberikan nilai yang lebih baik bagi *maṣlahah* sebelumnya. Ia mesti dipenuhi dalam rangka memberi kesempurnaan dan keindahan bagi hidup manusia seperti Islam menganjurkan manusia memakan makanan yang berzat untuk kesihatan yang lebih baik. Di dalam piramid makanan Malaysia, makanan ini adalah terdiri daripada ikan, ayam, daging, kacang, susu dan telur. Makanan ini perlu diambil dalam kuantiti sederhana dan tidak berlebih-lebihan.

2.4 KETIDAKSELAMATAN MAKANAN

Sekuriti makanan merangkumi jaminan terhadap bekalan makanan pada bila-bila masa sahaja diperlukan sama ada melalui pengeluaran domestik mahupun secara import. Manusia yang menghadapi masalah kekurangan makanan boleh memperoleh makanan dengan menghasilkannya sendiri atau dengan membelinya di pasaran domestik. Keadaan yang berlawanan dengan sekuriti makanan adalah masalah ketidakselamatan makanan yang kritikal yang membabitkan ketidakseimbangan diet pemakanan secara berterusan.

Ketidakselamatan makanan boleh berlaku apabila manusia tidak mendapat makanan yang cukup sepanjang masa untuk kehidupan yang aktif dan sihat. Ia juga bermaksud ketidakdapatan pemakanan yang seimbang, makanan yang tidak selamat dan ketidakupayaan untuk mendapat makanan disebabkan oleh faktor sosial dan budaya

yang diterima pakai oleh semua masyarakat. Di peringkat isi rumah, ketidakselamatan makanan berpunca daripada status sosioekonomi yang rendah, ketidakseimbangan pengambilan diet dan status pemakanan yang rendah. Status sosioekonomi yang rendah sering berpunca daripada pendapatan bulanan yang rendah, pendapatan per kapita yang rendah, status pendidikan yang rendah, tidak mempunyai pekerjaan tetap di kalangan ahli keluarga dewasa.⁶⁴

Selain itu, ketidakselamatan makanan wujud apabila manusia mengalami masalah kekurangan makanan dan tidak dapat mengakses makanan yang diperlukan. Ketidakselamatan makanan ini juga berlaku apabila individu yang memperoleh makanan yang rendah kalori yang akan menunjukkan gejala fizikal. Ia disebabkan kekurangan nutrien dan tenaga yang mengakibatkan diet yang tidak sempurna dan tidak seimbang kepada badan dan mudah mendapat jangkitan dan penyakit. Selain daripada itu, ketidakselamatan makanan merupakan satu fenomena kompleks yang berpunca dari pelbagai faktor yang berbeza bagi beberapa kawasan, negara dan kumpulan sosial sepanjang masa. Faktor-faktor ini boleh dikumpulkan kepada empat kelompok iaitu sosioekonomi dan persekitaran politik, prestasi ekonomi makanan, amalan penjagaan kesihatan dan sanitasi.⁶⁵

Selain itu, ketidakselamatan makanan juga turut berlaku apabila masyarakat tersebut dilanda kemiskinan, tidak mempunyai pekerjaan dan ketidakadilan dalam pengagihan pendapatan. Dalam keadaan ini, kerajaan perlu memainkan peranan penting dalam mengurangkan atau menyelesaikan masalah ekonomi supaya keperluan asasi dapat diperoleh oleh ahli masyarakat. Program dan dasar perlu dilaksanakan di setiap

⁶⁴Norhasmah Sulaiman (2004), *op.cit.*, hh. 119-120.

⁶⁵Samira Al Zoughbi (2006), "The State of Food Security : Recent Trends In Syria", (Working Paper No. 17, National Agriculture Policy Center (NAPC), Ministry of Agriculture and Agrarian Reform Damascus, Syria), h. 2

negara terutamanya berkenaan dengan harga dan penawaran makanan yang adil serta seimbang bagi memudahkan perolehan makanan tersebut.⁶⁶

2.5 KONSEP SEKURITI MAKANAN DALAM ISLAM

Konsep sekuriti makanan dalam Islam menjelaskan aspek menyeluruh mengenai sekuriti makanan yang menekankan tentang kepentingan makanan kepada manusia. Tanpa sumber makanan tersebut manusia akan menghadapi kesukaran dalam hidup.

2.5.1 Makanan Menurut Islam

Makanan adalah keperluan asas setiap manusia. Tanpa makanan yang mencukupi manusia tidak dapat meneruskan kehidupannya. Ia juga boleh membawa kepada pelbagai masalah seperti penyakit, kematian dan sebagainya. Islam sangat mengambil berat terhadap jiwa dan jasad manusia. Oleh itu Islam mewajibkan makan dan minum dengan kadar yang paling minima bagi menjamin seseorang itu terus hidup dan menghindarkan sebarang kemudaratan terhadap nyawa.⁶⁷

Menurut Sayyīd Sābiq, makanan ialah sesuatu yang boleh dimakan oleh manusia dengan tujuan untuk menjaga kesihatan, mendapatkan tenaga, kekuatan dan sebagainya. Makanan terdiri daripada dua sumber yang halal sama ada haiwan dan benda-benda yang tidak bernyawa seperti buah-buahan dan sayur-sayuran. Semua jenis makanan adalah halal kecuali yang mengandungi najis, memabukkan, memudaratkan dan merupakan hak orang lain.⁶⁸ Kaedah syarak dalam menentukan makanan yang diharamkan dan dihalalkan adalah dijelaskan daripada firman Allah S.W.T. bermaksud:

“Katakanlah (Wahai Muhammad): "Tiadalah aku peroleh dalam wahyu yang diwahyukan kepadaku, sesuatu yang diharamkan bagi orang yang

⁶⁶Mohd Ghazali Mohayidin dan Ismail Abdul Latif (2006), “Food Security in Malaysia’s Economic Development”, *Food Technological Progress : An Islamic Perspective*, Shaikh Mohd Saifuddeen Shaikh Mohd Salleh dan Azrina Sobian (ed.). Kuala Lumpur : MPH Group Publishing Sdn. Bhd., hh. 31-32.

⁶⁷Wahbah Zuhailī (1989), *al-Fiqh al-Islāmī Wa Adillatuhu*. Damsyiq : Dār al-Fikr, h. 505.

⁶⁸Sayyīd, Sābiq al- (1985), *Fiqh al-Sunnah*, Jil.2. Beirut : Dār al-Kutub al-‘Arabī, h.268.

hendak memakannya, kecuali kalau makanan itu bangkai, atau darah yang mengalir atau daging babi - kerana sesungguhnya semua itu kotor - atau binatang yang disembelih atas nama selain Allah. Barangsiapa yang dalam keadaan terpaksa, sedang dia tidak menginginkannya dan tidak (pula) melampaui batas, maka sesungguhnya Tuhanmu Maha Pengampun lagi Maha Penyayang."

(Sūrah al-An‘ām (6):145)

Firman Allah S.W.T bermaksud:

“Dan menghalalkan bagi mereka segala benda baik dan mengharamkan kepada mereka segala benda yang buruk.”

(Sūrah al-A‘rāf (7) :157)

Maksud yang baik-baik dalam ayat di atas ialah apa sahaja yang diterima dan diingini oleh jiwa manusia yang baik dan bersih. Makanan yang baik dapat diperoleh dari laut dan darat⁶⁹ sama ada binatang atau tumbuhan. Bagi binatang darat, ada yang dihalalkan dan ada pula yang diharamkan. Sebagaimana firman Allah S.W.T. bermaksud:

“...dan sesungguhnya Allah telah menerangkan kepada kamu apa yang telah diharamkanNya ke atas kamu, kecuali apa yang terpaksa memakannya.”

(Sūrah al-An‘ām (6): 119)

2.5.1.1 Jenis-jenis Makanan

Bahan yang menjadi makanan manusia boleh dikategorikan kepada dua iaitu kategori tumbuh-tumbuhan dan kategori binatang.

1. Tumbuh-tumbuhan

Semua jenis tumbuh-tumbuhan adalah halal untuk dimakan kecuali yang bernajis, membahayakan dan yang memabukkan.⁷⁰ Tumbuhan yang najis dan terkena najis tidak harus dimakan. Sementara tumbuhan yang merbahaya yang boleh membawa mudarat dihukumkan haram memakannya sebagai contoh racun, batu dan kaca. Manakala, bagi

⁶⁹Binatang darat adalah binatang yang hidup di darat seperti binatang melata dan burung.

⁷⁰Qurṭubī, Abī al-Walīd Muḥammad Ibn Aḥmad Ibn Rusyd al- (1996), *Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtaṣid*, Jil. 3. Beirut, Lubnan: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 450

sebarang benda yang tidak membawa mudarat seperti buah-buahan dan biji-bijian adalah halal dimakan. Sebagaimana firman Allah S.W.T. bermaksud:

“Katakanlah (wahai Muhammad): “Siapakah yang (berani) mengharamkan perhiasan Allah yang telah dikeluarkanNya untuk hamba-hambaNya, dan demikian juga benda-benda yang baik lagi halal dari rezeki yang dikurniakanNya?”

(Sūrah al-A‘rāf (7): 32)

Firman Allah S.W.T. bermaksud:

“Dan tidakkah mereka (yang tidak mahu taat dan bersyukur) itu melihat bahawasanya Kami mengarahkan turunnya hujan ke bumi yang kering kontang, lalu kami tumbuhkan dengan air hujan itu tanaman-tanaman, yang daripadanya dimakan oleh binatang-binatang ternak mereka dan mereka sendiri? maka mengapa mereka tidak mahu memerhati (semuanya itu supaya taat dan bersyukur)?”

(Sūrah al-Sajadah (32): 27)

2. Binatang

Untuk sumber makanan daripada binatang pula terbahagi kepada dua kategori iaitu binatang air dan binatang darat. Hukum makanan daripada binatang dari sudut halal dan haramnya dibahagikan kepada tiga kelompok⁷¹ iaitu:

i. Binatang yang Diharuskan

Binatang yang diharuskan adalah binatang yang dinyatakan dan dihalalkan oleh syarak sama ada nas al-Quran atau as-Sunnah. Binatang yang termasuk di bawah kategori ini ialah:

Binatang Laut

Semua binatang laut iaitu ikan dan sebagainya adalah halal dan tidak ada yang diharamkan kecuali yang mengandungi racun yang merbahaya sama ada yang ditangkap atau didapati dalam keadaan mati. Binatang laut tidak perlu disembelih sepertimana sesetengah binatang darat. Firman Allah S.W.T. bermaksud:

⁷¹Sayyid, Sābiq al- (1985), *op.cit.*, h. 269.

“Dihalalkan bagimu binatang buruan laut dan makanan (yang berasal) dari laut....”

(Sūrah al-Māidah (5): 96)

Jumhur ulama mentafsirkan makanan yang berasal dari laut ialah haiwan laut seperti ikan yang hanyut di permukaan air selepas ia mati selagi mana ia tidak rosak dan busuk.⁷² Manakala binatang yang boleh hidup di laut dan di darat pula terdapat perbezaan pendapat dalam menyatakan hukum bagi binatang ini. Sebahagian ulama berpendapat bahawa semua jenis binatang yang hidup di laut adalah halal walaupun ia boleh hidup di darat. Ini tidak termasuk katak kerana terdapat larangan untuk membunuhnya. Manakala sebahagian ulama lagi mengharamkannya.

Binatang Darat

Binatang darat yang halal adalah terdiri dari binatang ternakan iaitu unta, lembu, kambing, kuda, lembu, kerbau, kijang, arnab dan sebagainya yang dimakan oleh bangsa Arab dan terdapat nas syarak yang menghalalkannya. Sebagaimana firman Allah S.W.T. bermaksud:

“Dan Allah telah menciptakan binatang ternak untuk kamu, padanya ada bulu yang menghangatkan dan berbagai manfaat dan sebahagiannya untuk kamu makan”.

(Sūrah an-Naḥl (16):5)

Berdasarkan ayat tersebut, semua binatang ternak adalah halal dimakan.⁷³ Sementara burung yang bukan pemangsa seperti merpati, itik air, angsa dan lain-lain juga dihalalkan untuk memakannya dan begitu juga binatang liar yang bukan menangkap mangsa seperti rusa, kijang dan lain-lain kerana terdapat keizinan daripada Nabi S.A.W. untuk memakannya.

ii. Binatang Darat yang Haram dimakan

Binatang yang diharamkan di dalam al-Quran hanya terbatas kepada sepuluh jenis sepertimana firman Allah S.W.T. bermaksud:

⁷²Syāfi‘ī, Muḥammad bin Idrīs al- (2002), *al-Umm*, Jil.2. Beirut : Dār al-Kitāb al-‘Ilmiyyah, h. 389.

⁷³*Ibid.*

“Diharamkan kepada kamu (memakan) bangkai (binatang yang tidak disembelih), dan darah (yang keluar mengalir), dan daging babi (termasuk semuanya), dan binatang-binatang yang disembelih kerana yang lain dari Allah, dan yang mati tercekik, dan yang mati dipukul, dan yang mati jatuh dari tempat yang tinggi, dan yang mati ditanduk, dan yang mati dimakan binatang buas, kecuali yang sempat kamu sembelih (sebelum habis nyawanya), dan yang disembelih atas nama berhala”.

(Sūrah al-Māidah (5): 3)

Ayat tersebut menyatakan bahawa makanan yang diharamkan ialah terdiri daripada bangkai, darah, babi, binatang yang disembelih kerana selain dari Allah S.W.T. , binatang mati tercekik, dipukul, jatuh dari tempat tinggi, ditanduk, dimakan binatang buas dan disembelih atas nama berhala⁷⁴.

a. Binatang buas

Binatang buas yang diharamkan ialah setiap binatang buas yang memiliki taring yang kuat yang digunakan untuk menangkap mangsanya seperti anjing, babi, serigala, beruang, kucing, gajah, harimau belang, harimau, kera dan seumpamanya. Sekiranya taring itu lemah dan tidak boleh digunakan untuk menangkap mangsanya, tidak diharamkan memakannya.⁷⁵ Selain itu, binatang yang haram dimakan ialah setiap burung yang memiliki kuku kuat yang digunakan untuk mencakar dan boleh mencederakan seperti burung garuda, burung rajawali dan burung helang. Hadith diriwayatkan al-Bukhārī (5530) daripada Abū Tha‘labah al-Khusyānī r.a. :

“Rasulullah s.a.w. melarang memakan setiap binatang buas yang memiliki taring.”⁷⁶

b. Keldai dan Baghal

Memakan keldai adalah diharamkan, begitu juga dengan baghal iaitu pencampuran kuda dan keldai. Diriwayatkan oleh al-Bukhārī daripada Jābir bin ‘Abdullah r.a. katanya:

⁷⁴Qurṭubī, Abī al-Walīd Muḥammad Ibn Aḥmad Ibn Rusyd al- (1996), *op.cit.*, Jil.2, h. 323.

⁷⁵Ibn Qudāmah, Abū Muḥammad Abd Allāh Ibn Aḥmad (1999), *al-Mughnī*, Jil. 8. Riyadh: Dār ‘Alīm al-Kutub, h. 184.

⁷⁶Bukhārī, ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ismā‘īl al- (1400), *op.cit.*, Kitab al-Dhabā’ih wa al-Ṣayd, Bāb Akl Kullu Dhī Nābin min as-Sibā’, No. Hadith 5530, h. 1534.

“Pada hari perang Khaibar, Nabi s.a.w. melarang memakan daging keldai dan membenarkan memakan daging kuda.”⁷⁷

Baghal termasuk dalam kategori keldai dan diharamkan memakannya kerana ia lahir hasil dari kacukan binatang yang halal dan haram. Ia lahir dari kuda dengan keldai maka bahagian yang haram mengatasi bahagian yang halal.⁷⁸

c. Binatang yang Menjijikkan

Semua haiwan yang menjijikkan seperti serangga iaitu binatang yang melata dan sebagainya adalah haram kecuali haiwan yang disebut halal oleh syarak secara khusus seperti *yarbu*⁷⁹, *ḍob* (biawak pasir), *sammur*⁸⁰, landak dan sebagainya. Al-Syāfi‘ī juga menyatakan dalam kitabnya al-Umm, tidak mengapa memakan *ḍob* sama ada yang besar atau kecil.⁸¹ Al-Bukhārī (5536) meriwayatkan hadis yang menyatakan halal memakan *ḍob* daripada Ibn ‘Umar r.a. katanya, Nabi S.A.W. bersabda:

*“Aku tidak memakan ḍob dan aku tidak mengharamkannya”.*⁸²

d. Binatang yang digalakkan untuk dibunuh

Setiap binatang yang disunatkan membunuhnya seperti ular, kala jengking, burung gagak, tikus dan setiap haiwan yang jelas merbahaya adalah haram dimakan⁸³.

Daripada Aisyah r.a. bahawa Rasulullah S.A.W. bersabda:

“Lima jenis binatang yang semuanya liar, tiada faedah dan merosakkan dan boleh membunuh walaupun di tanah haram iaitu: burung gagak, burung helang, kala jengking, tikus dan anjing liar.”⁸⁴

⁷⁷*Ibid.*, No. Hadith 5520, h. 1532.

⁷⁸Syāfi‘ī, Muḥammad bin Idrīs al- (2002), *op.cit.*, h. 395.

⁷⁹Haiwan seperti tikus, tetapi ekor dan telinga panjang. Kedua kakinya lebih panjang daripada kedua tangannya.

⁸⁰Haiwan yang menyerupai kucing. Ia termasuk dalam keluarga serigala turki.

⁸¹Syāfi‘ī, Muḥammad bin Idrīs al- (2002), *op.cit.*, h. 393.

⁸²Bukhārī, ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ismā‘īl al- (1400), *op.cit.*, Kitab al-Dhabā’ih wa al-Ṣayd, Bāb ad-Dob, No. Hadith 5536, h. 1535.

⁸³Qurṭubī, Abī al-Walīd Muḥammad Ibn Aḥmad Ibn Rusyd al- (1996), *op.cit.*, h. 335.

⁸⁴Bukhārī, ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ismā‘īl al- (1400), *op.cit.*, Kitab Jazā’ al-Ṣayd, Bāb Ma Yaqtulu al-Muḥarram min al-Dawāb, No. Hadith 1829, h. 475.

2.5.2 Adab Terhadap Makanan dalam Islam

Islam amat menitikberatkan elemen keberkatan daripada makanan yang diambil. Makanan yang diambil bukan sahaja perlu halal dan mencukupi tetapi turut menjaga etika dan adab makan dan minum yang telah diajarkan oleh Rasulullah S.A.W. Ini adalah untuk mendapat keberkatan daripada Allah S.W.T. serta bagi menjaga tubuh badan daripada sebarang kemudharatan yang berlaku. Adab-adab tersebut dinyatakan melalui hadith-hadith Rasulullah S.A.W. berkenaan dengan makanan.

Jadual 2.2 menunjukkan beberapa kitab hadith yang menjelaskan tentang bab makanan dan minuman oleh Rasulullah S.A.W. Kitab tersebut terdiri daripada Kitab *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitab *Ṣaḥīḥ Muslim*, Kitab *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān*, Kitab *Sunan at-Tarmīdhī*, Kitab *Sunan Abī Dāwud*, Kitab *Sunan Ibn Mājah* dan Kitab *Sunan al-Awzā'ī*. Di dalam kitab-kitab tersebut menyatakan beberapa kriteria makan yang dianjurkan oleh Rasulullah S.A.W iaitu bab yang menyatakan cara atau adab makan dan minum, jenis-jenis makanan yang digalakkan dan apakah makanan yang dilarang untuk dimakan.

Jadual 2.2 : Adab Makan dan Minum Rasulullah S.A.W. dalam Kitab Hadith

No	Nama Kitab	Nama Bab	Bilangan Bab
1	<i>Ṣaḥīḥ al-Bukhārī</i>	Kitāb al-Aṭ'imah	59
2	<i>Ṣaḥīḥ Muslim</i>	Kitāb al-Aṭ'imah dan Kitāb al-Asyribah	36
3	<i>Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān</i>	Kitāb al-Aṭ'imah, Bab Ādāb al-Akl dan Bab Ādāb al-Asyribah	70
4	<i>Sunan at-Tarmīdhī</i>	Kitāb al-Aṭ'imah dan Kitāb al-Asyribah 'an Rasulullah S.A.W.	69
5	<i>Sunan Abī Dāwud</i>	Kitāb al-Aṭ'imah dan Kitāb al-Asyribah	77
6	<i>Sunan Ibn Mājah</i>	Kitāb al-Aṭ'imah dan Kitāb al-Asyribah	89
7	<i>Sunan al-Awzā'ī</i>	Kitāb al-Ṣayd wa al-Aṭ'imah dan Kitāb al-Asyribah	22

Sumber : Pelbagai.⁸⁵

⁸⁵Bukhārī, 'Abd Allāh Muḥammad bin Ismā'īl al- (1400), *al-Jamī' al-Ṣaḥīḥ al-Musnad min Ḥadīth Rasūlullāh wa Sunnanuhu wa Ayyāmuhu*, Juz. 3. al-Qāhirah: al-Maktabah al-Salāfiyah, hh. 430-448, Abī al-Ḥusnī Muslim bin al-Ḥajjāj al-Qusyairī al-Naisābūrī (1997), *Ṣaḥīḥ Muslim*, Juz. 3. al-Qāhirah: Dār al-Ḥadīth, hh. 431-497, Amīr 'alā al-Dīn 'Alī bin Balbān al-Fārisī (1997), *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān*, Jil. 12. Beirut, Lubnan: Mu'assasah al-Risālah, hh. 5-58, Abī 'Īsā Muḥammad bin 'Īsā bin Ṣūrah (1999), *Sunan at-Tarmīdhī*, Juz. 4. al-Qāhirah: Dār al-Ḥadīth, hh. 36-76, Abī Dāwud Sulaiman bin al-Al'as al-Sajastānī al-'Azdī (1999), *Sunan Abī Dāwud*, Juz. 3. al-Qāhirah: Dār al-Ḥadīth, hh. 1588-1659, Qazwīnī, al-Muḥaddis

Antara contoh adab-adab makan yang diajar oleh Rasulullah S.A.W di dalam kitab-kitab hadith tersebut ialah:

a) Mencuci Tangan dan Membaca *Bismillāh*

Rasulullah S.A.W mengajarkan agar semua umatnya membersihkan tangan dan mulutnya dari pelbagai kotoran ketika hendak makan supaya terhindar daripada sebarang penyakit. Kemudian, membaca *bismillāh* dan apabila terlupa membacanya di awal sewaktu hendak makan, maka hendaklah mengucapkannya ketika mengingatnya. Sebagaimana Hadith diriwayatkan at-Tarmīdhī daripada Aishah r.a. berkata, sabda Rasulullah S.A.W bermaksud:

*“Apabila salah seorang daripada kamu makan, maka hendaklah dia membaca bismillah pada permulaannya. Dan apabila dia lupa membacanya, maka hendaklah dia membaca ‘bismillāhi awwaluhu wa ākhiruhu’”*⁸⁶

b) Makan dengan Menggunakan Tangan Kanan

Salah satu etika utama dalam makan adalah makan menggunakan tangan kanan. Ia telah diajar oleh Rasulullah S.A.W. semasa hidupnya dan baginda memerintahkan agar makan dan minum menggunakan tangan kanan. Daripada ‘Abdullah bin ‘Umar, Rasulullah S.A.W. bersabda bermaksud:

*“Apabila salah seorang daripada kamu makan, maka hendaklah dia makan dengan tangan kanannya, dan apabila minum maka hendaklah di minum dengan tangan kanannya, sesungguhnya syaitan itu makan dan minum dengan tangan kirinya.”*⁸⁷

c) Mengambil Makanan yang Paling Dekat

Etika yang diajarkan oleh Rasulullah S.A.W. dalam makan adalah mengambil makanan yang paling dekat jaraknya. Baginda sentiasa mengambil makanan yang

Abī ‘Abd Allāh Muḥammad bin Yazīd al- (1998), *Sunan Ibn Mājah*, Juz. 4. Beirūt, Lubnan: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, hh. 3-94, Awzā‘ī, Abd ar-Raḥman bin ‘Umar wa Abī ‘Umar al- (1993), *Sunan al-Awzā‘ī*. Beirūt, Lubnan: Dār al-Nafāis, hh. 430-448.

⁸⁶Abī ‘Isā Muḥammad bin ‘Isā bin Šūrah (1999), *op.cit.*, No. Hadith 1758.

⁸⁷Abī al-Ḥusīn Muslim bin al-Ḥajjāj al-Qusyairī al-Naisābūrī (1997), *op.cit.*, Kitab al-Aṭ‘imah, No. hadith 1598, h. 159.

berada dihadapannya dan tidak berusaha mengambil makanan yang jaraknya jauh dengan diri baginda. Seperti yang diceritakan oleh ‘Umar bin Abī Salāmah r.a, sabda Rasulullah S.A.W bermaksud:

“Wahai anak muda, bacakan nama Allah, makanlah dengan tangan kananmu dan makanlah makanan yang ada dekat denganmu.”⁸⁸

Adab-adab makan yang dianjurkan Islam adalah sangat penting bagi memperoleh keberkatan dari makanan yang dimakan. Ia bukan sahaja dapat menghilangkan rasa lapar tetapi dapat menjaga ketaatan kepada Allah S.W.T. Selain itu juga, bagi memastikan makanan yang dimiliki itu mencukupi, Islam menggalakkan makan secara beramai-ramai sepertimana hadith Rasulullah S.A.W. yang diriwayatkan dari Wahsyī bin Ḥarb r.a. yang bermaksud:

“Para sahabat berkata: “Wahai Rasulullah, sesungguhnya kami kalau makan tidak merasa kenyang. Beliau bersabda: “Barangkali kamu makan sendiri-sendiri”. Mereka menjawab: “Benar wahai Rasulullah”. Beliau bersabda: “Berkumpullah ketika makan dan sebutlah nama Allah Ta‘ala (Bismillāh), Maka Allah akan memberkati makanan kamu”.”⁸⁹

Hadith lain yang menunjukkan keberkatan dari berkumpul ketika makan adalah diriwayatkan dari Muslim dari Jabir bin ‘Abdillāh r.a. sabda Rasulullah S.A.W. yang bermaksud:

”Makanan satu orang mencukupi dua orang, makanan dua orang mencukupi empat orang, dan makanan empat orang mencukupi delapan orang”⁹⁰

Di dalam hadith tersebut menunjukkan anjuran agar saling berkongsi dalam makanan kerana walaupun makanan itu sedikit, tetapi akan terasa cukup dan ada keberkatan di dalamnya yang akan dimiliki oleh mereka yang menikmati makanan

⁸⁸Bukhārī, ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ismā‘īl al- (1400), *op.cit.*, Kitab al-Aṭ‘imah, No. Hadith 5380, h. 1530.

⁸⁹Abī Dāwud Sulaiman bin al-Al‘as al-Sajastānī al-‘Azdī (1999), *op.cit.*, Kitab al-Aṭ‘imah, bāb : Fī al-Ijtimā‘ ‘alā al-Ṭa‘am, h.138.

⁹⁰Abī al-Ḥusīn Muslim bin al-Ḥajjāj al-Qusyairī al-Naisābūrī (1997), *op.cit.*, Kitab al-Aṭ‘imah, No. Hadith 1630.

tersebut. Kecukupan makanan tersebut mendatangkan keberkatan dari makan secara beramai-ramai dan semakin ramai yang berkumpul akan semakin bertambah keberkatannya. Di samping itu, seorang Muslim itu akan dapat membantu mereka yang memerlukan makanan dan dapat mengelakkan makan secara berlebihan dan membazir. Ini menunjukkan Islam amat memandang berat elemen keberkatan bagi menjamin sekuriti makanan di samping ia perlu mencukupi dan halal.

2.5.3 Makanan Ketika Darurat

Keadaan darurat yang dialami oleh manusia adalah dikecualikan daripada hukum umum yang ditetapkan oleh prinsip di atas. Oleh itu, manusia yang berada dalam keadaan terpaksa dihalalkan memakan bangkai dan juga haiwan yang disabitkan pengharaman memakannya. Ini adalah untuk menjaga kehidupan dan memelihara jiwa dari kematian. Ia dihalalkan memakannya sekadar untuk menghilangkan rasa lapar dan menyelamatkan nyawanya.⁹¹

Keadaan darurat yang sudah disepakati oleh para ulama iaitu keadaan darurat tidak ada makanan seperti orang yang dilanda oleh kelaparan. Batasan yang ditetapkan oleh para fuqaha sesudah bertahan selama sehari semalam kerana tidak ada makanan. Jika keadaan tersebut boleh mendatangkan maut dan perjalanan atau kerja boleh terhenti, maka halal makan makanan yang telah diharamkan sebelumnya sekiranya tidak menemui makanan lain yang boleh dimakan.⁹² Maka dengan itu, harus memakan makanan yang haram dimakan itu sekadar yang boleh bagi menolak bahaya dan mengelakkan daripada binasa.⁹³ Ini berdasarkan firman Allah S.W.T. yang bermaksud:

“Maka sesiapa yang terpaksa memakan benda-benda haram kerana kelaparan sedang dia tidak cenderung hendak melakukan dosa maka dia bolehlah memakannya kerana sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Pengasihani”.

(Sūrah al-Māidah (5): 3)

⁹¹Sayyid, Sābiq al- (1985), *op.cit.*, h. 275.

⁹²*Ibid.*

⁹³Qarādawī, Yūsuf (1972), *al-Ḥalāl wa al-Ḥarām fī al-Islām, al-Ṭabā‘ah Ma‘a Ziyādatin fī al-Taḥqīq wa al-Tanqīh wa al-Tab‘ī*. Beirut : al-Maktab al-Islāmī, h. 80.

Terdapat juga kaedah fiqh yang menjelaskan keharusan memakan benda-benda haram ketika darurat. Kaedah fiqh tersebut ialah “الضرورات تبيح المحظورات” yang bermaksud : “*keterpaksaan mengharuskan perkara yang ditegah*”. Kaedah ini bermaksud keadaan keterpaksaan itu membolehkan dan mengharuskan perkara yang ditegah atau dilarang. Ia merupakan kaedah dan hukum pengecualian dalam keadaan terdesak dan terpaksa mengharuskan perkara yang tidak diharuskan ketika keadaan biasa.⁹⁴ Oleh itu adalah harus memakan bangkai atau benda haram ketika sangat lapar untuk menyelamatkan jiwa daripada mati kebuluran.

Selain itu, al-Syāfi‘ī juga menjelaskan mengenai apa yang halal dimakan ketika darurat ialah bangkai, darah, daging khinzir dan setiap apa yang diharamkan oleh syarak daripada arak dan seumpamanya.⁹⁵ Sebagaimana firman Allah S.W.T. yang bermaksud:

“Mengapa kamu tidak mahu memakan (binatang-binatang yang halal) yang disebut nama Allah ketika menyembelinya, padahal sesungguhnya Allah telah menjelaskan kepada kamu apa yang diharamkanNya atasmu, kecuali apa yang terpaksa kamu memakannya.”

(Sūrah al-An‘ām (6): 119)

Dapat disimpulkan bahawa makanan merupakan satu perkara penting yang dapat membantu pertumbuhan seseorang individu dari aspek rohani dan jasmani. Islam telah menekankan tentang kepentingan makanan di dalam al-Quran dan al-Sunnah. Tanpa makanan manusia akan menghadapi kesulitan iaitu mengidap penyakit dan boleh membawa kepada kematian. Islam juga telah menjelaskan mengenai sumber makanan halal yang terdiri daripada tumbuh-tumbuhan dan binatang di samping turut dijelaskan mengenai makanan-makanan yang diharamkan. Walau bagaimanapun, ketika di dalam keadaan darurat manusia dibenarkan memakan bangkai dan benda-benda haram. Ini menunjukkan Islam amat mementingkan makanan bagi kesejahteraan umatnya. Sebagaimana firman Allah S.W.T. yang bermaksud :

⁹⁴Suyūfī, Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Rahmān bin Abī Bakr al- (2005), *al-Asybah Wa an-Nazhāir fī Qawā‘id wa Furū‘ Fiqh al-Syāfi‘iyyah*. Beirut, Lubnan: Dār al-Kitāb al-‘Ilmiyyah.

⁹⁵Syāfi‘ī Muḥammad bin Idrīs al- (2005), *op.cit.*, h. 888.

“Wahai sekalian manusia, makanlah yang halal lagi baik dari apa yang terdapat di bumi, dan janganlah kamu mengikuti langkah-langkah syaitan, kerana sesungguhnya syaitan itu adalah musuh yang nyata bagi kamu.”

(Sūrah al-Baqārah (2) : 168)

2.6 DEFINISI SEKURITI MAKANAN MENURUT ISLAM

Menurut Aḥmad Ṣubḥī Aḥmad Muṣṭafā al-‘Iyādī dalam Kitab al-Amn al-Ghidhā’ī fī al-Islām, dalam bahasa arab sekuriti makanan disebut *al-Amn al-Ghidhā’ī*. Dari segi bahasa “*al-Amn*” bermaksud keselamatan, sekuriti atau keamanan lawannya adalah ketakutan atau ketidakselamatan.⁹⁶ Firman Allah S.W.T. yang bermaksud :

“Yang telah memberi makanan kepada mereka untuk menghilangkan lapar dan mengamankan mereka dari ketakutan.”

(Sūrah Quraisy (106) : 4)

Manakala “*Al-Ghidhā’ī*” pula bermaksud setiap apa yang dimakan atau diambil manusia daripada makanan dan minuman. Sekuriti makanan menekankan keperluan menyimpan makanan khususnya bijirin seperti padi, gandum dan sebagainya dan demikian keperluan makanan asasi masyarakat akan terjamin dan selamat.⁹⁷ Oleh itu bekalan makanan asasi mesti diperoleh melalui pengeluaran makanan dalam negara dan tidak bergantung kepada import dari negara lain kerana ketidakseimbangan pasaran akan meningkat.

Pada era pemerintahan Khalifah ‘Umar al-Khaṭṭab, Madinah telah dilanda kemarau dan mengalami kekurangan makanan. Ia berlaku pada musim haji tahun 18 Hijriah sampai awal musim haji tahun 19 Hijriah. Pada waktu itu, bumi menjadi kering dan hitam kelabu, selama hampir setahun tidak setitis air hujan turun. Untuk mengatasi kemarau tersebut, Khalifah ‘Umar telah memerintahkan agar bekalan makanan dibawa

⁹⁶Aḥmad Ṣubḥī Aḥmad Muṣṭafā al-‘Iyādī (1999), *al-Amn al-Ghidhā’ī fī al-Islām*. Amman : Dār An-Nafāis, h. 21.

⁹⁷*Ibid.*, h. 22.

masuk ke Madinah dari wilayah-wilayah lain yang tidak terkesan seperti dari Mesir dan Syria. Pada masa yang sama, perbendaharaan negara dibelanjakan untuk membeli dan menyediakan makanan kepada penduduk Madinah. Penduduk pedalaman yang lapar datang memasuki kota Madinah. Mereka diterima ‘Umar dengan memberikan bantuan makanan sepenuhnya.

Pendekatan yang sama juga telah dibuat oleh Khalifah ‘Umar ‘Abdul ‘Aziz sewaktu Jazirah Arab telah dilanda kemarau yang teruk. Usaha-usaha ini dilakukan atas dasar memenuhi tuntutan hukum syarak agar keperluan makanan bagi setiap manusia di dalam negara dapat dipenuhi setiap masa, dan bukannya kerana ingin mendapat keuntungan dari suatu aktiviti ekonomi. Dana yang berlebihan di dalam Baitul Mal juga telah dibelanjakan oleh negara pada pemerintahan ‘Umar ‘Abdul ‘Aziz untuk tujuan pembangunan pertanian. Para khalifah terdahulu telah memerintahkan agar kawasan-kawasan pertanian dibangunkan dan dimajukan dengan sistem pengairan dan sebagainya seperti yang dilakukan di wilayah Basrah (Iraq) dan Sind (Pakistan).

Di samping itu, persiapan untuk menghadapi kemungkinan bencana adalah digalakkan. Ini membantu dalam menghadapi kesukaran dan keperluan terutamanya apabila berlaku ketidakcukupan makanan dan kebuluran. Oleh itu, adalah wajar kiranya kita meneladani pendekatan yang diambil oleh Nabi Yūsuf A.S. Polisi yang dilakukan oleh Nabi Yūsuf A.S. ialah menyediakan simpanan makanan untuk tempoh selama tujuh tahun dilihat sebagai satu garis panduan bagi sesebuah negara untuk memastikan sekuriti makanan terjamin. Semasa Baginda menjadi Menteri Kewangan Mesir, seluruh negara yang berdekatan mengalami krisis sekuriti makanan yang teruk dan memaksa rakyat negara berdekatan datang ke Mesir untuk mendapatkan bekalan makanan. Firman Allah S.W.T. bermaksud :

“Yūsuf berkata: "Supaya kamu bertanam tujuh tahun (lamanya) sebagaimana biasa; maka apa yang kamu tuai hendaklah kamu biarkan dibulirnya kecuali sedikit untuk kamu makan.”

(Sūrah Yūsuf (12): 47)

“Kemudian sesudah itu akan datang tujuh tahun yang amat sulit, yang menghabiskan apa yang kamu simpan untuk menghadapinya (tahun sulit), kecuali sedikit dari (bibit gandum) yang kamu simpan”.

(Sūrah Yūsuf (12): 48)

Peringatan itu sewajarnya diambil pengajaran dan peringatan yang jelas mengenai persoalan sekuriti makanan dan kedaulatan sesebuah negara. Kisah Nabi Yūsuf A.S. ini telah menunjukkan kepentingan perancangan dan persiapan untuk menghadapi sebarang kemungkinan dan ia boleh dijadikan panduan bagi sebuah negara. Oleh itu, setiap negara mestilah mempunyai dasar yang jelas dan sesuai berkaitan sekuriti makanan kerana ia adalah keperluan asasi yang *darūriyyat*. Biar pun negara mahu mencapai pembangunan dan kemajuan melalui penekanan dalam perindustrian namun sekuriti makanan perlu diambil berat.

Syariah Islam memberi jaminan kepada kelangsungan hidup manusia supaya dapat terus menjalankan tanggungjawab sebagai khalifah Allah S.W.T. di muka bumi. Oleh itu manusia perlu mengambil makanan yang mencukupi bagi memelihara nyawa. Islam sangat menekankan memelihara nyawa dan ia dijadikan salah satu tunjang *maqāsid al-syarī‘ah*. Dalam hal ini, tujuan syariah untuk memelihara nyawa ini dilihat sebagai satu perkara yang penting supaya tidak berlaku perkara-perkara yang membawa kepada bahaya ke atas nyawa manusia.⁹⁸

Makanan dalam Islam merangkumi soal sekuriti atau jaminan makanan dari aktiviti pertanian. Ia juga menyentuh soal pemakanan yang seimbang dan menganjurkan kebersihan dalam aspek makanan dan pemakanan. Ajaran Islam menjelaskan pertanian adalah sektor penting yang tidak boleh diabaikan. Terdapat banyak ayat al-Quran menjelaskan kepentingan pertanian sebagai sumber makanan. Islam juga melihat sektor pertanian sebagai fardhu kifayah atau tanggungjawab bagi sesebuah masyarakat. Oleh

⁹⁸Shaikh Mohd Saifuddeen Shaikh Mohd Salleh (2006), “Pengurusan Bencana Alam dari Perspektif Islam”, *Koleksi Kertas Kerja Isu Semasa: Menghurai Permasalahan Islam Semasa Siri 4*. Putrajaya : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), h. 101.

itu, masyarakat Muslim mesti memastikan komuniti mereka terlibat dalam sektor pertanian. Ini adalah sangat penting bagi menjamin penawaran makanan yang mencukupi kepada masyarakat Muslim yang besar.⁹⁹

Selain itu, makanan yang ditawarkan mesti selamat, mengandungi kandungan nutrien dan halal. Islam sememangnya menekankan aspek makanan halal namun, kesedaran tentang makanan halal dan selamat kini semakin meningkat selari dengan peningkatan jumlah umat Islam di dunia. Perkataan halal atau makanan orang Islam ditakrifkan seperti berikut:¹⁰⁰

- 1) Makanan tersebut bukan terdiri daripada atau mengandungi apa-apa bahagian atau benda daripada binatang yang dilarang oleh hukum syarak memakannya atau yang tidak disembelih mengikut hukum syarak.
- 2) Makanan tersebut tidak mengandungi apa-apa benda yang dihukum sebagai apa-apa alat yang tidak bebas daripada benda-benda najis mengikut hukum syarak.
- 3) Makanan tersebut tidak disedia, diproses atau dikilang dengan menggunakan apa-apa alat yang tidak bebas daripada benda-benda najis mengikut hukum syarak.
- 4) Makanan tersebut tidak haram dalam masa menyedia, memproses atau menyimpannya iaitu bersentuhan atau berdekatan dengan apa-apa makanan yang tidak memenuhi kehendak syarak atau apa-apa benda yang dihukum sebagai najis mengikut hukum syarak.

Di samping itu, halal sepatutnya merangkumi aspek tiada penipuan, tiada benda yang memudaratkan dan sebagainya. Pemakanan Islam mementingkan sifat *ṭayyibāt* yang merangkumi aspek amalan pengilangan yang baik, kebersihan makanan,

⁹⁹Mohd Effendi Norwawi (2006), *op.cit.*, h. 7.

¹⁰⁰Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), <http://www.halal.gov.my/v3/index.php/ms/mengenai-pensijilan-halal/takrifan-halal>, 5 Jun 2011, Nor Aini Idris (2007), "Ke Arah Halal Hab Dunia : Cabaran AFTA", *Malaysia ke Arah Hab Makanan Halal Dunia*, dalam Nor Aini Idris et.al. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, hh. 22-23.

keselamatan makanan, pembungkusan, penghantaran, pelabelan dan harga yang berpatutan. Makanan yang diproses dikatakan halal apabila kandungan dan perasa yang digunakan adalah halal dan sistem pemrosesan selari dengan garis panduan yang ditetapkan oleh Islam.

2.7 SUMBER BEKALAN MAKANAN DALAM ISLAM

Bagi menjamin sekuriti makanan berterusan di dalam sesebuah negara, bekalan makanan mestilah mencukupi di dalam negara tersebut. Makanan merupakan sumber yang sangat penting bagi setiap individu. Sebagai contoh, pada zaman dahulu ketua-ketua tentera telah mengetahui peranan makanan dalam sesuatu gerakan tentera. Bekalan makanan yang cukup adalah sangat penting untuk menjaga semangat-semangat askar-askar dan mempertahankan taktik serangan. Di dalam al-Quran banyak menjelaskan mengenai sumber makanan. Sumber-sumber bekalan makanan adalah didapati dari :

2.7.1 Aktiviti Pertanian

Pertanian merupakan bekalan makanan utama manusia. Ia juga salah satu tuntutan semula jadi manusia yang ditetapkan oleh Allah S.W.T. yang berfungsi untuk memenuhi tuntutan jasmani dan rohani manusia. Ia menjadi satu tuntutan fardhu ain bagi manusia yang hanya bertani sahaja boleh menjamin kehidupannya dan ia menjadi fardhu kifayah jika didapati sebahagian daripada anggota masyarakat terpaksa menjalankan tugas-tugas yang lain dalam menyempurnakan kehidupan mereka.¹⁰¹ Pada asasnya, pertanian adalah suatu usaha menghasilkan bahan-bahan makanan dengan cara bercucuk tanam, menternak binatang, memelihara dan menangkap ikan. Fungsi utama pertanian adalah untuk memenuhi keperluan asas manusia iaitu makanan dan minuman.

¹⁰¹Kementerian Pertanian Malaysia (1993), *Pertanian dalam al-Quran : Satu Tinjauan Ringkas*. Kuala Lumpur : Kementerian Pertanian Malaysia, h. 8.

Kita imbas kembali ayat-ayat Al-Quran yang menyentuh atau berkaitan dengan pertanian dan tanaman makanan iaitu :-

“Dialah yang menjadikan bumi ini untuk kamu sebagai hamparan, dan langit (serta segala isinya) sebagai bangunan (yang dibina dengan kukuhnya); dan diturunkanNya air hujan dari langit, lalu dikeluarkanNya dengan air itu berjenis-jenis buah-buahan yang menjadi rezeki bagi kamu; maka janganlah kamu mengadakan bagi Allah S.W.T. sebarang sekutu, pada hal kamu semua mengetahui (bahawa Allah ialah Tuhan Yang Maha Esa)”

(Sūrah Al-Baqārah (2): 22)

“Dan sesungguhnya pada binatang-binatang ternakan, benar-benar terdapat pelajaran yang penting bagi kamu, Kami memberi minum kamu dari air susu yang ada dalam perutnya, dan (juga) pada binatang-binatang ternakan itu terdapat faedah yang banyak untuk kamu, dan sebahagian darinya kamu makan”

(Sūrah Al-Mū’minūn (23): 21)

Banyak lagi ayat-ayat al-Quran yang menyentuh mengenai pertanian dan perniagaan hasil pertanian. Di dalam ayat-ayat di atas jelas menyatakan bahawa Allah S.W.T. menjadikan dunia sebagai sebab untuk manusia bercucuk tanam dan menternak dan menjadikannya sebagai makanan. Di samping itu, aktiviti pertanian bukan sahaja setakat sara diri bagi keluarga, ianya juga dijadikan satu aktiviti perniagaan dan perdagangan.¹⁰²

Dari segi sejarah pertanian, terdapat kisah kaum Sabā’ yang terkenal dengan aktiviti pertaniannya dan mempunyai teknologi pertanian yang sungguh canggih. Dikatakan bahawa kebun buah-buahan berbatu-batu panjangnya dan semasa penuaian buah-buahan, kaum ini hanya perlu membawa bakul dan berjalan di bawah pokok dan mereka tahu dan dapat mengenal pasti buah mana yang masak dan akan gugur semasa itu. Mereka membina empangan-empangan untuk dijadikan tali air bagi menyuburkan

¹⁰²Zainalabidin Mohamed (2005), “Pertanian dan Islam – Sara Diri, Sampingan atau Komersial?” dalam Mohd Shahriza Sulaiman (eds.), *Model Sebuah Ekonomi Maju Dari Perspektif Islam*. Kuala Lumpur : Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), h. 130.

tanaman mereka.¹⁰³ Hal ini diceritakan Allah S.W.T. dalam firmanNya yang bermaksud

:

“Sesungguhnya bagi kaum Sabā’ ada tanda (kekuasaan Tuhan) di tempat kediaman mereka iaitu dua buah kebun di sebelah kanan dan di sebelah kiri. (kepada mereka dikatakan): "Makanlah olehmu dari rezeki yang (dianugerahkan) Tuhanmu dan bersyukurlah kamu kepadaNya. (Negerimu) adalah negeri yang baik dan (Tuhanmu) adalah Tuhan Yang Maha Pengampun.”

(Sūrah Sabā’ (34) : 15)

“Tetapi mereka berpaling, maka Kami datangkan kepada mereka banjir yang besar dan Kami ganti kedua kebun mereka dengan dua kebun yang ditumbuhi (pohon-pohon) yang berbuah pahit, pohon atsl dan sedikit dari pohon sidr.”

(Sūrah Sabā’ (34) : 16)

Namun begitu kaum ini telah dimusnahkan oleh Allah S.W.T oleh kerana mereka enggan beriman dengan Allah S.W.T. dan Nabi-nabi yang menyeru kepada mereka. Dikatakan lebih kurang tiga belas orang Nabi-nabi diutuskan kepada kaum Sabā’, namun mereka enggan beriman kepada Allah S.W.T.¹⁰⁴ Daripada kisah di atas kita boleh membuat kesimpulan bahawa aktiviti pertanian komersial, perniagaan dan perdagangan di antara masyarakat adalah satu aktiviti yang semula jadi dan dapat meningkatkan bekalan makanan. Banyak surah-surah dalam al-Quran dan Hadith Rasulullah S.A.W. yang berkaitan dengan pertanian, perniagaan dan perdagangan yang menggalakkan manusia menceburinya.¹⁰⁵ Aktiviti pertanian terdiri dari dua bahagian iaitu :

2.7.1.1 Tanaman Makanan

Makanan dari sumber tanaman terdiri daripada biji-bijian, buah-buahan dan sayur-sayuran. Contohnya disebut nama buah-buahan seperti zaitun, delima, anggur dan sebagainya. Firman Allah S.W.T. yang bermaksud :

¹⁰³ Ibn Kathīr, ‘Imād al-Dīn Ismā‘īl (2004), *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīm al-Ma‘rūf bi Tafsīr Ibn Kathīr*, Jil. 3. Riyadh: Dār al-Salām Li al-Nalar wa al-Tauzī’, hh. 2309-2310.

¹⁰⁴ *Ibid.*

¹⁰⁵ *Ibid.*

“Dan Dialah yang menurunkan air hujan dari langit, lalu Kami tumbuhkan dengan air itu segala macam tumbuh-tumbuhan maka Kami keluarkan dari tumbuh-tumbuhan itu tanaman yang menghijau. Kami keluarkan dari tanaman yang menghijau itu butir yang banyak; dan dari mayang kurma mengurai tangkai-tangkai yang menjulai, dan kebun-kebun anggur, dan (Kami keluarkan pula) zaitun dan delima yang serupa dan yang tidak serupa. Perhatikanlah buahnya di waktu pohonnya berbuah dan (perhatikan pulalah) kematangannya. Sesungguhnya pada yang demikian itu ada tanda-tanda (kekuasaan Allah) bagi orang-orang yang beriman.”

(Sūrah al-An‘ām (6) : 99)

Air hujan yang diturunkan oleh Allah dari langit akan menghidupkan dan menyuburkan tanam-tanaman di bumi dan dari berbagai-bagai jenis tumbuhan yang boleh dimakan yang menjadi makanan manusia dan binatang sama ada dari daun, isi dan buahnya.

2.7.1.2 Penternakan

Allah S.W.T. juga telah menciptakan kepada manusia, binatang-binatang ternakan yang berbagai jenis dan warnanya untuk dijadikan sebagai makanan, minuman dan faedah-faedah lain.¹⁰⁶ Sebagaimana firman Allah S.W.T. yang bermaksud :

“Dan apakah mereka tidak melihat bahawa sesungguhnya Kami telah menciptakan binatang ternak untuk mereka iaitu sebahagian dari apa yang telah Kami ciptakan dengan kekuasaan Kami sendiri, lalu mereka menguasainya?”

(Sūrah Yasin (36) : 71)

Makanan dari sumber binatang pula terdiri sama ada binatang yang hidup di darat mahupun binatang yang hidup di dalam air. Binatang membekalkan daging dan juga keperluan diet yang lain seperti susu dan madu. Sepertimana firman Allah S.W.T. yang bermaksud :

“Dan Dia telah menciptakan binatang ternak untuk kamu; padanya ada (bulu) yang menghangatkan dan berbagai-bagai manfaat, dan sebahagiannya kamu makan.”

(Sūrah al-Naḥl (16) : 5)

Firman Allah S.W.T. dalam ayat yang lain yang bermaksud :

¹⁰⁶ Kementerian Pertanian Malaysia (1993), *op.cit.*, h. 3.

“Dan Dia-lah, Allah yang menundukkan lautan (untukmu), agar kamu dapat memakan daripadanya daging yang segar (ikan), dan kamu mengeluarkan dari lautan itu perhiasan yang kamu pakai; dan kamu melihat bahtera berlayar padanya, dan supaya kamu mencari (keuntungan) dari kurnianya, dan supaya kamu bersyukur.”

(Sūrah al-Naḥl (16) : 14)

Dari huraian ringkas di atas, anugerah Allah S.W.T. di bidang pertanian sama ada dari segi air, tumbuh-tumbuhan dan binatang amat perlu bagi menjamin bekalan makanan untuk kehidupan manusia.

2.8 STRATEGI ISLAM DALAM MENJAMIN SEKURITI MAKANAN

Islam amat mementingkan keperluan asasi manusia dapat dipenuhi. Makanan merupakan keperluan asasi yang paling penting kerana ianya dapat menjaga tubuh badan dari kelaparan, kebuluran, penyakit dan juga kematian. Apabila manusia memperoleh makanan yang mencukupi, mereka akan dapat melaksanakan tanggungjawab mereka di muka bumi ini dengan sempurna. Bagi memastikan sekuriti makanan masyarakat terjamin, Islam telah mengatur beberapa strategi iaitu :

2.8.1 Mewujudkan keadilan sosial

Keadilan sosial adalah satu lagi tanggungjawab kerajaan yang sangat penting bagi menjamin kebajikan rakyat bahkan ia merupakan objektif dan fungsi penting para Rasul yang diutus seperti yang dijelaskan oleh Allah S.W.T. dalam al-Quran yang bermaksud:

“Sesungguhnya Kami telah mengutus Rasul-rasul Kami dengan membawa bukti-bukti yang nyata dan telah Kami turunkan bersama mereka al-Kitab dan neraca (keadilan) supaya manusia dapat melaksanakan keadilan. Dan Kami ciptakan besi yang padanya terdapat kekuatan yang hebat dan berbagai manfaat bagi manusia, (supaya mereka mempergunakan besi itu) dan supaya Allah mengetahui siapa yang menolong (agama)Nya dan rasul-rasulNya padahal Allah tidak dilihatnya. Sesungguhnya Allah Maha Kuat lagi Maha Perkasa.”

(Sūrah al-Ḥadīd (57) : 25)

Di dalam ayat ini terdapat tiga perkara yang mempunyai pertalian di antara satu sama lain iaitu Kitab, neraca dan besi yang masing-masing memberi makna petunjuk Allah S.W.T., keadilan dan kuasa undang-undang bagi memastikan undang-undang dipatuhi. Justeru, kerajaan yang mempunyai kuasa politik bertanggungjawab mewujudkan keadilan sosial yang disebutkan melalui interaksi prinsip keadilan dan pelbagai nilai-nilai dan prinsip Islam lain bagi membentuk sistem sokongan Islam yang padu.¹⁰⁷ Tanggungjawab kerajaan bagi mewujudkan keadilan sosial boleh dikategorikan kepada empat bahagian iaitu :

2.8.1.1 Keadilan dalam pengeluaran

Bagi menegakkan keadilan di dalam pengeluaran, kerajaan perlu memastikan tiada eksploitasi dipraktikkan di dalam proses pengeluaran serta kaedah dan cara yang digunakan perlu adil.¹⁰⁸ Keadaan tanah yang subur dan luas yang ada dalam negara perlu dikerjakan untuk aktiviti pertanian. Manakala usahawan tani pula ialah orang yang mengusahakan sesuatu aktiviti pertanian sama ada ternakan ataupun tanaman dengan menggunakan teknologi-teknologi moden. Mereka bertanggungjawab mengeluarkan makanan terutamanya makanan asasi serta membuat penyelidikan terhadap ternakan dan tanaman yang diusahakan untuk mempelbagaikan sumber makanan yang sedia ada dan menghasilkan makanan yang berkualiti.

Islam menggalakkan pembukaan tanah pertanian baru iaitu *iḥyā' al-arḍ* dan pemberian tanah secara percuma kepada mereka yang mampu mengusahakannya. Subsidi pertanian juga diberikan dengan meluas bagi menggalakkan aktiviti pertanian yang berkesan. Pertambahan galakan ini akan meningkatkan jumlah usahawan tani di dalam negara dan dengan itu pengeluaran makanan juga akan semakin bertambah bagi memenuhi keperluan masyarakat.

¹⁰⁷Abul Khair (1991), *The Role of Government in an Islamic Economy*. Kuala Lumpur : A.S. Noordeen, h. 57

¹⁰⁸Afzalur Rahman (1995), *op.cit.*, h. 302.

Selain itu, para pekerja perlu diberi hak mereka iaitu upah mengikut sumbangan mereka di dalam proses pengeluaran.¹⁰⁹ Justeru, penetapan upah yang minimum dan masa kerja yang maksimum, mengadakan keadaan bekerja yang sesuai, penguatkuasaan langkah waspada bagi mengelak kemalangan industri dan penggunaan teknologi berinovasi untuk mengurangkan kesusahan adalah sejajar dengan roh ajaran Islam.¹¹⁰ Kerajaan memainkan peranan penting memastikannya terlaksana. Struktur minimum upah yang perlu ditetapkan oleh kerajaan mesti mampu memenuhi faktor-faktor keperluan asas manakala mereka yang tidak mampu bekerja dengan sebab tertentu atau tiada sokongan yang cukup perlu diberi perhatian oleh kerajaan.

2.8.1.2 Keadilan dalam penggunaan

Kerajaan bertanggungjawab bagi menyelia dan memastikan nilai-nilai kepenggunaan yang digariskan oleh Islam dipraktikkan. Umpamanya, Islam melarang sifat kedekut dan suka membazir sebaliknya menyarankan suatu nilai yang berada di tengah antara kedua nilai dan sifat yang melampau tadi.¹¹¹ Sepertimana firman Allah S.W.T. yang bermaksud :

“Dan orang-orang yang apabila membelanjakan (harta), mereka tidak berlebihan, dan tidak (pula) kikir, dan adalah (pembelanjaan itu) di tengah-tengah antara yang demikian.”

(Sūrah al-Furqān (25) : 67)

Pengguna Muslim ialah pengguna yang istimewa berbeza dengan pengguna-pengguna lain dari segi kehendak, jenis dan kuantiti barang yang akan digunakan dan matlamat penggunaannya sehingga penggunaannya memberi keberkatan hidup di dunia dan kesejahteraan di akhirat. Justeru, pengguna Muslim perlu mengadaptasikan nilai kesederhanaan di dalam kepenggunaan apabila berbelanja. Untuk tujuan ini, Islam

¹⁰⁹Abul Khair (1991), *op.cit.*

¹¹⁰Muhammad Umar Chapra (1979), *op.cit.*, h. 17.

¹¹¹Abul Khair (1991), *op.cit.*, h. 59.

mengharamkan segala bentuk perbelanjaan yang boleh menyumbang kepada masalah moral dan sosial.

Kekayaan dan harta dalam Islam merupakan amanah dan ujian Allah S.W.T. terhadap pemiliknya. Harta mesti dibelanjakan secara hak dan bukan secara boros, berlebihan, membazir atau ke jalan yang terlarang, secara kikir, disorok dan dibekukan. Pertambahan pengeluaran dan pendapatan tidak seharusnya digunakan untuk meningkatkan penggunaan. Lebih daripada pendapatan tersebut selepas memenuhi keperluan minimum perlu dibelanjakan untuk *infāq fī sabīlillāh* sama ada secara langsung atau secara tertangguh bagi membantu keluarga, jiran, orang miskin, anak yatim, musafir dan orang dalam kesusahan yang memerlukan pertolongan.¹¹²

2.8.1.3 Keadilan dalam Pengagihan

Objektif pengagihan adalah memastikan kekayaan tidak hanya berlegar dan tertumpu dalam kalangan golongan tertentu sebaliknya ia perlu berlegar di dalam masyarakat.¹¹³

Firman Allah S.W.T yang bermaksud :

“Apa saja harta rampasan (fay) yang diberikan Allah kepada RasulNya (dari harta benda) yang berasal dari penduduk kota-kota maka adalah untuk Allah, untuk Rasul, kaum kerabat, anak-anak yatim, orang-orang miskin dan orang-orang yang dalam perjalanan, supaya harta itu jangan beredar di antara orang-orang kaya saja di antara kamu. Apa yang diberikan Rasul kepadamu, maka terimalah. Dan apa yang dilarangnya bagimu, maka tinggalkanlah. Dan bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah amat keras hukumannya.”

(Sūrah al-Ḥasyr (59) : 7)

Al-Quran berulang kali menekankan apa sahaja yang Allah S.W.T berikan kepada RasulNya sebagai *fay* iaitu sesuatu yang diperoleh tanpa kesusahan atau tenaga buruh, sesuatu yang berhak ke atas orang Islam tanpa melalui peperangan hendaklah dikongsi bersama saudara terdekat, anak yatim piatu dan golongan miskin. Bagi mencapai objektif ini, kerajaan perlu mengagihkan kekayaan secara adil bertujuan

¹¹²Qarāḍawī, Yūsuf al- (1975), *Musykilah al-Faqr Kaifa ‘Alajaha al-Islām*. Mesir: Maktabah Waḥbah, hh. 205-206.

¹¹³Afzalur Rahman (1995), *Islam : Ideology and The Way of Life*. Kuala Lumpur : A.S. Noordeen, h. 304.

mewujudkan suatu keseimbangan di kalangan kelompok masyarakat dan bagi memastikan setiap individu mencapai satu tahap kehidupan yang sepatutnya. Kerajaan perlu memastikan tahap kehidupan yang sepatutnya untuk setiap individu yang tidak mampu untuk mendapatkan keperluan asas mereka seperti makanan, pakaian, tempat tinggal dan sebagainya.¹¹⁴

2.8.2 Pembasmian kemiskinan dan pembangunan

Kemiskinan adalah punca utama sekuriti makanan sesebuah keluarga tidak terjamin. Ia adalah suatu tahap yang berada di bawah tahap minimum bagi meneruskan kehidupan. Ini berikutan sumber yang ada tidak mampu untuk memenuhi keperluan asas individu iaitu makanan, pakaian dan tempat tinggal serta tidak mencukupi untuk survival individu secara sihat dan produktif.¹¹⁵

Justeru, kerajaan bertanggungjawab memastikan keperluan asas rakyatnya terjamin terutamanya dari aspek sekuriti makanan. Ia dilaksanakan melalui sokongan sosial yang berasaskan kepada nilai persaudaraan dan kerjasama. Sarjana-sarjana Islam telah mengutarakan pelbagai cara untuk membasmi masalah kemiskinan. Di antaranya adalah melalui pembangunan infrastruktur seperti pembinaan jalan raya, empangan, sistem saliran dan lain-lain.¹¹⁶ Pembangunan infrastruktur tersebut mempunyai implikasi positif terhadap pembasmian kemiskinan. Islam juga telah merangka cara yang paling berkesan untuk membasmi kemiskinan iaitu dengan melaksanakan keadilan dalam pengagihan kekayaan dan pendapatan.

Islam turut membenarkan kemiskinan material selagi orang-orang miskin tidak terhina dan hilang kemanusiaannya. Sekiranya kemiskinan material memberikan impak yang negatif kepada seseorang terutama terhadap agama maka hukum kemiskinan

¹¹⁴Muhammad Umar Chapra (1979), *The Islamic Welfare State and its Role in the Economy*. London : The Islamic Foundation, h. 18.

¹¹⁵Irfan Ul Haq (1996), *Economics Doctrines of Islam*. Virginia : International Institute of Islamic Thought, h.209.

¹¹⁶Abul Khair (1991), *Op.cit.*, h. 44.

tersebut terbahagi kepada dua iaitu apabila kemiskinan tersebut berpunca daripada sifat malas untuk berusaha maka hukumnya adalah haram. Sebaliknya kemiskinan yang berlaku kerana faktor-faktor yang tidak dapat dielakkan seperti tidak dapat bekerja kerana memberi sepenuh tumpuan kepada urusan perjuangan di jalan Allah S.W.T., kecacatan anggota, ditimpa bencana atau usaha-usahanya tidak berhasil maka hukumnya tidak berdosa. Walau bagaimanapun, ia perlu bersabar dan tidak mengeluh di atas ketentuan tersebut.¹¹⁷

Golongan yang ditimpa kemiskinan kerana ketidakupayaan untuk bekerja seperti golongan tua dan kanak-kanak adalah menjadi tanggungjawab kepada orang-orang kaya untuk membantu mereka dan dengan bantuan tersebut mereka dapat memenuhi keperluan asas mereka seperti makanan, pakaian, tempat tinggal dan sebagainya. Dengan itu, sekuriti makanan masyarakat miskin akan dapat dijamin. Ini dinyatakan melalui firman Allah S.W.T. yang bermaksud:

“(Berinfaklah) kepada orang-orang fakir yang terikat (oleh jihad) di jalan Allah, mereka yang tidak dapat berusaha di bumi, orang yang tidak tahu menyangka mereka orang kaya kerana memelihara diri dari meminta-minta. Kamu kenal mereka dengan melihat sifat-sifatnya, mereka tidak meminta kepada orang secara mendesak. Dan apa sahaja harta yang baik, yang kamu nafkahkan (di jalan Allah), maka sesungguhnya Allah Maha Mengetahui.”

(Sūrah al-Baqārah (2): 273)

Bagi merealisasikan perkara tersebut, Islam telah menyediakan satu sistem pengurusan kemiskinan material yang dinamik iaitu melalui mekanisme pengagihan yang sangat dituntut dalam Islam. Antara mekanisme-mekanisme tersebut ialah:

2.8.2.1 Pengagihan yang Wajib

Terdapat lima mekanisme pengurusan kemiskinan di bawah kaedah pengagihan yang wajib. Mekanisme tersebut ialah zakat, faraid, nafkah, fidyah, dan *kifarat*. Kelima-lima mekanisme tersebut memerlukan campur tangan penguasa negara atau kerajaan di

¹¹⁷*Ibid.*

dalam sesebuah negara Islam untuk memastikan pengurusan pengagihan harta-harta tersebut dijalankan mengikut syariat yang telah ditetapkan.¹¹⁸

a. Zakat

Zakat merupakan suatu bentuk bayaran tertentu yang dikenakan terhadap harta apabila cukup nisab dan haulnya. Zakat dikenakan kepada binatang ternakan, hasil tanaman seperti padi, wang (emas dan perak) dan barang perniagaan.¹¹⁹ Zakat diwajibkan kepada golongan kaya kepada golongan *asnaf* yang telah ditentukan oleh syariat menurut kadar yang ditetapkan. Orang kaya di sini bermaksud orang yang memiliki lebih daripada keperluan asasnya. Zakat boleh diberikan dalam bentuk harta seperti wang dan juga dalam bentuk barang seperti makanan dan pakaian. Ia merupakan satu cara mengurangkan penderitaan, kesusahan dan kekurangan yang dialami mereka yang kurang bernasib baik terutamanya berkenaan dengan makanan. Dengan bantuan zakat yang diberikan sekuriti makanan golongan tersebut akan terjamin.

Zakat adalah rukun Islam yang amat penting. Hukum mengeluarkan zakat adalah wajib ke atas setiap orang Islam yang cukup syarat-syaratnya. Di antara dalil al-Quran dan Hadith Riwayat al-Bukhārī (1395) mengenai kefardhuan ibadah zakat ialah:

“... maka dirikanlah sembahyang dan tunaikanlah zakat...”

(Sūrah al-Ḥajj (22) : 78)

“... terangkanlah kepada mereka bahawa Allah mewajibkan ke atas mereka solat lima kali sehari semalam. Kalau mereka telah mentaatinya, ajarkanlah bahawa Allah memerintahkan kepada mereka supaya membayar zakat harta mereka dan diberikan kepada orang-orang miskin”¹²⁰

Al-Syawkānī berpendapat bahawa kewajipan berzakat merupakan satu perkara yang sangat jelas dalam syariat Islam. Oleh sebab itu, orang yang mengingkari zakat

¹¹⁸Qarāḍawī, Yūsuf al- (1975), *op.cit.*, h. 203

¹¹⁹Syarbinī, Syams al-Dīn Muḥammad bin al-Khāṭib al- (1998), *Mughnī al-Muhtaj*. Jil. 1. Beirut, Lubnan: Dār al-Ma’rifah, h. 547.

¹²⁰Bukhārī, ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ismā‘īl al- (1400), *op.cit.*, No. Hadis 1395, Juz. 1, h. 430.

pada dasarnya adalah kafir¹²¹. Bagi menegaskan kewajiban membayar zakat, Allah S.W.T. menjelaskan bahawa ia bukan semata-mata ibadat tetapi juga hak golongan tertentu dalam masyarakat, yang wajib ditunaikan oleh para pemilik harta. Golongan *asnāf* yang berhak ke atas zakat pula terdiri dari lapan golongan, yakni orang-orang fakir, orang-orang miskin, *muallaf* (orang yang baru menganut agama Islam dan ingin dipujuk hatinya), hamba abdi, *ghārim* (orang yang dibebani dengan hutang), *Ibnu sabīl* (orang yang bermusafir bukan kerana tujuan maksiat), orang yang *jihād fī sabīlillah* (berjuang pada jalan Allah) dan para amil (orang yang ditugaskan oleh penguasa atau pemerintah untuk menguruskan zakat). Perkara ini dinyatakan dalam firman Allah S.W.T. yang bermaksud :

“Sesungguhnya zakat-zakat itu hanyalah untuk orang-orang fakir, orang-orang miskin, orang-orang yang bekerja untuk urusan zakat, para muallaf yang dilembutkan hatinya, para hamba sahaya (yang ingin memerdekakan dirinya), orang-orang yang dibebani hutang, untuk usaha perjuangan di jalan Allah dan untuk orang-orang yang sedang dalam perjalanan. Ia merupakan ketetapan yang diwajibkan Allah dan Allah Maha mengetahui dan Maha bijaksana.”

(Sūrah al-Tawbah (9) : 60)

Beratnya tuntutan zakat ke atas orang-orang kaya diperlihatkan oleh Rasulullah S.A.W. yang menjelaskan tindakan undang-undang terhadap orang yang tidak membayar zakat. Bahz Ibn Hakīm meriwayatkan daripada bapanya yang meriwayatkan daripada datuknya bahawa Rasulullah S.A.W. bersabda yang bermaksud:

“...dan sesiapa yang tidak membayar zakat, kami akan mengambil zakat itu dan sebahagian dari hartanya sebagai satu ketegasan daripada ketegasan Tuhan kita...”¹²²

(Hadith Riwayat Abū Dāwud)

Selain itu, zakat secara khususnya diambil daripada orang-orang kaya dan berharta maka ia merupakan satu sistem untuk menghasilkan pengagihan yang saksama di dalam Islam. Firman Allah S.W.T. yang bermaksud:

¹²¹Syawkānī, Muḥammad Ibn ‘Alī al- (1973), *Nayl al-Autār*. Jil. 2. Lubnan: Dār al-Jail, h. 170.

¹²²Abū Dāwud (1988), *Sunan Abī Dāwud*. Jil. 1. Beirut: Mu’assasah al-Kutub al-Thaqāfiyyah, h. 494.

“...supaya jangan harta itu beredar antara orang-orang kaya sahaja di antara kamu”

(Sūrah al-Ḥasyr (59) : 7)

Nabi Muhammad S.A.W. telah mengutuskan para wakil dan pegawai khasnya untuk pergi ke pelbagai negeri dengan tujuan mengumpulkan zakat. Beliau memerintahkan mereka untuk mengambilnya daripada orang-orang kaya dan membahagikannya kepada orang-orang miskin dalam kawasan yang sama. Selain itu, beliau juga telah mengutuskan Mu‘ādh bin Jabal ke negeri Yaman. Mu‘ādh bin Jabal diperintahkan untuk mengutip zakat daripada kalangan kaya di negeri itu dan membahagikannya kepada kalangan fakir miskin.¹²³

Walaupun berzakat itu wajib bagi orang-orang kaya, ianya tidak pula wajib diterima oleh kelapan-lapan asnaf yang telah ditetapkan. Pada zaman Khalifah Sayidina ‘Umar ‘Abdul ‘Aziz misalnya, hasil kutipan zakat yang dikumpul oleh Baitulmal terlalu banyak. Namun para amil terpaksa memulangkan kembali zakat tersebut kepada Baitulmal kerana tidak menemui orang yang berada di dalam kesusahan sehingga perlu kepada bantuan zakat.¹²⁴

Wujudnya orang-orang miskin pada zaman Sayidina ‘Umar ‘Abdul ‘Aziz juga telah digambarkan oleh seorang ketua kabilah yang berkata bahawa "orang-orang miskin cukup terjamin" sebagaimana yang telah disebutkan sebelum ini. Ini jelas mempamerkan wujudnya orang-orang miskin di Kota Madinah pada zaman pemerintahan Sayidina ‘Umar ‘Abdul ‘Aziz itu. Namun begitu keadaan orang-orang miskin ini adalah terjamin dan tidak perlunya mereka kepada zakat. Mereka hidup dalam keadaan makmur sekalipun berada di dalam kemiskinan material. Mereka sentiasa menyembunyikan keperluan mereka serta tidak mengeluh akan keadaan susah yang menimpa sehingga amat sukar untuk mengenal pasti mereka yang miskin ini.

¹²³Qarāḍawī, Yūsuf al- (1975), *Musykilah al-Faqr Kaifa ‘Alajaha al-Islām*. Mesir: Maktabah Waḥbah, h. 193.

¹²⁴*Ibid.*

Sebaliknya golongan kaya pula sangat mengharap agar si miskin menerima zakat yang ingin dikeluarkan.¹²⁵

Perlaksanaan zakat pada zaman kegemilangan Islam berlaku dengan begitu cekap sama ada dari segi pemungutan atau pengagihannya. Setiap golongan yang kaya merasa bertanggungjawab untuk menunaikan hak orang-orang miskin dengan cara mengeluarkan zakat dari hartanya. Manakala di peringkat pengagihan pula orang-orang yang ditugaskan bertanggungjawab mencari golongan miskin yang boleh diberikan bantuan zakat kepada mereka. Ini menunjukkan bahawa zakat merupakan mekanisme terpenting yang perlu dilaksanakan bagi membasmi kemiskinan yang berlaku.

b. Faraid

Faraid menurut istilah syarak adalah bahagian-bahagian tertentu harta yang telah ditetapkan oleh syarak khusus untuk ahli-ahli waris setelah seseorang yang meninggal dunia¹²⁶. Mereka yang berhak menerima pewarisan ialah terdiri daripada mereka yang ada hubungan nasab, walā' (kerana memerdekakan) dan hubungan pernikahan. Para ahli waris lelaki terdiri daripada sepuluh iaitu anak lelaki, cucu lelaki dari anak lelaki, bapa, datuk, saudara lelaki, anak lelaki saudara lelaki, bapa saudara, anak lelaki bapa saudara, suami dan maula (orang yang memerdekakan hamba). Manakala dari ahli waris perempuan ialah anak perempuan, cucu perempuan dari anak lelaki, ibu, nenek, saudara perempuan, isteri dan maulah¹²⁷. Firman Allah S.W.T. bermaksud:

“orang-orang yang memiliki hubungan kerabat itu sebahagiannya lebih berhak terhadap sesamanya...”

(Sūrah al-Anfāl (8): 75)

“Allah perintahkan kamu mengenai (pembahagian harta pusaka untuk) anak-anak kamu, iaitu bahagian seorang anak lelaki menyamai bahagian dua orang anak perempuan. Tetapi jika anak-anak perempuan itu lebih dari dua, maka bahagian mereka ialah dua pertiga dari harta yang ditinggalkan oleh si mati. Dan jika anak perempuan itu seorang

¹²⁵*Ibid.*

¹²⁶Sayyid, Sābiq al- (1985), *op.cit.*, h. 479.

¹²⁷*Ibid.*

sahaja, maka bahagiannya ialah satu perdua (separuh) harta itu. Dan bagi ibu bapa (si mati), tiap-tiap seorang dari keduanya: satu perenam dari harta yang ditinggalkan oleh si mati, jika si mati itu mempunyai anak. Tetapi jika si mati tidak mempunyai anak, sedang yang mewarisinya hanyalah kedua ibu bapanya, maka bahagian ibunya ialah satu pertiga. Kalau pula si mati itu mempunyai beberapa orang saudara (adik-beradik), maka bahagian ibunya ialah satu perenam. (Pembahagian itu) ialah sesudah diselesaikan wasiat yang telah diwasiatkan oleh si mati, dan sesudah dibayarkan hutangnya. Ibu-bapa kamu dan anak-anak kamu, kamu tidak mengetahui siapa di antaranya yang lebih dekat serta banyak manfaatnya kepada kamu (Pembahagian harta pusaka dan penentuan bahagian masing-masing seperti yang diterangkan itu ialah) ketetapan dari Allah; sesungguhnya Allah adalah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.”

(Sūrah al-Nisā’ (4): 11)

Seseorang Muslim tidak boleh mewarisi harta daripada orang kafir dan seorang kafir tidak boleh mewarisi harta daripada orang Muslim. Faraid juga tergolong sebagai mekanisme pengurusan pengagihan harta kerana secara tidak langsung sistem ini memastikan pengagihan harta si mati dilaksanakan dengan teliti dan adil di kalangan semua ahli waris. Oleh yang demikian kekayaan yang berpusat kepada seseorang individu di satu-satu masa dapat diagihkan melalui pembahagian yang ditetapkan oleh syarak.¹²⁸

c. Kifārat

Kifārat bermaksud perbuatan yang boleh menghapuskan dan menutupi sebahagian dosa sehingga tidak ada sebarang keraguan¹²⁹. Terdapat pelbagai jenis *kifārat* dalam syarak.

Antara *kifārat* tersebut ialah *kifārat* sumpah, *kifārat* zihar dan bersetubuh di bulan Ramadhan. Firman Allah S.W.T. mengenai *kifārat* sumpah ialah :

“Allah tidak menghukum kamu disebabkan sumpah-sumpahmu yang tidak dimaksud (untuk bersumpah), tetapi Dia menghukum kamu disebabkan sumpah-sumpah yang kamu sengaja, maka kaffārat (melanggar) sumpah itu, ialah memberi makan sepuluh orang miskin, iaitu dari makanan yang biasa kamu berikan kepada keluargamu, atau memberi pakaian kepada mereka atau memerdekakan seorang budak. Barang siapa tidak sanggup melakukan yang demikian, maka kaffāratnya

¹²⁸Muhammad Nejatullah Siddiqi (1981), *Muslim Economic Thinking : A Survey Of Contemporary Literature*. Leicester: Islamic Foundation, h. 35.

¹²⁹Sayyid, Sābiq al- (1985), *op.cit.*, h. 105.

puasa selama tiga hari. Yang demikian itu adalah kaffārat sumpah-sumpahmu bila kamu bersumpah (dan kamu langgar). Dan jagalah sumpahmu. Demikianlah Allah menerangkan kepadamu hukum-hukumNya agar kamu bersyukur (kepadaNya)”

(Sūrah al-Māidah (5) : 89)

Menurut ayat tersebut, barang siapa yang melanggar sumpah, wajib ke atasnya *kifārat*. Pada permulaannya dia boleh memilih antara tiga perkara iaitu :

- i. Membebaskan seorang hamba mukmin.
- ii. Memberi makan sehingga kenyang kepada sepuluh orang miskin iaitu makanan sederhana yang diberikan kepada keluarganya.
- iii. Memberi pakaian kepada sepuluh orang fakir miskin mengikut apa yang dinamakan pada adatnya adalah pakaian seperti kain sarung, baju, penutup kepala dan sebagainya.

Bagi pilihan memberi makan kepada orang miskin, al-Quran dan as-Sunnah tidak menyatakan kuantiti dan jenis makanan tersebut. Oleh itu, ia ditentukan berdasarkan adat atau uruf tempat tersebut iaitu berdasarkan kebiasaan dalam memberi makan kepada keluarganya. Ia juga disyaratkan pemberian makanan tersebut mesti kepada sepuluh orang miskin¹³⁰. Justeru, dengan pemberian makanan ini akan memberi bantuan makanan kepada mereka yang memerlukan.

d. Fidyah

Fidyah merupakan bayaran denda yang dikenakan kepada seseorang yang tidak dapat menggantikan puasanya di bulan Ramadhan pada sesuatu tahun sehinggalah tibanya bulan Ramadhan tahun berikutnya. Sebagaimana firman Allah S.W.T bermaksud:

“Dan wajib atas orang-orang yang tidak terdaya berpuasa (kerana tua dan sebagainya) membayar fidyah iaitu memberi makan orang miskin...”

(Sūrah al-Baqarah (2): 184)

¹³⁰*Ibid.*, h. 300.

Golongan yang wajib melaksanakan fidyah terdiri daripada yang pertama, wanita mengandung atau menyusui anaknya. Bagi wanita yang mengandung atau menyusui anaknya dibenarkan untuk meninggalkan puasa kerana bimbang akan kandungannya terjejas atau air susunya kering. Oleh itu, fidyah dikenakan pada tahun itu juga kepada mereka dan hendaklah diqadak sebelum melangkah Ramadhan akan datang. Kedua, orang tua yang lemah dan tidak mampu untuk berpuasa. Fuqaha berpendapat bahawa golongan ini boleh meninggalkan puasa dan perlu membayar fidyah.¹³¹

Ketiga, orang yang sakit dan tiada harapan untuk sembuh. Golongan ini boleh meninggalkan puasa dan tidak perlu untuk mengqadakkan puasa mereka tetapi perlu membayar fidyah. Keempat, orang yang meninggalkan puasa dengan sengaja atau uzur syar'ī berkaitan haid, nifas, wiladah, musafir dan sakit yang ada harapan sembuh. Golongan ini wajib mengqadakkan puasa dan jika tidak mengqadakkan puasa sehingga datang Ramadhan yang lain maka wajib mereka membayar fidyah.

Kadar fidyah adalah sebanyak satu *mud* dengan menggunakan *mud* Nabi S.A.W. atau satu cupak makanan asasi sehari.¹³² Di Malaysia, makanan asasi adalah beras. Bayaran fidyah dikira berdasarkan kadar harga beras sebanyak secupak. Kadar tersebut berubah mengikut harga yang ditetapkan pemerintah di sesuatu tempat. Beras tersebut hendaklah diberi makan kepada fakir dan miskin dan bukan berbentuk wang tunai, pakaian dan sebagainya. Satu cupak makanan asasi tempatan yang disedekahkan kepada fakir miskin mewakili satu hari yang tertinggal puasa Ramadhan padanya.¹³³ Pemberian makanan dalam bentuk fidyah ini merupakan satu tuntutan Islam untuk membantu

¹³¹Ibn Qudāmah, al-Dīn Abī Muḥammad ‘Abd Allāh bin Aḥmad bin Muḥammad (t.t.), al-Mughnī, Juz. 3. Beirut, Lubnan: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah. hh. 20-22, ¹³¹ Ibn Qudāmah, al-Dīn Abī Muḥammad ‘Abd Allāh bin Aḥmad bin Muḥammad (2001), *al-Kaḥfī fī Fiqh al-Imām Aḥmad bin Ḥanbal*. Beirut, Lubnan: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah. hh. 450-451. Muḥammad Zakarīyya al-Kandahlawī al-Madanī (t.t.), *Awjaz al-Masālik ilā Muwaḥḥa’ Mālik*, Juz 5. Damsyiq: Dār al-Qalam. hh. 286-301.

¹³²*Ibid.*

¹³³Lembaga Zakat Selangor, “Kakulator Fidyah”. <http://www.e-zakat.com.my/kalkulator-zakat/fidyah/>

golongan miskin memperoleh makanan. Ini akan dapat menjamin sekuriti makanan mereka dalam tempoh tersebut terutamanya terhadap makanan asasi.

e. Nafkah

Nafkah bermaksud memenuhi keperluan makan, tempat tinggal, pakaian dan lain-lain. Ia merupakan kewajipan seorang suami terhadap isterinya¹³⁴. Sepertimana firman Allah S.W.T. bermaksud:

“Hendaklah orang yang mampu memberi nafkah menurut kemampuannya; dan sesiapa yang disempitkan rezekinya, maka hendaklah ia memberi nafkah dari apa yang diberikan Allah kepadanya (sekadar yang mampu)..”

(Sūrah al-Ṭalāq (65): 7)

“Dan kewajiban ayah memberi makanan dan pakaian kepada para ibu dengan cara yang ma’ruf.”

(Sūrah al-Baqārah (2): 233)

Syarat isteri yang berhak menerima nafkah adalah ikatan perkahwinan yang sah dan taat pada suami. Jika syarat tersebut tidak dipenuhi maka dia tidak wajib diberi nafkah. Mazhab Syāfi‘ī menetapkan jumlah nafkah bukan diukur dengan jumlah keperluan tetapi menurut mereka bahawa perkara ini mesti berdasarkan syarak. Suami wajib memberi nafkah mengikut kemampuannya. Jika suami berpendapatan sederhana, maka dia diwajibkan membayar nafkah sebanyak satu setengah *mud* kerana dia tidak dapat disamakan dengan orang kaya yang wajib memberi dua *mud*. Isteri juga berhak mendapat pakaian yang sesuai dengan kemampuan suami begitu juga dengan tempat tinggal¹³⁵.

2.8.2.2 Pengagihan yang Sunat

Sunat menurut istilah syarak adalah sesuatu perkara yang mendatangkan pahala apabila dilaksanakan dan sekiranya ditinggalkan, ia tidak pula mendatangkan dosa. Namun,

¹³⁴Sayyīd, Sābiq al- (1985), *op.cit.*, Jil. 4, h. 233.

¹³⁵*Ibid.*, h. 244

oleh kerana perlaksanaannya memberikan manfaat, umat Islam dianjurkan untuk mengerjakannya. Terdapat beberapa mekanisme pengurusan kemiskinan harta di bawah kaedah pengagihan sunat. Mekanisme-mekanisme tersebut adalah:

a. Korban

Korban ialah penyembelihan binatang korban yang dilakukan pada Hari Raya Aidil Adha dan hari-hari Tasyrik. Dari sudut fiqh, ia bermaksud menyembelih binatang tertentu dengan niat beribadah dan mendekati diri kepada Allah S.W.T. pada masa-masa tertentu.¹³⁶ Islam menggalakkan masyarakat berkorban sebagai tanda bersyukur dengan nikmat yang Allah S.W.T. berikan. Ia dijelaskan dalam firman Allah S.W.T. bermaksud :

“Oleh itu kerjakanlah sembahyang kerana Tuhanmu semata-mata dan sembelihlah korban sebagai bersyukur.”

(Sūrah al-Kawthar (108) : 2)

Ibadah penyembelihan binatang korban adalah *sunnat muakkad* bagi yang mampu melaksanakannya. Allah S.W.T. mensyariatkan korban untuk mengingati kisah Nabi Ibrahim a.s. dan untuk memberikan makanan dalam bentuk daging korban kepada umat Islam terutamanya golongan yang kurang berkemampuan pada Hari Raya Aidil Adha. Selain itu, setelah menyembelih korban, dagingnya dibahagi-bahagikan untuk keluarga dan kepada golongan fakir miskin sebagai bantuan pada hari raya dan disunatkan untuk memakan sepertiga dan menyedekahkan sebanyak dua pertiga kepada kaum Muslimin¹³⁷.

Binatang yang dikorbankan adalah terdiri daripada jenis unta, lembu atau kerbau, kambing yang berumur dua tahun, jika kambing biri-biri pula telah berumur satu tahun atau telah gugur giginya sesudah enam bulan meskipun belum cukup satu tahun. Binatang itu disyaratkan tidak cacat, tidak buta sebelah atau kedua-duanya,

¹³⁶*Ibid.*, h. 293.

¹³⁷Syarbinī, Syams al-Dīn Muḥammad bin al-Khāṭib al- (1998), *op.cit.* Jil. 4, h. 282.

kakinya tidak pincang, tidak terlalu kurus, tidak terpotong lidahnya, tidak mengandung atau baru melahirkan anak, tidak berpenyakit atau berkudis. Binatang yang hendak disembelih itu mestilah sihat¹³⁸.

Islam memberikan panduan bagi mereka yang berkorban kerana perbuatan tersebut merupakan satu ibadat yang diharapkan balasan pahala di sisi Allah S.W.T. Oleh itu, dengan adanya ibadah korban akan dapat membantu golongan fakir dan miskin memperoleh makanan iaitu daging dalam tempoh itu. Makanan tersebut akan dapat memenuhi keperluan asas dan mereka tidak akan mengalami kelaparan.

b. Aqiqah

Aqiqah adalah menyembelih binatang sebagai tanda kesyukuran kerana anak yang baru lahir. Hukum bagi aqiqah adalah *sunnat muakkad* iaitu sangat dituntut dalam Islam kerana ia dapat mengagihkan makanan kepada masyarakat Islam. Pelaksanaan akikah untuk anak lelaki adalah dengan menyembelih dua ekor kambing, manakala bagi anak perempuan adalah satu ekor sahaja. Penyembelihan binatang tersebut kebiasaannya dilaksanakan pada hari ketujuh, keempat belas atau kedua puluh satu selepas kelahiran.¹³⁹ Sabda Rasulullah S.A.W. yang bermaksud:

"Setiap anak yang lahir itu terpelihara dengan aqiqahnya yang disembelih untuknya pada hari ketujuh (daripada hari kelahirannya), dicukur dan diberi nama."¹⁴⁰

(Hadith Riwayat Abū Dāwud, at-Tarmidhī dan Ibn Mājah)

Aqiqah adalah melambangkan kegembiraan dengan nikmat Allah S.W.T. yang menyenangkan kelahiran dan mengurniakan anak kepada kedua ibu bapa. Maka sepatutnya ia dibuktikan kesyukuran kepada pengurniaan dan pemberian nikmat¹⁴¹. Dalam aqiqah disyaratkan apa yang menjadi syarat korban seperti binatang tersebut adalah kambing dan seluruh binatang ternak.

¹³⁸Sayyid, Sābiq al- (1985), *op.cit.*

¹³⁹*Ibid.*, h. 300.

¹⁴⁰Abī Dāwud (1988), Jil. 2, h. 95.

¹⁴¹Syarbinī, Syams al-Dīn Muḥammad bin al-Khāṭib al- (1998), *op.cit.*, Jil. 4, h. 293.

Disunatkan bagi pelaksana aqiqah untuk memakannya, menghadaiahkan dan menyedekahkannya kerana aqiqah adalah penyembelihan yang sunat dan dianjurkan sepertimana korban. Daging aqiqah digalakkan untuk dimasak dahulu dan barulah diberikan kepada golongan fakir miskin. Kaedah ini akan dapat membantu golongan fakir miskin yang memerlukan makanan yang berzat dan berprotein daripada daging di samping sekuriti makanan mereka terjamin.

c. Wakaf

Wakaf bermaksud menahan harta dan memberikan manfaatnya di jalan Allah S.W.T. Peranan wakaf dalam pengagihan semula terletak pada jenis harta yang diwakafkan samada *wakaf ahli* atau *wakaf khairi*. *Wakaf ahli* diperuntukkan kepada ahli keluarga dan kaum kerabat manakala *wakaf khairi* pula diperuntukkan kepada kebajikan masyarakat¹⁴². Wakaf merupakan satu daripada amalan sedekah yang sangat dituntut dalam Islam. Sepertimana juga amalan sedekah yang lain, amalan ini telah dijanjikan dengan ganjaran yang amat besar oleh Allah S.W.T. kepada pewakafnya. Pahala amalan wakaf akan kekal berpanjangan selagi harta yang diwakafkan masih wujud dan boleh dimanfaatkan. Oleh itu, Islam menyarankan agar harta wakaf hendaklah terdiri dari harta kekal dan tahan lama¹⁴³. Manakala mana-mana bentuk harta yang mudah rosak atau habis jika digunakan seperti wang, perlu ditukar kepada bentuk harta yang lebih kekal agar berterusan manfaatnya¹⁴⁴.

Wakaf membuka ruang untuk mendekatkan diri kepada Allah S.W.T. dengan cara mengalirkan harta di jalan Allah S.W.T. Sebagai balasan pewakaf akan beroleh ganjaran pahala. Melalui amalan wakaf akan tercapai kepentingan Islam seperti membina masjid, sekolah, menghidupkan majlis ilmu dan sebagainya. Wakaf dapat

¹⁴²Sayyid, Sābiq al- (1985), *op.cit.*, h. 423.

¹⁴³Nawāwī, Abū Zakāriyā Yaḥyā Ibn Sharf al- (t.t.), *al-Majmū' Sharḥ al-Muḥadhdhab*. Jil. 15. Madinah: Maktabah al-Salafiyah, h. 326.

¹⁴⁴Ibn Qudāmah, 'Abd Allāh Ibn Aḥmad Ibn Muḥammad (t.t), *al-Mughnī li Ibn Qudāmah*. Juz. 5. Mesir: Matba'ah al-Amin, h. 583.

memenuhi keperluan fakir miskin, anak-anak yatim dan ibnu sabil yang tidak dapat mencari rezeki kerana kedaifan dan keadaan tertentu. Harta-harta wakaf ini boleh memenuhi keperluan dan mengurangkan kesengsaraan mereka.

Wakaf merupakan satu kaedah pengurusan kemiskinan yang sangat berpotensi untuk memberi manfaat kepada golongan fakir miskin di samping mengagih harta kekayaan dengan berkesan demi untuk kebajikan ummah. Ini adalah kerana manfaat harta tersebut bersifat berterusan. Golongan fakir dan miskin mendapat manfaat secara langsung daripada mekanisme wakaf apabila sesuatu harta diwakafkan untuk penggunaan khusus golongan fakir dan miskin. Manfaat secara tidak langsung pula diterima oleh golongan fakir dan miskin apabila harta diwakafkan di dalam bentuk penggunaan umum. Pemberian harta untuk diwakafkan merupakan satu ibadah yang sangat digalakkan berdasarkan firman Allah S.W.T. yang bermaksud:

“Kamu sekali-kali tidak sampai kepada kebaktian, sebelum kamu menafkahkan sebahagian harta yang kamu cintai. Dan apa sahaja yang kamu nafkahkan, maka sesungguhnya Allah mengetahuinya”

(Sūrah Āl‘Imrān (3) : 92)

d. Wasiat

Wasiat merupakan pemberian seseorang kepada orang lain, baik berupa barang ataupun manfaat untuk dimiliki oleh orang yang diberi wasiat setelah orang yang berwasiat tersebut meninggal dunia. Sebahagian ahli fiqh mendefinisikan wasiat sebagai pemberian hak pemilikan secara sukarela yang dilakukan setelah meninggal dunia¹⁴⁵. Pelaksanaan wasiat mempunyai bahagian dan syarat-syarat tertentu yang ditetapkan oleh syariat.

Wasiat adalah salah satu cara untuk mendekati diri kepada Allah S.W.T. yang pada akhir kehidupan agar kebbaikannya bertambah kerana di dalam wasiat tersebut

¹⁴⁵Sayyid, Sābiq al- (1985), *op.cit.*, h. 467.

terdapat kebajikan dan pertolongan bagi semua manusia¹⁴⁶. Melalui wasiat, pemusatan harta kepada golongan kaya sahaja dapat dirungkai di mana harta si mati tidak hanya disalurkan di kalangan ahli waris. Sebaliknya golongan fakir dan miskin boleh turut serta mendapat manfaat daripada harta tersebut.

e. Sedekah

Sedekah adalah amalan sunnah yang digalakkan dalam Islam. Ia dilakukan untuk mengharapkan pahala dari Allah S.W.T. Terdapat banyak ayat al-Quran menyebut tentang anjuran bersedekah, pemberian, infak dan derma di jalan Allah S.W.T. Di antara ayat di dalam al-Quran yang menyarankan perlaksanaan sedekah adalah:

“Adapun nikmat Tuhanmu hendaklah engkau agihkan”
(Sūrah Al-Ḍuhā (93) : 11)

“Berimanlah kepada Allah dan RasulNya dan belanjakanlah sebahagian dari harta yang Allah berikan kamu menguasainya. Maka orang-orang yang beriman di antara kamu dan yang membelanjakan hartanya itu memperoleh pahala yang besar”
(Sūrah al-Ḥadīd (57) : 7)

Amalan sedekah boleh dilakukan dalam bentuk harta, barang atau makanan kepada sesiapa terutamanya mereka yang memerlukan. Ia merupakan amalan yang paling banyak dilaksanakan oleh Rasulullah S.A.W. dan para sahabat baginda. Pernah di dalam satu peristiwa Rasulullah S.A.W. memberi sedekah kepada setiap yang memerlukan wang sehingga habis keseluruhan wang yang diterimanya.

Sebaik-baik sedekah adalah diambil daripada lebih keperluannya dan tanggungannya dan berdosa jika seseorang itu bersedekah dengan mengurangkan nafkah tanggungannya. Sunat bersedekah dengan disertai dengan rasa ikhlas dan gembira kerana akan mendapat pahala yang banyak kerana ia merupakan satu ibadah¹⁴⁷. Pemberian sedekah merupakan pemberian sesuatu dengan kasih sayang sebagai tanda belas kasihan orang-orang yang berkemampuan kepada golongan yang susah.

¹⁴⁶*Ibid.*

¹⁴⁷Syarbinī, Syams al-Dīn Muḥammad bin al-Khāṭib al- (1998), *op.cit.*, h. 121

Pemberian ini sebenarnya boleh menjadi lambang perpaduan dan ikatan hati antara berbagai lapisan masyarakat. Dengan itu, apabila masyarakat mengamalkan pengorbanan harta melalui amalan sedekah, kemakmuran akan terbina dan permasalahan kemiskinan seperti kekurangan makanan dengan sendirinya akan selesai .

Dari dua kaedah pengagihan tersebut, terlihat bahawa pengurusan kemiskinan secara Islam lebih banyak meletakkan kunci penyelesaian persoalan kemiskinan di tangan orang-orang kaya. Tanpa kerjasama daripada golongan yang kaya ini, amat sulit untuk menguruskan persoalan kemiskinan sepertimana yang digariskan oleh agama Islam. Kemiskinan merupakan masalah utama dalam memastikan sekuriti makanan kerana mereka yang berada dalam kemiskinan tidak dapat memperoleh makanan yang mencukupi akibat tiada pendapatan yang mencukupi atau harga makanan yang tinggi.

2.9 KESIMPULAN

Kesimpulannya sekuriti makanan wujud apabila semua manusia pada bila-bila masa memperoleh makanan berkhasiat secara mencukupi. Selain itu makanan tersebut mestilah selamat bagi memenuhi keperluan dan pemilihan pemakanan manusia bagi membolehkan mereka menjalani suatu kehidupan yang aktif dan sihat. Ini adalah definisi yang diberi oleh Pertubuhan Makanan dan Pertanian Bangsa-bangsa Bersatu (FAO). Konsep sekuriti makanan ini berbeza mengikut tahap. Ia terdiri dari tahap antarabangsa, tahap kebangsaan dan tahap perseorangan atau individu.

Ketiadaan sekuriti makanan pula berlaku apabila ketidalcukupan makanan dan masyarakat tidak dapat diakses di pasaran. Ini akan mengakibatkan masyarakat mengalami kelaparan, kebuluran, penyakit dan juga membawa kematian. Walau bagaimanapun, dalam Islam, sekuriti makanan merupakan perkara yang sangat diberi perhatian. Sumber bekalan makanan banyak dijelaskan di dalam al-Quran seperti tanaman makanan, haiwan ternakan dan juga makanan tersebut mestilah halal untuk

dimakan. Islam menjelaskan kepentingan aktiviti pertanian sebagai keperluan manusia untuk mengeluarkan sumber bekalan makanan tersebut. Selain itu, Islam juga telah merangka beberapa strategi bagi memastikan sekuriti makanan manusia terjamin. Para pemerintah berperanan untuk memastikan semua rakyat di negara mereka mendapat keperluan makanan yang mencukupi.

BAB TIGA

DASAR SEKURITI MAKANAN DI MALAYSIA

3.0 PENDAHULUAN

Bagi menjamin sekuriti makanan, sektor pertanian memainkan peranan penting dalam membekalkan sumber makanan mencukupi kepada sesebuah negara. Menyedari kepentingan tersebut, Malaysia telah memberi tumpuan terhadap pembangunan sektor ini dalam tahun-tahun kebelakangan ini. Kesedaran kepada jaminan sekuriti makanan ini berpunca daripada beberapa faktor. Faktor utama ialah kos pengeluaran yang semakin meningkat, harga import makanan yang tinggi dan faktor paling ketara adalah masalah kekurangan makanan yang menular seluruh dunia. Selain daripada itu, kenaikan harga minyak, pertambahan penduduk dan perubahan cuaca yang berlaku dengan ketara juga telah mengakibatkan harga makanan ruji sedunia meningkat tinggi.¹⁴⁸

Kebimbangan terhadap kestabilan bekalan makanan memerlukan Malaysia memperkukuhkan keupayaannya dalam pengeluaran makanan. Kesemua cabaran ini memerlukan pendekatan dan dasar strategik baru untuk meningkatkan pertumbuhan sektor pertanian dan sumbangannya kepada ekonomi negara.¹⁴⁹ Oleh itu, penekanan terhadap sekuriti makanan ini telah menjadi asas yang kuat dalam penggubalan dasar pertanian dan makanan di Malaysia.¹⁵⁰

¹⁴⁸Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan, "Laporan Tahunan SME 2007", <http://www.bnm.gov.my/files/publication/sme/bm/2007/bab-8.pdf>, h.154, 1 Ogos 2009.

¹⁴⁹*Ibid.*

¹⁵⁰"Ucapan Oleh YB Menteri Pertanian Dan Industri Asas Tani Malaysia", (Seminar Pelan Imbangan Dagangan dan Forum Tekno-Biz Sempena dengan Showcase Biobisnes Mardi 2005 di Marriot Hotel Putrajaya, Kuala Lumpur pada 1-2 Ogos 2005), <http://banktani.tripod.com/dagangan.htm>, 29 Julai 2008.

3.1 PERKEMBANGAN DASAR SEKURITI MAKANAN DI MALAYSIA

Dasar Sekuriti Makanan bukan dianggap perkara baru dalam sejarah Malaysia kerana telah dilaksanakan Dasar Padi dan Beras pada sebelum merdeka lagi oleh kolonial Inggeris yang datang menjajah. Dasar tersebut dilaksanakan atas kesedaran dari Perang Dunia Kedua yang menyebabkan berlaku krisis peperangan dan darurat yang telah mengajar Malaysia mengenai kepentingan sekuriti makanan. Krisis tersebut telah menyebabkan rakyat terpaksa makan apa sahaja yang boleh dimakan seperti ubi kayu dan pucuk-pucuk hutan kerana berlaku ketidakcukupan beras¹⁵¹. Walau bagaimanapun, dasar tersebut tidak menggariskan sekuriti makanan secara nyata tetapi menyerapkannya dalam istilah sara diri dan ia lebih merujuk kepada padi dan beras. Maka perbincangan dasar sara diri dalam jangka waktu tersebut berkitar kepada sektor padi dan beras sahaja.

Selepas negara mencapai kemerdekaan kerajaan telah melaksanakan rancangan pertanian yang berkaitan dengan sekuriti makanan melalui Rancangan Malaya sehingga kepada Rancangan Malaysia dan sehingga kini Malaysia sudah memasuki Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK10). Dalam setiap rancangan lima tahun ini, sektor pertanian mendapat peruntukan tertentu dari peruntukan pembangunan negara. Dalam Rancangan Malaya Pertama, sara diri masih lagi menjadi tema utama dasar sekuriti makanan negara yang diserapkan secara tidak langsung dalam pembangunan sektor pertanian. Strategi utama yang telah diambil oleh kerajaan adalah melalui campur tangan dalam sektor pengeluaran dan pemasaran komoditi ini. Pada tempoh tersebut juga, beberapa perubahan ketara dalam pasaran padi dapat ditampikan. Pertamanya, pada tahun 1971, kerajaan telah menubuhkan Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) atau kini dikenali sebagai BERNAS sebagai satu institusi yang diamanatkan untuk berfungsi dalam memastikan pencapaian objektif berikut, iaitu yang pertama, menjamin harga padi yang

¹⁵¹Ahmad Mahdzan Ayob (1997), *Pembangunan Pertanian: Ekonomi, Dasar dan Bukti Empirik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 34.

tinggi kepada petani; dan yang kedua, menjamin harga dan kualiti beras yang berpatutan kepada pengguna.¹⁵²

Seterusnya kerajaan telah melancarkan dasar sekuriti makanan yang khusus mengenai sektor pertanian, iaitu Dasar Pertanian Negara Pertama (DPN1) pada tahun 1984 dengan objektif umumnya adalah untuk memaksimumkan pendapatan pertanian melalui penggunaan sumber-sumber secara optimum. Antara objektif khusus DPN1 adalah untuk memastikan sekuriti bahan makanan. Bahan makanan di sini merangkumi butiran seperti ternakan, ikan, tenusu dan sayur-sayuran¹⁵³. Pada tahun 1992 kerajaan telah melancarkan dasar sekuriti makanan yang seterusnya iaitu Dasar Pertanian Negara Kedua (DPN2) untuk tempoh lima tahun iaitu hingga tahun 2010. Dasar ini juga dianggap sebagai Dasar Sekuriti Makanan yang turut menggabungkan falsafah dan haluan pembangunan baru seperti yang terkandung dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua dan Wawasan 2020.¹⁵⁴ Objektif DPN2 adalah untuk mencapai pembangunan seimbang antara sektor pertanian dan pembuatan, meningkatkan integrasi sektor pertanian dengan sektor-sektor lain terutama pembuatan, pembangunan industri makanan pada tahap yang lebih tinggi dan menyeluruh serta pembangunan mapan sektor pertanian¹⁵⁵.

Kemudian, dalam tahun 1998 pula kerajaan melancarkan Dasar Pertanian Negara Ketiga (DPN3) untuk tempoh 1998 hingga 2010. Dasar ini lebih menekankan kepada jaminan sekuriti makanan melalui objektifnya untuk meningkatkan sekuriti makanan serta memberikan tumpuan kepada kaedah baru bagi menambah produktiviti dan daya saing dan mengukuhkan rantaian dengan sektor lain.¹⁵⁶ Ia digubal untuk

¹⁵²*Ibid.*

¹⁵³Kementerian Pertanian Malaysia (1985), *Dasar Pertanian Negara*. Kuala Lumpur : Kementerian Pertanian Malaysia, h. 1.

¹⁵⁴Kementerian Pertanian Malaysia (1993), *Dasar Pertanian Negara (1992-2010)*. Kuala Lumpur : Unit Penerbitan Kementerian Pertanian Malaysia, h.1.

¹⁵⁵*Ibid.*, h.4.

¹⁵⁶Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, “Dasar Pertanian Negara Ketiga”, <http://www.moa.gov.my/dpn>, 20 Ogos 2009.

mengatasi masalah yang melanda sekuriti makanan dalam negara iaitu dengan bekalan makanan yang kurang mencukupi, kurang selamat, kurang berkhasiat serta kurang bermutu tinggi dan untuk menjamin keperluan makanan dapat diperoleh dengan harga yang berpatutan.¹⁵⁷

Strategi-strategi untuk mencapai matlamat DPN3 merangkumi beberapa dasar yang sedia ada tetapi diperkemas, dipergiat dan diperkukuhkan lagi dengan yang baru. Kesedaran mengenai sekuriti makanan semakin ditekankan akibat dari krisis makanan dunia yang berlaku. Ini ditunjukkan melalui Dasar Jaminan Bekalan Makanan Negara (DJBM). Dasar ini telah diluluskan oleh kerajaan pada 2 Mei 2008. Dasar ini digubal untuk memastikan sekuriti makanan pada tahap yang mencukupi dalam memenuhi keperluan negara. Dasar tersebut menunjukkan reaksi terhadap kebimbangan kerajaan mengenai masa depan sektor pertanian¹⁵⁸. Sehingga kini, kerajaan telah menggubal Dasar Agro Makanan Negara untuk tempoh 2011 hingga 2020 dan dilaksanakan melalui Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK10)¹⁵⁹.


Dasar berkenaan sekuriti makanan telah wujud sejak sebelum merdeka lagi. Walau bagaimanapun, perbincangan kajian ini hanya akan meliputi dasar yang lebih khusus mengenai sekuriti makanan iaitu dasar yang bermula dari tahun 1984 sehingga 2008. Dasar-dasar tersebut telah dilaksanakan melalui Rancangan Malaysia dan perkembangan dasar-dasar tersebut ditunjukkan di dalam Rajah 3.1 di bawah. Penjelasan yang lebih lanjut mengenai Dasar Sekuriti Makanan yang bermula pada tahun 1984 hingga 2008 akan dijelaskan pada topik seterusnya.

¹⁵⁷*Ibid.*

¹⁵⁸Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, "Dasar Jaminan Makanan Nasional (2008-2010)", http://www.agribdc.gov.my/food?p_p_id=56_INSTANCE_z5du&p_p_lifecycle=0&p_p_state=normal&p_p_mode=view&p_p_col_id=column-3&p_p_col_count=1&page=1, 20 Ogos 2009.

¹⁵⁹Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, "Dasar Agromakanan Negara 2011-2020", http://www.moa.gov.my/c/document_library/get_file?uuid=d6a64299-3545-4944-9256-c11e113fbe65&groupId=10136, 15 Mei 2012.

Rajah 3.1 : Dasar Sekuriti Makanan di Malaysia dari Tahun 1984 hingga 2008



Sumber : Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani¹⁶⁰

3.2 OBJEKTIF DASAR SEKURITI MAKANAN DI MALAYSIA DARI TAHUN 1984 HINGGA 2008

Menyedari kepentingan pembangunan sektor pertanian sebagai alat yang berkesan untuk jaminan sekuriti makanan dan memecahkan putaran kemiskinan dan memperbaiki kedudukan sosioekonomi penduduk luar bandar yang menjadi punca ketidakselamatan makanan, kerajaan telah menggubal beberapa dasar sebagai dasar sekuriti makanan untuk memastikan jaminan makanan tersebut. Dasar-dasar tersebut membincangkan secara menyeluruh berkenaan sektor pertanian termasuklah tanaman bukan makanan. Kajian ini akan membincangkan perancangan dan program yang berkaitan dengan tanaman makanan untuk menjamin sekuriti makanan.

¹⁶⁰Kementerian Pertanian Malaysia (1985), *op.cit.*, Kementerian Pertanian Malaysia (1993), *op.cit.*, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA), “Dasar Pertanian Negara Ketiga”, *op.cit.*, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, “Dasar Jaminan Makanan Nasional (2008-2010)”, *op.cit.*

Jadual 3.1 : Ringkasan Objektif Dasar Pertanian Negara

Objektif Dasar	DPN1	DPN2	DPN3	DJBM
Untuk memaksimumkan pendapatan sektor pertanian	✓	✓		
Untuk memaksimumkan pendapatan pengusaha atau pekebun kecil	✓			✓
Untuk memaju dan meningkatkan hasil serta mutu komoditi yang mempunyai potensi besar untuk eksport atau bahan gantian import bahan makanan	✓	✓	✓	✓
Untuk mencapai pembangunan seimbang antara sektor pertanian dan pembuatan	✓	✓		
Untuk memaksimumkan penggunaan sumber-sumber terhad			✓	
Untuk meningkatkan pelaburan swasta dalam pengeluaran makanan			✓	
Untuk memastikan dan meningkatkan sekuriti makanan (<i>food security</i>)			✓	✓
Untuk mewujudkan sumber pertumbuhan baru dan mengguna dan memulihara sumber semula jadi secara lestari			✓	

*Sumber: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani¹⁶¹

Setiap daripada dasar-dasar tersebut mempunyai objektif tertentu bagi mencapai matlamat masing-masing. Ringkasan objektif DPN dapat dilihat dalam Jadual 3.1 di atas. Objektif DPN1 yang utama ialah memaksimumkan pendapatan sektor pertanian melalui penggembleran sumber-sumber negara secara cekap dan berkesan. Ia bagi mempergiatkan semula sumbangan sektor pertanian kepada pertumbuhan ekonomi negara. Selain itu, objektif untuk memaksimumkan pendapatan pengusaha atau pekebun kecil melalui peningkatan daya pengeluaran. Ini adalah untuk mengurangkan kadar kemiskinan dan memperbaiki kualiti hidup keluarga. Seterusnya, objektif memaju dan meningkatkan hasil serta mutu komoditi yang mempunyai potensi besar untuk eksport. Objektif tersebut menjadi asas kepada pembangunan pertanian dalam jangka masa Rancangan Malaysia Kelima (RMK5).¹⁶² Walaupun dasar ini tidak menyatakan secara khusus mengenai, tetapi sebenarnya objektif-objektif dasar tersebut adalah sangat berkait rapat dengan jaminan sekuriti makanan.

¹⁶¹*Ibid.*

¹⁶²Chamhuri Siwar, Surtahman Kastin Hassan dan Norshamliza Chamhuri (2007), *Ekonomi Malaysia*. Selangor : Pearson Malaysia Sdn. Bhd., h. 66.

Dasar Pertanian Negara Kedua (DPN2) pula merupakan lanjutan daripada DPN1. Usaha untuk mencergaskan semula sektor pertanian adalah selari dengan perkembangan sektor perindustrian. Tempoh pelaksanaan DPN2 adalah dari tahun 1992 hingga ke tahun 2010.¹⁶³ Objektif utama DPN2 adalah memaksimumkan pendapatan melalui penggunaan sumber-sumber secara optimum seperti mana objektif DPN1. Objektif tersebut diteruskan bagi memastikan pendapatan dari sektor pertanian dapat ditingkatkan pada tahap optimum. Selain itu, objektif DPN2 adalah untuk mencapai pembangunan seimbang antara sektor pertanian dan pembuatan. Usaha untuk meningkatkan integrasi sektor pertanian dengan sektor-sektor lain terutama pembuatan, pembangunan industri makanan pada tahap yang lebih tinggi dan menyeluruh serta pembangunan mapan sektor pertanian.¹⁶⁴ Objektif ini juga merupakan objektif yang sedia ada dalam DPN1 yang diteruskan untuk mengenal pasti komoditi-komoditi tertentu yang memberi potensi yang tinggi kepada perindustrian kerana dalam tempoh ini, berlaku pertumbuhan yang pesat di dalam sektor perindustrian. Ini memberi cabaran yang besar kepada sektor pertanian terutamanya di dalam sektor komoditi makanan dalam memastikan kecukupan makanan dalam negara. Oleh itu, kerajaan lebih mempergiatkan lagi pembangunan sektor ini agar ia sejajar dengan pembangunan sektor perindustrian dan tidak menggugatkan pengeluaran makanan dalam negara.

Dasar sekuriti makanan seterusnya adalah Dasar Pertanian Negara Ketiga (DPN3) bermula pada tahun 1998 hingga 2010.¹⁶⁵ DPN3 bertujuan untuk memaksimumkan penggunaan sumber-sumber terhad yang sedia ada seperti tanah, buruh dan bahan mentah dan untuk meningkatkan pelaburan swasta dalam pengeluaran makanan.¹⁶⁶ Objektif ini merupakan objektif yang diteruskan dari DPN1 dan DPN2 lagi tetapi lebih ditumpukan kepada sumber yang terhad yang dinyatakan. Manakala,

¹⁶³*Ibid.*, h. 3

¹⁶⁴Kementerian Pertanian Malaysia (1993), *op.cit.*

¹⁶⁵Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, "Dasar Pertanian Negara Ketiga", *op.cit.*

¹⁶⁶*Ibid.*

objektif utama dalam DPN3 yang berkait rapat dengan sektor makanan adalah meningkatkan sekuriti makanan (*food security*) iaitu dengan meningkatkan kualiti mutu pengeluaran bahan makanan supaya mencukupi untuk keperluan rakyat. Disamping itu, terdapat objektif lain iaitu menekankan kepada meningkatkan produktiviti dan daya saing sektor pertanian, merapatkan rantai dengan sektor lain, mewujudkan sumber pertumbuhan baru, mengguna dan memulihara sumber semula jadi secara lestari. Ini adalah usaha aktif kerajaan bagi meningkatkan pengeluaran makanan dan bagi menjamin bekalan makanan mencukupi kepada penduduk dalam negara.¹⁶⁷

Dasar Jaminan Bekalan Makanan (DJBM) digubal khusus untuk memastikan sekuriti makanan terjamin dalam negara. Peningkatan harga makanan di peringkat antarabangsa dan kekurangan bekalan telah menimbulkan cabaran dalam menjamin bekalan makanan mencukupi. Ia digubal untuk memastikan sekuriti makanan adalah pada tahap yang mencukupi dalam memenuhi keperluan negara. Dasar ini bertujuan untuk meningkatkan pengeluaran dan produktiviti sektor agro makanan bagi memenuhi tahap sara diri. Selain itu, ia adalah untuk memastikan pengusaha pertanian mendapat pendapatan yang setimpal dan bagi menjamin pengeluaran bahan makanan tidak merosot. Seterusnya adalah untuk memastikan bekalan bahan makanan mencukupi, berkualiti dan selamat dimakan.¹⁶⁸ Objektif DJBM ini juga meneruskan objektif DPN3 tetapi ia memberikan penumpuan sepenuhnya kepada jaminan sekuriti makanan.

Rumusannya, DPN1 hingga DJBM mempunyai objektif-objektif yang tersendiri tetapi terdapat objektif yang masih diteruskan iaitu memaksimumkan pendapatan dari sektor pertanian. Selain itu, mengenal pasti komoditi-komoditi pertanian tertentu yang berpotensi untuk industri. Tumpuan kepada sektor pertanian makanan adalah sangat

¹⁶⁷Ministry of Agriculture Malaysia (1999), *Third National Agricultural Policy (1998-2010)*. Kuala Lumpur : Ministry of Agriculture Malaysia, h. 4.

¹⁶⁸Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, "Dasar Sekuriti Makanan Sektor Pertanian dan Industri Asas Tani", (Temubual Bersama Pegawai Bahagian Perancangan Strategik dan Antarabangsa, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani pada 25 Mac 2009), h.5.

sinonim dengan sekuriti makanan dan telah mula dilaksanakan bermula DPN3 sehingga DJBM. Kesedaran tentang kepentingan sektor makanan ini menunjukkan kerajaan sangat prihatin dengan keperluan utama penduduk.

3.3 DASAR KOMODITI MAKANAN DALAM RANCANGAN MALAYSIA KELIMA HINGGA KESEMBILAN

Dasar Komoditi Makanan adalah meliputi perancangan yang khusus kepada sektor makanan iaitu kepada komoditi tanaman makanan yang tertentu seperti padi, sayur-sayuran dan buah-buahan serta komoditi ternakan seperti ayam-itik, lembu, kambing dan ikan. Komoditi-komoditi tersebut merupakan komoditi sekuriti makanan yang diberi tumpuan sebagai sumber makanan utama untuk memastikan ia mencukupi dan terjamin.

Rancangan Malaysia adalah strategi pembangunan negara termasuklah kepada perancangan Dasar Pertanian Negara. Ia digubal setiap lima tahun sekali bagi merealisasikan dan melaksanakan program yang telah digariskan dalam DPN. Program perancangan untuk komoditi makanan dalam DPN1 sehingga DJBM telah bermula dari Rancangan Malaysia Kelima (RMK5) hingga Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9). Pelaksanaan DPN1 bermula ketika tempoh berakhirnya RMK4 dan meliputi sepenuhnya RMK5. Manakala pelaksanaan DPN2 pula bermula dari RMK6 hingga RMK7. Kemudian, DPN3 meliputi tempoh RMK8 dan RMK9. Bagi DJBM juga dilaksanakan dalam tempoh RMK9.¹⁶⁹ Strategi utama komoditi makanan di bawah RMK5 hingga RMK9 mengikut jenis makanan ialah:

¹⁶⁹Malaysia (1986), *Rancangan Malaysia Kelima (1986-1990)*. Kuala Lumpur : Jabatan Percetakan Negara., Malaysia (1991), *Rancangan Malaysia Keenam (1991-1995)*. Kuala Lumpur : Jabatan Percetakan Negara., Malaysia (1996), *Rancangan Malaysia Ketujuh (1996-2000)*. Kuala Lumpur : Jabatan Percetakan Negara., Unit Perancang Ekonomi (EPU) (2001), *Rancangan Malaysia Kelapan (2001-2005)*. Putrajaya: Unit Perancang Ekonomi., Unit Perancang Ekonomi(EPU) (2006), *Rancangan Malaysia Kesembilan (2006-2010)*. Putrajaya: Unit Perancang Ekonomi.

3.3.1 Padi/Beras

Pengeluaran beras merupakan isu yang sangat penting dalam dasar sekuriti makanan kerana ia merupakan makanan asasi penduduk di Malaysia. Penentuan peratus pengeluaran beras di dalam negara adalah dipengaruhi oleh keperluan makanan negara tersebut. Kos pengeluaran beras yang tinggi di negara ini adalah tidak ekonomik jika negara mengeluarkan 100% daripada keperluannya kerana negara merupakan pengeluar beras kos tinggi.

Peningkatan pengeluaran padi dipergiatkan melalui strategi-strategi utama. Seperti mana dalam Jadual 3.2, sepanjang tempoh dari RMK5 hingga RMK9 strategi utama yang dijalankan sepanjang tempoh tersebut adalah dengan menumpukan kepada tanaman padi di kawasan jelapang padi utama iaitu di Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Kemubu, Besut, Barat Laut Selangor, Krian-Sungai Manik, Seberang Perak, Kemasin-Semerak dan Seberang Prai. Manakala, pengeluaran padi di luar kawasan jelapang padi akan dikurangkan secara berperingkat-peringkat dan diganti dengan tanaman-tanaman lain yang lebih menguntungkan.¹⁷⁰

Selain itu, kerajaan juga menyediakan tanah-tanah baru untuk tanaman padi, menyediakan dan meningkatkan kemudahan parit dan tali air serta pembaikan amalan pengurusan ladang di kawasan yang sedia ada untuk penanaman dua kali setahun, penanaman secara berkelompok, penggunaan benih yang berhasil tinggi dan juga penggunaan amalan pertanian moden.¹⁷¹ Jadual 3.2 menunjukkan ringkasan strategi utama komoditi makanan dalam tempoh RMK.

¹⁷⁰Kementerian Pertanian Malaysia (1993), *op.cit.*, hh. 10-13.

¹⁷¹Kementerian Pertanian Malaysia (1985), *op.cit.*, h. 9, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, "Dasar Sekuriti Makanan Sektor Pertanian dan Industri Asas Tani", *op.cit.*, hh. 7-8., Malaysia (1996), *op.cit.*, hh. 261-262.

Jadual 3.2 : Strategi Utama Tanaman Padi dalam Rancangan Malaysia

Strategi	RMK5	RMK6	RMK7	RMK8	RMK9
Tumpuan tanaman di kawasan jelapang padi	✓	✓	✓	✓	✓
Tanaman di luar kawasan jelapang padi akan dikurangkan secara berperingkat-peringkat.	✓	✓	✓	✓	✓
Pembukaan tanah baru				✓	
Menyediakan kemudahan perparitan	✓		✓	✓	
Pemberian subsidi input dan harga sokongan.		✓	✓		
Penggunaan benih berkualiti tinggi			✓	✓	
Penanaman secara komersial			✓	✓	
Penggalakan perladangan berkelompok		✓	✓		
Penggunaan teknologi baru			✓	✓	
Pesawah padi digalak melibatkan diri dalam aktiviti pemprosesan makanan dari keluaran beras					✓

Sumber : Rancangan Malaysia Kelima hingga Rancangan Malaysia Kesembilan¹⁷²

3.3.2 Sayur-sayuran dan Buah-buahan

Permintaan bagi sayur-sayuran segar masih berterusan di dalam negara, walaupun terdapat kemajuan di bidang pengawetan makanan. Pengeluaran sayur-sayuran dalam DPN1 telah dipergiatkan sehingga DJBM untuk memenuhi permintaan dalam negara yang semakin bertambah terutama dari kawasan bandar dan untuk tujuan eksport ke negara luar. Langkah telah diambil oleh kerajaan bagi memastikan tanah untuk tanaman sayur-sayuran adalah mencukupi di kawasan berhampiran dengan bandar dan kawasan tertentu seperti di kawasan tanah tinggi. Berdasarkan Jadual 3.3, strategi utama untuk tanaman sayur-sayuran dan buah-buahan dari tempoh RMK5 hingga RMK9 ialah menumpukan kepada jenis tanaman yang bernilai tinggi untuk penggunaan tempatan

¹⁷²Malaysia (1986), *op.cit.*, Malaysia (1991), *op.cit.*, Malaysia (1996), *op.cit.*, Unit Perancang Ekonomi (EPU) (2001), *op.cit.*, Unit Perancang Ekonomi(EPU) (2006), *op.cit.*

dan pasaran eksport terpilih seperti belimbing, betik Eksotika, jambu batu, durian, rambutan dan ciku.¹⁷³

Seterusnya, bermula RMK7, kerajaan menjalankan penanaman secara berskala besar berdasarkan konsep pengezonan dan pengurusan estet melalui empat pendekatan utama iaitu Ladang Moden dan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) serta Kawasan Pembangunan Pertanian Tertumpu (ACDA) dan Projek Pembangunan Kawasan Khas (ASDP). Oleh itu, penggunaan secara intensif teknik pertanian moden seperti struktur perlindungan hujan dan kalis serangga, hidroponik, aeroponik, penyuburan serta teknologi pengendalian lepas-tuai akan dijalankan di kawasan tersebut.¹⁷⁴

Kerajaan juga turut menyediakan khidmat pengembangan, infrastruktur pertanian dan khidmat pasaran yang lebih baik pada tempoh tersebut. Selain itu, pengeluaran sayur juga dipelbagaikan untuk memasukkan varieti-varieti asli (ulam) yang penanamannya akan digalakkan secara komersil. Kerajaan juga turut mengaktifkan semula Program Buku Hijau bermula pada tempoh RMK9 bagi menggalakkan isi rumah menanam sayur-sayuran dan buah-buahan di sekitar rumah bagi keperluan harian mereka. Ringkasan bagi strategi utama tanaman sayur-sayuran ditunjukkan dalam Jadual 3.3.

¹⁷³ Kementerian Pertanian Malaysia (1985), *op.cit.*, h. 11.

¹⁷⁴Unit Perancang Ekonomi (2001), *op.cit.*

Jadual 3.3 : Strategi Utama Tanaman Sayur-sayuran dan Buah-buahan dalam Rancangan Malaysia

Strategi	RMK5	RMK6	RMK7	RMK8	RMK9
Memajukan kawasan tanah sedia ada, kawasan tanah tinggi serta tanah bekas lombong		✓			
Pembangunan penanaman secara berskala besar berdasarkan konsep pengezonan dan pengurusan estet melalui 4 pendekatan utama iaitu Ladang Moden dan TKPM serta ACDA dan ASDP.			✓	✓	✓
Program Buku Hijau akan diaktifkan semula					✓
Tumpuan kepada jenis yang bernilai tinggi untuk penggunaan tempatan dan pasaran eksport terpilih	✓	✓	✓	✓	✓
Penyediaan khidmat pengembangan, infrastruktur pertanian dan khidmat pasaran yang lebih baik.			✓	✓	
Penggunaan teknologi dalam aktiviti pertanian		✓	✓	✓	

Sumber : Rancangan Malaysia Kelima hingga Rancangan Malaysia Kesembilan¹⁷⁵

3.3.3 Daging dan Tenusu

Pengeluaran daging adalah terdiri daripada daging lembu dan kambing. Daging membekalkan sumber protein yang digemari oleh penduduk Malaysia tetapi, pengeluaran bahan ini masih belum mencukupi pada masa ini. Ia juga merupakan bahan makanan yang termasuk di bawah sekuriti makanan. Selain itu, pengeluaran daging ditingkatkan untuk memenuhi keperluan tempatan. Pada tahun 1980, iaitu sebelum DPN1 dijalankan, jumlah pengeluaran daging adalah sebanyak 18 juta tan metrik sahaja bagi pengeluaran tempatan. Strategi-strategi yang dijalankan oleh kerajaan bagi meningkatkan pengeluaran daging dalam tempoh RMK boleh dilihat dalam Jadual 3.4.

¹⁷⁵ Malaysia (1986), *op.cit.*, Malaysia (1991), *op.cit.*, Malaysia (1996), *op.cit.*, Unit Perancang Ekonomi (EPU) (2001), *op.cit.*, Unit Perancang Ekonomi(EPU) (2006), *op.cit.*

Antara strategi yang dijalankan melalui RMK ialah menambahkan integrasi ternakan lembu dan kambing dengan tanaman ladang seperti kelapa sawit di projek-projek pertanian yang dilaksanakan oleh Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Lembaga Penyatuan Dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA), Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA), Pertubuhan Peladang Negeri Pahang (PASFA) dan Pertubuhan Peladang Negeri Johor (PPNJ) serta oleh ladang swasta. Program ini diteruskan sehingga RMK9 dan terdapat kira-kira 60,000 ekor bebiri ditenak di bawah konsep ini.¹⁷⁶

Di bawah program baka induk pula, sekurang-kurangnya 20,000 ekor bebiri akan dibiak oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan (JPH) di enam buah ladang bebiri untuk menyediakan bekalan baka yang mencukupi. Kerajaan juga turut melaksanakan ternakan menggunakan sistem fidlot bermula RMK7.¹⁷⁷ Seterusnya, rumah penyembelihan turut juga dibina bermula tempoh RMK5 dan diteruskan hingga RMK8. Bagi usaha untuk meningkatkan mutu kebersihan dan jaminan pengeluaran makanan halal, aktiviti penyembelihan dan mengawal pencemaran alam sekitar dilaksanakan iaitu dengan menambah 16 buah rumah sembelih.¹⁷⁸ Ringkasan strategi sepanjang tempoh RMK bolmanah dilihat dalam Jadual 3.4.

¹⁷⁶*Ibid.*

¹⁷⁷Kementerian Pertanian Malaysia (1985), *Opcit.*, h. 10.

¹⁷⁸Malaysia (1991), *Opcit.*, h. 112.

Jadual 3.4 : Strategi Utama Penternakan Lembu dan Kambing dalam Rancangan Malaysia

Strategi	RMK5	RMK6	RMK7	RMK8	RMK9
Penggalakan sistem penternakan dalam kandang dan memajukan padang ragut dan rumput	✓				
Penambahan integrasi ternakan di projek-projek pertanian yang dilaksanakan oleh FELDA, FELCRA dan RISDA serta oleh ladang swasta		✓	✓	✓	✓
Sistem penternakan secara fidlot dan pengintegrasian pemeliharaan ternakan dengan tanaman saka.			✓	✓	✓
Mengimport lembu baka baik dan menyediakan perkhidmatan pernian beradas	✓				
Program baka induk untuk bebiri oleh JPH di enam buah ladang bebiri.		✓	✓	✓	
Penglibatan sektor swasta digalakkan			✓		
Pembinaan rumah sembelih	✓	✓	✓	✓	
Pusat pengumpulan susu akan diperbesarkan dan kutipan susu diperbaiki	✓	✓			

Sumber : Rancangan Malaysia Kelima hingga Rancangan Malaysia Kesembilan¹⁷⁹

Manakala, bagi keluaran tenusu sebahagian besar daripada keperluan tempatan dipenuhi melalui import. Pengeluaran susu segar yang sedia ada dalam negeri pula dikekalkan untuk memenuhi keperluan tempatan. Dasar tenusu memberikan galakan kepada pengeluaran susu cair bagi memenuhi keperluan penggunaan secara langsung dan keperluan pemprosesan. Industri susu dan keluaran susu tempatan telah dimajukan lagi dengan menggunakan kedua-dua susu tempatan dan import bagi memenuhi permintaan yang bertambah memandangkan pilihan beralih ke arah makanan yang lebih berkhasiat dan berasaskan susu¹⁸⁰. Oleh itu, kerajaan mengambil langkah membesarkan Pusat Pengumpulan Susu dan memperbaiki kutipan susu supaya lebih tersusun.

¹⁷⁹Malaysia (1986), *op.cit.*, Malaysia (1991), *op.cit.*, Malaysia (1996), *op.cit.*, Unit Perancang Ekonomi (EPU) (2001), *op.cit.*, Unit Perancang Ekonomi(EPU) (2006), *op.cit.*

¹⁸⁰Kementerian Pertanian Malaysia (1993), *op.cit.*, hh. 10-13.

3.3.4 Ayam-itik

Untuk pengeluaran daging ayam-itik juga termasuk dalam bahan makanan utama penduduk. Pada masa ini, pengeluaran daging ayam-itik dan telur adalah mencukupi iaitu hampir 100% kadar sara diri. Untuk strategi DPN1, ternakan ayam-itik terus dipergiatkan untuk memenuhi permintaan tempatan yang semakin meningkat dan juga untuk tujuan eksport. Tambahan pula, kos pengeluaran tempatan bagi bahan-bahan makanan ternakan adalah tinggi dan sebahagian besar daripada keperluan bahan-bahan makanan ini akan terus diimport.¹⁸¹

Bagi pengeluaran ayam-itik dalam DPN2, pengeluarannya dipertingkatkan lagi seperti mana DPN1 dan DPN3 bagi memenuhi keperluan penggunaan dalam negeri dan industri berasaskan pertanian yang semakin bertambah. Daging ayam (daging dan telur), daging lembu dan daging kambing merupakan sumber protein berasaskan haiwan yang utama dalam pemakanan penduduk negara dan mempunyai wajaran sebanyak 2.9% dalam pengiraan CPI. Tahap SSL bagi daging ayam untuk tahun 2010 dalam DJBM adalah sebanyak 127% dan 115% bagi telur ayam.¹⁸²

3.3.5 Ikan

Ikan adalah satu lagi sumber protein yang penting yang termasuk di dalam jaminan sekuriti makanan. Ikan segar merupakan item yang mempunyai wajaran paling tinggi dalam kumpulan makanan di rumah yang digunakan dalam pengiraan CPI iaitu sebanyak 4.12%. Melalui RMK, antara strategi berterusan dari RMK5 hingga RMK9 yang dijalankan ialah menjalankan program-program memulihara dan memperkayakan sumber-sumber perikanan melalui tukun tiruan. Keperluan ikan negara dapat dipenuhi melalui penggunaan kaedah moden dalam mengusahakan sepenuhnya sumber-sumber

¹⁸¹Kementerian Pertanian Malaysia (1985), *opcit.*, h. 10.

¹⁸²Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, "Dasar Sekuriti Makanan Sektor Pertanian dan Industri Asas Tani", *opcit.*

perikanan. Selain itu, penangkapan ikan di laut dalam dipertingkatkan melalui penggunaan kepakaran tempatan dan luar negeri serta disediakan bot-bot tangkapan ikan yang mencukupi kepada para nelayan.¹⁸³

Perikanan laut dalam pula dipertingkatkan, diberi galakan dan sokongan melalui intensif, infrastruktur dan program secukupnya.¹⁸⁴ Bagi para nelayan, kerajaan menjalankan program penempatan semula kepada mereka. Manakala bagi mereka yang tidak terlibat pula diberikan latihan yang secukupnya dalam bidang pengendalian ikan, penyimpanan, pengurangan pembaziran selepas tangkapan dan memperbaiki rangkaian pemasaran. Ringkasan strategi utama perikanan boleh dilihat dalam Jadual 3.5.

Jadual 3.5 : Strategi Utama Perikanan dalam Rancangan Malaysia

Strategi	RMK5	RMK6	RMK7	RMK8	RMK9
Program-program memulihara dan memperkayakan sumber-sumber perikanan	✓	✓	✓		
Tumpuan kepada peluasan akuakultur dan aktiviti penangkapan ikan				✓	✓
Akuakultur akan dimajukan sebagai satu aktiviti komersial		✓	✓	✓	
Penternakan ikan dalam sangkar di laut menggunakan kaedah termaju akan terus dieksploitasi			✓		
Meningkatkan penglibatan sektor swasta				✓	
Program penempatan semula nelayan.	✓				
Latihan dalam perikanan disediakan	✓	✓	✓	✓	✓
Kemudahan-kemudahan infrastruktur dipertingkatkan	✓	✓	✓	✓	✓

Sumber : Rancangan Malaysia Kelima hingga Rancangan Malaysia Kesembilan¹⁸⁵

¹⁸³ *Ibid.*, h. 10.


¹⁸⁴ Kementerian Pertanian Malaysia (1993), *op.cit.*

¹⁸⁵ Malaysia (1986), *op.cit.*, Malaysia (1991), *op.cit.*, Malaysia (1996), *op.cit.*, Unit Perancang Ekonomi (EPU) (2001), *op.cit.*, Unit Perancang Ekonomi (EPU) (2006), *op.cit.*

3.4 LANGKAH-LANGKAH BAGI MENJAMIN SEKURITI MAKANAN NEGARA DALAM DASAR JAMINAN BEKALAN MAKANAN NEGARA (DJBM)

Terdapat beberapa langkah bagi menjamin sekuriti makanan di dalam DJBM yang dilaksanakan bagi memastikan bekalan makanan negara sentiasa mencukupi. Langkah-langkah tersebut melibatkan kepada bahan-bahan makanan yang dikategorikan sebagai komoditi sekuriti. Rajah 3.2 di bawah menunjukkan langkah yang akan diambil dalam DJBM untuk memastikan sekuriti makanan terjamin.

Rajah 3.2 : Langkah Peningkatan Pengeluaran dan Produktiviti Komoditi Makanan dalam DJBM



Sumber: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani¹⁸⁶

3.4.1 Tanaman

Sumber makanan utama diperoleh dari aktiviti penanaman. Manusia memerlukan makanan jasmani yang berbentuk zat-zat vitamin, protein, lemak dan sebagainya.

¹⁸⁶Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA), "Dasar Jaminan Makanan Nasional 2008-2010", *op.cit.*

Bahan-bahan zat tersebut terdapat dalam tumbuh-tumbuhan makanan yang ditanam. Rakyat Malaysia memerlukan makanan asasi yang utama iaitu beras dan bijirin-bijirin sebagai makanan ruji di samping makanan lain seperti sayur-sayuran dan buah-buahan sebagai keperluan untuk tubuh badan yang sihat.

a) Beras

Bekalan beras yang mencukupi merupakan asas terpenting dalam menjamin sekuriti makanan negara. Berdasarkan Rajah 3.2, langkah yang diambil bagi tanaman ini ialah dengan program peningkatan pengeluaran beras negara untuk memastikan bekalan beras negara yang stabil dan mencukupi selaras dengan DJBM¹⁸⁷. Insentif ini bertujuan untuk meningkatkan produktiviti pengeluaran beras negara dengan memperkukuhkan khidmat sokongan dan pemberian subsidi kepada petani yang mengusahakan tanaman sawah. Ia adalah bagi meningkat pengeluaran padi negara di samping mengurangkan pengimportan beras.¹⁸⁸ Oleh itu di antara strategi yang telah dilaksanakan termasuklah meningkatkan purata hasil daripada 3.47 tan metrik/hektar kepada 4.48 tan metrik/hektar pada 2010 dan Meningkatkan *cropping intensity* bagi kawasan jelapang daripada 193% kepada 199% dan bagi kawasan luar jelapang daripada 112% kepada 120%.¹⁸⁹

Di bawah program peningkatan pengeluaran beras ini juga kerajaan mengambil langkah dengan memajukan program jelapang padi di Sabah dan Sarawak. Program tersebut ditumpukan kepada kawasan-kawasan jelapang padi yang sedia ada dan baru yang berpotensi untuk tanaman padi. Melalui program tersebut kerajaan telah

¹⁸⁷Lembaga Pertubuhan Peladang Kuala Lumpur (2009), "Deraf Manual Perlaksanaan Intensif Meningkatkan Pengeluaran Beras bagi Sub-Program : Kapur", http://www.lpp.gov.my/c/document_library/get_file?uuid=782a32d1-33fb-41e7-83274f12afebf59d&groupId=51779, 20 Ogos 2009.

¹⁸⁸*Ibid.*

¹⁸⁹Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, "Dasar Jaminan Makanan Nasional (2008-2010)", *op.cit.*

memperuntukkan kos yang besar bagi membangunkan infrastruktur, pengurusan dan penyelenggaraan. Di samping itu, kerajaan juga telah mewujudkan stok penimbal beras dalam tempoh DJBM. Jumlah stok penimbal beras semasa negara yang diuruskan oleh BERNAS ialah 92,000 tan metrik dan boleh bertahan selama 15 hari. Mengambil kira faktor-faktor luar jangka seperti bencana alam (banjir dan kemarau), serangan serangga perosak dan penyakit padi, maka paras stok penimbal sedia ada telah ditingkatkan kepada 90 hari iaitu bersamaan dengan 552,000 tan metrik beras. Stok penimbal ini adalah stok fizikal dan pengurusan dibuat secara *first in-first out* (FIFO) untuk menjamin kualiti beras sentiasa terpelihara. Jumlah stok penimbal ini mesti sentiasa berada pada paras 552,000 tan metrik pada setiap masa. Penambahan stok penimbal ini telah dilakukan dengan pembinaan gudang-gudang untuk menyimpan beras di tempat-tempat yang strategik.¹⁹⁰

b) Buah-buah dan Sayur-sayuran

Pengeluaran buah-buahan dan sayur-sayuran telah ditumpukan di TKPM dan ladang komersial sedia ada dan tambahan kawasan baru melalui penglibatan bersepadu bersama dengan pengeluar. Pembangunan industri buah-buahan utama telah ditumpukan dengan pendekatan pembangunan industri kluster. Fokus juga telah diberikan untuk menyediakan segala infrastruktur, kemudahan dan perkhidmatan yang diperlukan untuk pertumbuhan industri dalam rangkaian nilai industri buah-buahan utama.¹⁹¹

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ini telah membangunkan sebanyak 45 projek TKPM Kerajaan seluas 3,746 hektar mengikut zon tanaman yang telah ditetapkan. Pengeluaran pada tahun 2007 adalah sebanyak 26,266 tan metrik.

¹⁹⁰Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, "Dasar Sekuriti Makanan Sektor Pertanian dan Industri Asas Tani", *op.cit.*, hh. 18-19.

¹⁹¹*Ibid.*, h. 19.

Projek ini telah diteruskan untuk meningkatkan lagi hasil pengeluaran tanaman dengan penambahan kawasan seluas 1,350 hektar TKPM dengan tambahan pengeluaran sebanyak 13,400 tan metrik menggunakan peruntukan sedia ada sebanyak RM29 juta bagi tempoh 2008 hingga 2010.¹⁹²

Selain dari projek TKPM, kerajaan turut melaksanakan Program Bumi Hijau. Program ini adalah sebagai langkah menggalakkan rakyat untuk menyediakan bahan makanan sendiri melalui “Tanam, Ternak dan Makan Sendiri’ dan selebihnya dijual kepada umum. Kempen dan promosi ini dilaksanakan sebagai langkah bagi menangani keadaan peningkatan harga barangan yang mengurangkan kuasa membeli pengguna. Objektif utama Bumi Hijau ialah memaksimumkan pembangunan tanah secara menyeluruh melibatkan tanaman jangka pendek, perkebunan berkelompok, ternakan ikan air tawar dan meningkatkan pemasaran produk pertanian selain bertujuan menambah pengeluaran makanan negara dan meningkatkan pendapatan rakyat bagi mengurangkan inflasi.¹⁹³

3.4.2 Ternakan

Bagi memenuhi permintaan bekalan daging lembu negara, Program Skim Transformasi Usahawan Ternakan (TRUST) yang berkonsepkan pengagihan ternakan berdasarkan keluasan kawasan penternakan dan sumber makanan ternakan yang ada telah diperluaskan ke luar kawasan *Targeted Area of Concentration* (TAC) dan juga kepada penternak-penternak baru. Pelaksanaan program ini memerlukan peruntukan sebanyak RM43 juta, untuk membangunkan kawasan TAC sebanyak 100,000 hektar dengan

¹⁹²*Ibid.* h. 20.

¹⁹³Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), “Rancangan Buku Hijau Bagi Hadapi Kekurangan Bekalan Makanan”, http://www.fama.gov.my/web/guest/rancangan_buku_hijau_bagi_hadapi_kekurangan_bekalan_makanan, 15 Ogos 2009.

populasi lembu sebanyak 25,000 ekor. Manakala, bagi pengeluaran kambing juga ditingkatkan melalui Program TRUST dan integrasi dengan tanaman kekal untuk meningkatkan pengeluaran daripada 1,460 tan metrik kepada 2,300 tan metrik pada tahun 2010.

3.4.3 Perikanan

Negara masih menghadapi kekurangan benih ikan dan udang untuk kegunaan industri akuakultur. Keperluan benih ikan/udang sehingga tahun 2010 ialah antara 11–20 bilion ekor setahun. Sejumlah 370 buah hatcheri baru dibangunkan untuk mengeluarkan benih ini dengan pelaburan swasta antara RM100 hingga RM200 juta dan peruntukan Kerajaan sebanyak RM30 juta.

Bagi mencapai matlamat pengeluaran sebanyak 507,558 tan metrik, seluas 36,905 hektar kawasan baru telah dibangunkan dalam tempoh RMK9 melalui konsep Zon Industri Akuakultur (ZIA). Keluasan kawasan baru yang dibangunkan dengan akuakultur di bawah konsep ZIA dalam tempoh RMK9 mengikut negeri adalah sebanyak 36,905 hektar. Kerajaan melalui infrastruktur asas dan khidmat nasihat dan teknologi bagi projek ini. Peruntukan tambahan bagi membangunkan kawasan-kawasan ini adalah sebanyak RM135.6 juta, bagi mencapai peningkatan pengeluaran.¹⁹⁴

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani juga menggalakkan penternakan ikan keli dalam kanvas bersaiz 20' x 40' yang menggunakan sistem pertukaran air yang sesuai dilaksanakan di kawasan perumahan serta perkampungan kerana sistem ini tidak memberi pencemaran kepada alam sekitar. Kempen ini dapat memberi keceriaan kepada kawasan kampung dan perumahan melalui elemen landskap. Sejumlah RM2 juta

¹⁹⁴*Ibid.* h. 21.

setahun diperuntukkan untuk pelaksanaan program ini atau RM6 juta bagi tempoh pelaksanaan selama 3 tahun.¹⁹⁵

Selain itu, bagi peningkatan pengeluaran perikanan, kerajaan meneruskan Skim Subsidi Diesel dan Petrol yang sedia ada untuk nelayan kerana dengan adanya skim ini nelayan telah dapat meneruskan usaha penangkapan ikan. Penggunaan diesel dan petrol oleh nelayan di bawah skim ini adalah sebanyak 1,188 juta liter setahun dengan jumlah peruntukan subsidi sebanyak RM900 juta setahun. Kerajaan juga mengambil tindakan untuk mengatasi masalah kebocoran minyak diesel dan petrol. Antara tindakan tersebut ialah menaikkan harga diesel bersubsidi daripada RM1.00/liter serta mewajibkan syarikat-syarikat minyak menguruskan sendiri pengangkutan minyak dari depoh ke pusat jualan.¹⁹⁶

3.4.4 Program Peningkatan Pengeluaran dan Produktiviti

Selain dari program khusus, terdapat beberapa program utama yang lain bagi meningkatkan pengeluaran sektor tanaman, perikanan dan ternakan. Merujuk Rajah 3.2, program-program tersebut ialah:

a) Pemberian Insentif Kepada Pengusaha-Pengusaha Pertanian

Bagi membantu meringankan bebanan yang terpaksa ditanggung oleh petani dan penternak akibat kenaikan kos dan input-input pertanian yang disebabkan oleh kenaikan harga minyak dunia, kerajaan telah bersetuju secara prinsipnya pemberian insentif pengeluaran kepada golongan tersebut yang melibatkan perbelanjaan sebanyak RM1,027 juta untuk tahun 2008 dan masing-masing RM1,173 juta dan RM1,361 juta bagi tahun 2009 dan 2010. Jumlah ini termasuk 2% kos pengurusan yang terpaksa

¹⁹⁵Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, "Dasar Sekuriti Makanan Sektor Pertanian dan Industri Asas Tani", *op.cit.*, hh. 25-26.

¹⁹⁶*Ibid.*, hh. 23-24.

ditanggung oleh jabatan dan agensi yang terlibat dalam melaksanakan pemberian insentif ini.¹⁹⁷

b) Mengukuhkan FAMA Bagi Memastikan Pasaran dan Pengagihan Hasil Pertanian

Peranan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) adalah memastikan barangan pertanian yang dihasilkan oleh pengeluar yang bersaiz kecil dapat dipasarkan dari peringkat ladang sehingga ke pengguna. Kos pembangunan yang diperlukan adalah sebanyak 70.3 juta iaitu merangkumi pembinaan pusat pengumpulan dan edaran sebanyak RM27.3 juta, pengangkutan sebanyak RM12.2 juta, kemudahan bilik sejuk sebanyak RM4.juta serta kos operasi bagi pengurusan dan latihan sebanyak RM1.8 juta dan wang pusingan urus niaga berjumlah RM25 juta. Pembangunan kemudahan-kemudahan ini dapat membolehkan FAMA meningkatkan urus niaganya daripada 35,000 tan metrik (RM52 juta) pada tahun 2006 kepada 67,000 tan metrik bernilai RM100 juta dalam tahun 2008. Unjuran urus niaga seterusnya adalah RM160 juta dalam tahun 2009 dan RM230 juta dalam tahun 2010. Di samping itu, penambahan pasar-pasar tani dari 269 buah pada tahun 2006 kepada 500 buah dalam tahun 2010 dapat meningkatkan pemasaran hasil tani melalui jualan terus oleh petani dan bekalan kontrak ladang, melalui pasar-pasar tani dari RM375 juta (2006) kepada RM500 juta dalam tahun 2010.¹⁹⁸

c) Pengurusan Kawasan Terbiar Untuk Meningkatkan Pengeluaran Komoditi Sekuriti

Terdapat 34,362 hektar tanah terbiar milik petani telah dikenal pasti di Semenanjung Malaysia. Namun, hanya 12,156 hektar di 370 kawasan (setiap satu kawasan berkeluasan melebihi 10 hektar) yang berpotensi dimajukan untuk projek pertanian. Tanah-tanah ini adalah tanah milik individu yang kebanyakannya tanah bekas sawah

¹⁹⁷*Ibid.*, h. 22.

¹⁹⁸*Ibid.*, hh. 24-25.

yang pemiliknya telah tua, mempunyai banyak penama dan pemiliknya tinggal di luar kawasan. Usaha telah pun dijalankan oleh Jabatan Pertanian untuk memajukan tanah terbiar sejak tahun 2001 dan seluas 974 hektar telah dibangunkan sehingga tahun 2005.

Pada tahun 2007 di bawah RMK9 usaha membangunkan tanah terbiar dilaksanakan melalui Program Kawasan Tumpuan Pembangunan Pertanian (ACDA) melalui peruntukan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri sebanyak RM30 juta yang melibatkan integrasi projek tanaman, ternak air, ternakan dan industri asas tani. Kawasan seluas 552 hektar telah dimajukan pada tahun 2007 dengan peruntukan RM4.5 juta dengan kerjasama jabatan/agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Pejabat Tanah & Daerah dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK). Seluas 1,086 hektar (874 hektar kawasan baru dan 212 hektar kawasan sambungan) dibangunkan dalam tahun 2008 dengan peruntukan RM12 juta. Untuk membangunkan kawasan tanah terbiar yang lebih banyak, sebanyak RM48 juta diperuntukkan untuk tempoh 2008 hingga 2010.¹⁹⁹

Pemuliharaan kolam terbiar bagi aktiviti akuakultur juga dilakukan. Terdapat daripada 14,280 hektar kolam tanah akuakultur di seluruh negara, hanya kira-kira 11,902 hektar atau 80% merupakan kolam yang beroperasi. Ini bermakna terdapat kira-kira 2,380 hektar adalah kolam yang tidak aktif atau terbiar. Kawasan ini sekiranya dapat dipulihkan, ia akan dapat menyumbangkan sebanyak 10,710 tan metrik bekalan ikan dengan nilai RM64.26 juta setahun. Kos peruntukan yang diperlukan bagi membangunkan program ini adalah sebanyak RM36 juta.

d) Perlindungan Pengusaha-pengusaha Tempatan Daripada Liberalisasi Perdagangan.

Bagi memastikan pengusaha-pengusaha tempatan dapat meneruskan usaha-usaha dalam sektor pertanian, Kerajaan terus memberikan perlindungan melalui pengekalan kadar

¹⁹⁹Jabatan Pertanian Malaysia, "Projek Pembangunan Tanah Terbiar", <http://www.doa.gov.my/main.php?Content=contentdetails&ContentID=29&CurLocation=0&Page=1>, 20 Ogos 2009.

tarif bagi produk-produk tersebut. Antara kepentingan langkah ini adalah kerana pengusaha-pengusaha pertanian di Malaysia merupakan pengusaha kecil dan sederhana dan menghadapi kesukaran bersaing dengan pengusaha-pengusaha bertaraf antarabangsa yang mempunyai skala pengeluaran yang lebih besar dan peningkatan jumlah import ekoran penghapusan tarif boleh mengurangkan pulangan pengusaha-pengusaha pertanian tempatan yang terlibat. Dengan pengurangan pulangan, kumpulan ini bakal menjadi golongan *food insecure* ekoran penurunan pendapatan dan kuasa membeli.²⁰⁰ Bagi mengurangkan kos input pertanian, Kementerian Kewangan menjalankan kajian untuk tujuan mengurangkan cukai import, cukai jualan dan lain-lain cukai yang dikenakan ke atas input dan peralatan pertanian.

e) Peranan Sektor Swasta dan *GLC*

Sektor swasta termasuk *Government-Linked Companies (GLC)* memainkan peranan penting sebagai pemangkin kepada pengeluaran makanan dalam negara. Syarikat perladangan yang mempunyai sumber tanah yang luas serta sumber kewangan mempunyai berkemampuan untuk membangunkan projek berskala besar dan komersial. Oleh yang demikian, syarikat-syarikat ini digalakkan terlibat dalam pengeluaran bahan makanan seperti sayur-sayuran, buah-buahan, ternakan dan perikanan oleh kerajaan. Bagi menggalakkan penglibatan sektor swasta ini, satu pakej insentif yang lebih menarik dan memenuhi permintaan pengusaha diperkenalkan bagi menarik penyertaan mereka dalam pengeluaran makanan untuk negara. Oleh itu, Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) dan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) digalakkan menjalankan pengeluaran makanan secepat mungkin. Manakala Agro-Bank memainkan peranan yang lebih agresif bagi menyediakan kemudahan kredit kepada pelabur-pelabur dalam sektor ini.²⁰¹

²⁰⁰Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, "Dasar Sekuriti Makanan Sektor Pertanian dan Industri Asas Tani", *op.cit.*, hh. 28-29.

²⁰¹*Ibid.*, h. 29.

3.5 KESIMPULAN

Peningkatan harga input dan kekurangan bekalan di peringkat antarabangsa bagi makanan asasi telah menjadi isu kritikal sekuriti makanan. Sesebuah negara perlu menangani isu ini dengan bijaksana kerana ia boleh mengakibatkan ketidakstabilan sosio ekonomi. Oleh itu, Malaysia sebagai sebuah negara maju telah merangka pelbagai dasar dan menjalankan pelbagai projek dan program bagi meningkatkan pengeluaran makanan negara terutamanya dalam program-program pertanian. Antara dasar-dasar tersebut ialah Dasar Pertanian Negara Pertama (DPN1), Dasar Pertanian Negara Kedua (DPN2), Dasar Pertanian Negara Ketiga (DPN3) dan Dasar Jaminan Bekalan Makanan Negara. Dasar-dasar tersebut dirangka dan dilaksanakan secara berperingkat. DPN2 merangkumi beberapa perubahan penting berbanding DPN1 berhubung dengan strategi, prasyarat dan falsafah pembangunan. Ia juga menetapkan kecekapan sebagai kriteria utama bagi peruntukan sumber dan daya saing sebagai asas penting bagi mencapai pertumbuhan dan sektor pertanian selanjutnya.

Dasar Jaminan Bekalan Makanan Negara pula dicadangkan bertujuan untuk menjamin ketiga-tiga tonggak iaitu kesediaan makanan, akses makanan dan kegunaan makanan dapat dicapai. Dasar ini juga menggariskan hala tuju untuk mencapai tahap keselamatan makanan sepenuhnya melalui strategi, aktiviti dan sasaran yang dirangka bagi membolehkan kerajaan merancang pelan tindakan melalui pendekatan-pendekatan yang strategik seperti mempertingkatkan pengeluaran dan produktiviti, kualiti dan keselamatan makanan dan penyediaan stok penimbal. Walau bagaimanapun, usaha-usaha yang dijalankan ini perlu komitmen dari semua pihak bagi menjamin sekuriti makanan di Malaysia.

BAB EMPAT

ANALISIS PELAKSANAAN DASAR SEKURITI MAKANAN MENURUT PERSPEKTIF EKONOMI ISLAM

4.0 PENDAHULUAN

Dasar Sekuriti Makanan yang telah dijelaskan di dalam bab sebelum ini jelas menunjukkan dasar untuk memastikan sekuriti makanan dalam negara bukan perkara baru yang diperbincangkan. Dasar tersebut menunjukkan kesedaran negara tentang pentingnya untuk memastikan makanan yang mencukupi kepada penduduk. Peruntukan yang besar telah diberikan untuk pelaksanaan dasar-dasar tersebut bagi mencapai objektif-objektif yang telah digariskan.

Sehingga tahun 2008, kerajaan Malaysia telah menggubal sebanyak tiga Dasar Pertanian Negara. Ini adalah kerana dasar yang digubal tidak statik dan perlu disemak, dinilai dan diubahsuaikan semula bagi menunjukkan keadaan dan kehendak semasa. Ia juga perlu mengambil kira pergolakan sosiopolitik dan perkembangan ekonomi dalaman dan global²⁰². Seterusnya, kerajaan telah menggubal Dasar Jaminan Bekalan Makanan yang lebih memfokuskan kepada jaminan kecukupan makanan ataupun sekuriti makanan negara. Dasar ini telah membuktikan bahawa kerajaan sangat mementingkan jaminan bekalan makanan mencukupi kepada penduduk supaya tidak berlakunya kekurangan makanan dalam negara. Oleh demikian, adalah sangat penting jika dasar-dasar ini dinilai bagi melihat pelaksanaannya dalam meningkatkan pembangunan sektor makanan terutamanya dalam perspektif ekonomi Islam.

²⁰²Muhyiddin Mohd Yassin (2005), "Dasar Pertanian Negara", (Kertas Kerja Persidangan Kebangsaan FELDA 2005 di Putrajaya pada 11-14 Disember 2005), h.2.

4.1 DASAR SEKURITI MAKANAN DARI PERSPEKTIF EKONOMI ISLAM


Islam sangat menekankan manusia memelihara nyawa, jiwa dan anggota tubuh badan. Ia adalah termasuk di dalam salah satu tunjang *maqāṣid al-syarī'ah* dalam ekonomi Islam. Tujuan utama *maqāṣid al-syarī'ah* adalah untuk menjaga kepentingan dan kemaslahatan manusia di dunia dan akhirat. Jaminan sekuriti makanan merupakan salah satu daripada perkara yang penting untuk memastikan tujuan tersebut tercapai kerana manusia memerlukan makanan untuk kelangsungan hidup di dunia. Bukan sahaja ia mencukupi tetapi turut halal serta baik untuk dimakan terutamanya makanan asasi negara. Apabila makanan yang ada tidak mencukupi dan tidak selamat akan membahayakan keadaan negara terutamanya apabila berlaku bencana. Justeru, adalah menjadi tanggungjawab kepada pemimpin sesebuah negara untuk memenuhi keperluan asas tersebut bagi setiap ahli masyarakat terutamanya dari aspek makanan. Peranan pemimpin negara sangat penting dalam memastikan sekuriti makanan terjamin dengan mewujudkan dasar untuk mengatasi masalah ketidakcukupan makanan dalam negara.

Dasar Sekuriti Makanan yang telah dilaksanakan di Malaysia sejak tahun 1984 menunjukkan keprihatinan kerajaan terhadap sekuriti makanan negara. Seperti yang telah dijelaskan di dalam bab sebelum ini, Malaysia telah melaksanakan sebanyak tiga Dasar Pertanian Negara Pertama dan satu dasar yang lebih khusus untuk sekuriti makanan iaitu Dasar Jaminan Bekalan Makanan Negara. Ini menunjukkan reaksi terhadap kebimbangan kerajaan mengenai masa depan sektor pertanian. Dasar-dasar yang dijelaskan ini telah dilaksanakan melalui Rancangan Malaysia setiap tempoh lima tahun.

4.2 INDIKATOR EKONOMI ISLAM DALAM PELAKSANAAN DASAR SEKURITI MAKANAN DI MALAYSIA

Kajian ini menggunakan *maqāṣid al-syarī'ah* sebagai indikator sekuriti makanan Islam bagi melihat pelaksanaan dasar yang telah dijalankan di Malaysia. Ia boleh dilihat pada Rajah 4.1 di bawah.

Rajah 4.1 : Indikator Sekuriti Makanan Islam



Maqāṣid al-syarī'ah melibatkan penjagaan kemaslahatan dan kepentingan kehidupan individu serta masyarakat umum. Melalui dasar sekuriti makanan yang dijalankan, ia dilihat melalui sejauh mana ia selaras dengan *maqāṣid al-syarī'ah* atau tujuan syariat Islam sebenar dalam memastikan jaminan sekuriti makanan. Ia melibatkan kepada lima prinsip utama iaitu:

4.2.1 Memelihara dan Menjaga Kesucian Agama

Prinsip pertama dalam *maqāṣid al-syarī'ah* iaitu memelihara kesucian agama agar dapat memastikan setiap Muslim berpegang teguh kepada ajaran Islam dan tidak akan melakukan sesuatu yang bertentangan dengannya. Maka setiap tindakan dan usaha yang dilakukan termasuk dalam mencari rezeki bagi keperluan asas yang utama iaitu

makanan.²⁰³ Agama akan dapat dipelihara dengan baik apabila setiap Muslim memiliki tubuh badan yang sihat hasil daripada makan makanan yang mencukupi dan halal. Justeru, seseorang individu Muslim tersebut dapat melaksanakan tanggungjawab serta ibadah mereka kepada agama dengan sempurna dan mudah.

Makanan bukan sahaja untuk meneruskan kelangsungan hidup tetapi juga merupakan tuntutan Islam. Islam amat menekankan kepentingan menjaga dan memelihara tubuh badan dengan makan makanan yang halal lagi baik serta meninggalkan makanan yang telah diharamkan dan sentiasa bersederhana dalam pengambilan makanan. Amalan bersederhana akan dapat mengurangkan permintaan terhadap makanan. Ini akan dapat membantu negara mengatasi masalah ketidakcukupan makanan. Makan secara berlebihan akan mengakibatkan manusia menjadi malas mengerjakan tanggungjawab, kurang bertenaga untuk beribadah, lemah fahaman dalam ilmu pengetahuan dan lain-lain perkara yang merosakkan nilai agama.²⁰⁴ Justeru, pengambilan makanan yang halal, baik dan bersederhana diwajibkan dalam Islam bagi menjaga kesucian dan kemuliaan agama.

Melihat kepada objektif umum dasar sekuriti makanan yang meliputi DPN1 hingga DJBM adalah untuk meningkatkan keupayaan sektor pertanian bagi memenuhi keperluan makanan yang mencukupi melalui aktiviti pertanian adalah selari dengan matlamat menjaga agama dalam ekonomi Islam. Ajaran Islam menjelaskan pertanian adalah sektor penting yang tidak boleh diabaikan kerana ia merupakan aktiviti pengeluaran sumber makanan utama manusia. Terdapat banyak ayat al-Quran menjelaskan kepentingan sektor pertanian sebagai sumber makanan. Islam juga melihat sektor pertanian sebagai fardhu kifayah atau tanggungjawab bagi sesebuah masyarakat untuk melaksanakannya. Oleh itu, masyarakat Muslim mesti memastikan komuniti

²⁰³Wahbah al-Zuhaili (1986), *Uşul al-Fiqh al-Islāmī*, Jil.1. Dimasyq: Dar al-Fikr, h. 190.

²⁰⁴Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), “Kepentingan Menjaga Pemakanan”, [http://www.ikim.gov.my/v5/index.php?cmd=resetall&grp=2&key=1610&lg=1&opt=com_article&sec=](http://www.ikim.gov.my/v5/index.php?cmd=resetall&grp=2&key=1610&lg=1&opt=com_article&sec=,), 4 Mei 2011.

mereka terlibat dalam sektor pertanian.²⁰⁵ Sepertimana langkah yang digalakkan dalam DJBM iaitu pelaksanaan Program Bumi Hijau. Program ini adalah untuk menggalakkan rakyat menyediakan makanan sendiri di kediaman masing-masing melalui “Tanam, Ternak dan Makan Sendiri dan selebihnya boleh dijual kepada orang lain. Langkah ini akan dapat mengurangkan pembelian ke atas makanan di pasaran serta dapat menjimatkan perbelanjaan seharian rakyat.²⁰⁶ Usaha penjimatan ini adalah selaras dengan tuntutan Islam yang sentiasa menyuruh manusia sentiasa berjimat cermat dan bersederhana dalam kehidupan. Ini adalah sangat penting bagi menjamin penawaran makanan yang mencukupi kepada masyarakat Muslim. Firman Allah S.W.T. yang bermaksud :

“Dialah yang menjadikan bumi ini untuk kamu sebagai hamparan, dan langit (serta segala isinya) sebagai bangunan (yang di bina dengan kukuhnya); dan di turunkannya air hujan dari langit, lalu dikeluarkanNya dengan air itu berjenis-jenis buah-buahan yang menjadi rezeki bagi kamu; maka janganlah kamu mengadakan bagi Allah S.W.T. sebarang sekutu, pada hal kamu semua mengetahui (bahawa Allah ialah Tuhan Yang Maha Esa)”

(Sūrah Al-Baqarah (2): 22)

“Dan sesungguhnya pada binatang-binatang ternakan, benar-benar terdapat pelajaran yang penting bagi kamu, Kami memberi minum kamu dari air susu yang ada dalam perutnya, dan (juga) pada binatang-binatang ternakan itu terdapat faedah yang banyak untuk kamu, dan sebahagian darinya kamu makan”

(Sūrah Al-Mū’minūn (23): 21)

Di dalam ayat-ayat tersebut jelas menyatakan bahawa Allah S.W.T. menjadikan dunia sebagai tempat untuk manusia bercucuk tanam dan berternak untuk menjadikannya sebagai sumber makanan. Makanan tersebut adalah meliputi makanan asasi penduduk iaitu beras, daging, ikan dan sayur-sayuran. Dasar sekuriti makanan yang digariskan adalah selaras dengan tuntutan agama yang sangat mementingkan

²⁰⁵Abdullah al-Qari (2009), *Islam Penggerak Revolusi Pertanian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 14.

²⁰⁶Jabatan Pertanian Labuan, “Program/ Kempen Bumi Hijau”, <http://www.portal.doa.gov.my/labuan/index.php/program-jabatan/program-bumi-hijau.html>, 18 Oktober 2012.

aktiviti pertanian sebagai sumber makanan. Ini menunjukkan objektif dasar tersebut adalah untuk memelihara kemaslahatan agama.

4.2.2 Menjamin Keselamatan Nyawa

Keperluan menjaga keselamatan nyawa merupakan prinsip kedua yang akan mendorong individu berusaha keras bagi memastikan manusia berupaya menjaga keselamatan diri dan keluarga. Maka sebarang tingkah laku mereka akan berteraskan kepada menjaga keharmonian dan tidak akan melakukan sesuatu tindakan yang akan mendatangkan bahaya atau membahayakan nyawa diri dan orang lain.²⁰⁷ Prinsip ini dilihat sangat berkait rapat dengan objektif Dasar Sekuriti Makanan kerana bagi penjagaan nyawa dan akal individu perlu mengambil makanan yang mencukupi, berkualiti dan selamat dimakan atau jaminan sekuriti makanan. Dengan pengambilan makanan yang baik serta halal akan dapat menjaga dan memelihara nyawa serta dapat melaksanakan tanggungjawab kepada agama.

Perkara tersebut juga merupakan perkara utama atau *darūriyyāt* yang perlu dijaga dalam Islam. *Darūriyyāt* merupakan perkara asasi atau keperluan utama untuk memenuhi keperluan hidup serta melaksanakan kemaslahatan dunia dan agama. Jika perkara ini tidak dipenuhi, kehidupan manusia menjadi tidak sempurna. Dalam menjaga nyawa dan jiwa, individu disyariatkan mengambil makanan yang mencukupi yang bukan sahaja halal tetapi juga selamat untuk dimakan mengikut keperluan tubuh badan yang sihat supaya ia boleh memelihara diri dari mengalami kelaparan dan juga boleh membawa kepada kematian.²⁰⁸ Tuntutan syariat ini menjadi perkara utama bagi menjaga *maqāṣid al-syarī'ah* yang lain. Jika keperluan makanan dapat dipenuhi ia dapat menjaga individu dari sebarang bentuk kemudaratan yang boleh merosakkan akal,

²⁰⁷Wahbah al-Zuhailī (1986), *op.cit.*, h. 193.

²⁰⁸*Ibid.*

maruah dan harta benda. Bahkan di dalam keadaan darurat atau terpaksa, umat Islam dibenarkan untuk makan makanan yang haram sepertimana firman Allah S.W.T. :

“Maka sesiapa terpaksa (memakannya kerana darurat) sedang ia tidak menginginkannya dan tidak pula melampaui batas (pada kadar benda yang dimakan itu), maka tidaklah ia berdosa. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.”

(Sūrah Al-Baqarah (2): 173)

Terdapat juga kaedah fiqah menyebut “*لضرورات تبيح المحظورات*” yang bermaksud : “*keterpaksaan mengharuskan perkara yang ditegah*”. Kaedah ini bermaksud keadaan keterpaksaan itu membolehkan dan mengharuskan perkara yang ditegah atau dilarang. Keadaan terdesak dan terpaksa telah mengharuskan perkara yang tidak diharuskan ketika keadaan biasa.²⁰⁹ Oleh itu adalah harus memakan bangkai atau benda haram ketika sangat lapar untuk menyelamatkan jiwa daripada mati kebuluran sepertimana yang telah dijelaskan oleh al-Syāfi‘ī.²¹⁰

Melalui ayat dan kaedah tersebut, apabila manusia yang berada dalam keadaan terpaksa dihalalkan memakan bangkai dan haiwan yang disabitkan pengharaman memakannya. Ia dihalalkan memakannya sekadar untuk menghilangkan rasa lapar dan menyelamatkan nyawanya.²¹¹ Ini menunjukkan Islam amat mementingkan penjagaan nyawa selaras dengan objektif Dasar Sekuriti Makanan yang memastikan jaminan kecukupan makanan sebagai menjaga nyawa atau perkara yang boleh memudaratkan rakyat. Antara usaha yang dilaksanakan adalah mengambil langkah mempertingkatkan pengeluaran komoditi makanan seperti padi, daging, susu, ikan, sayur-sayuran serta buah-buahan.

²⁰⁹Suyūfī, Jalāl al-dīn ‘Abd Al-Rahman bin Abī Bakr al- (2005), *al-Asybah wa al-Nazāir fi Qawā‘id wa Furū‘ Fiqh al-Syāfi‘iyyah*. Beirut, Lubnan: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 169.

²¹⁰Syāfi‘ī, Muḥammad bin Idrīs al- (2005), *al-Umm*, Jil.1. Beirut : Dār Ibn Jazm, h. 88.

²¹¹Muṣṭafā al-Khīn, Muṣṭafā al-Bughā dan ‘Alī al-Syarbajī (1996), *al-Fiqh al-Manhajī ‘alā Madhhab al-Imām al-Syāfi‘ī*, Jil. 2. Dimasyq: Dār al-‘Ulūm al-Insāniyyah, h. 650.

4.2.3 Menjamin kewarasan akal

Prinsip ketiga iaitu memenuhi keperluan menjaga kewarasan akal akan mendorong setiap individu menggunakan kelebihan akal yang ada untuk menimba pelbagai ilmu pengetahuan, kemahiran untuk menjamin kesejahteraan diri, keluarga dan masyarakat. Akal yang baik dan cerdas sangat diperlukan dalam membangunkan negara. Walau bagaimanapun, untuk menjaga kewarasan akal, Islam mensyariatkan pengharaman minum minuman yang memabukkan seperti arak. Pengharaman makanan dan minuman tertentu adalah untuk menjaga kewarasan akal dari melakukan perkara-perkara yang dilarang dalam Islam.²¹² Apabila akal tidak sempurna, manusia tidak dapat melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang Muslim dan ia juga turut mendatangkan mudarat kepada kesihatan diri dan boleh terjebak dengan aktiviti maksiat dan jenayah. Oleh itu, bagi menjaga akal tersebut manusia harus mengambil makanan yang halal dan berkhasiat. Halal merupakan elemen yang sangat penting dalam menentukan sekuriti makanan terjamin dalam Islam. Jaminan tersebut bukan sahaja bagi memastikan kecukupan makanan kepada rakyat dalam sesebuah negara tetapi juga bagi memastikan makanan tersebut mesti sentiasa halal dan baik atau *ḥalālān ṭayyibā*.²¹³

Kaedah syarak dalam menentukan makanan yang diharamkan dan dihalalkan adalah dijelaskan daripada firman Allah S.W.T. yang bermaksud:

"Katakanlah (Wahai Muhammad): "Tiadalah aku peroleh dalam wahyu yang diwahyukan kepadaku, sesuatu yang diharamkan bagi orang yang hendak memakannya, kecuali kalau makanan itu bangkai, atau darah yang mengalir atau daging babi - kerana sesungguhnya semua itu kotor - atau binatang yang disembelih atas nama selain Allah. Barangsiapa yang dalam keadaan terpaksa, sedang dia tidak menginginkannya dan tidak (pula) melampaui batas, maka sesungguhnya Tuhanmu Maha Pengampun lagi Maha Penyayang."

(Sūrah al-An‘ām (6):145)

²¹²Wahbah al-Zuhailī (1986), *op.cit.*

²¹³Asmak Ab Rahman (2009), "Sekuriti Makanan dari Perspektif Syariah", *Jurnal Syariah*. 17 (2), 299-326.

“Dan menghalalkan bagi mereka segala benda baik dan mengharamkan kepada mereka segala benda yang buruk.”

(Sūrah al-A‘rāf (7) : 157)

Maksud yang baik-baik dalam ayat di atas ialah apa yang diterima dan diinginkan oleh jiwa manusia yang bersih. Malaysia telah mempunyai standard halal bagi menetapkan pengeluaran makanan halal dalam negara. Bagi makanan yang memerlukan sijil halal perlu melalui proses tertentu bagi memastikan bahawa makanan yang dihasilkan adalah halal dan selamat untuk dimakan. Dengan adanya standard tersebut, pengeluaran makanan halal akan lebih terjamin kepada masyarakat kerana pemakanan yang halal dan baik mendatangkan pelbagai faedah kepada manusia. Standard tersebut akan dijelaskan pada tajuk seterusnya. Antara kepentingan mengambil makanan halal ialah kesihatan manusia akan lebih terjamin kerana dapat mencegah diri dari mengambil makanan yang tidak diketahui sumbernya. Apabila kesihatan dijaga ia dapat melahirkan akal yang cerdas.²¹⁴ Seterusnya melahirkan manusia yang berguna kepada bangsa, agama dan negara. Setiap apa yang ditetapkan oleh Allah S.W.T. pastinya mempunyai hikmah dan kebaikan untuk umat manusia. Firman Allah S.W.T. bermaksud:

"Oleh itu, makanlah daripada apa yang telah dikurniakan Allah kepada kamu daripada benda-benda yang halal dan bersyukurlah akan nikmat Allah, jika benar kamu menyembahNya semata-mata."

(Sūrah Al-Naḥl (16): 114)

Allah S.W.T. memerintahkan manusia memakan makanan yang halal dan baik. Makanan yang baik adalah terdiri daripada makanan yang berkhasiat dan berzat bagi menjaga kesihatan tubuh badan manusia. Justeru, seseorang Muslim yang prihatin dan mengambil berat terhadap pemakanan perlu memastikan setiap makanan dan minuman yang hendak dimakan mestilah dari sumber yang halal dan baik serta disediakan mengikut cara yang ditetapkan syarak.

²¹⁴Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), “Kepentingan Menjaga Pemakanan”, *op.cit.*

4.2.4 Menjamin Kehormatan dan Maruah Diri

Masyarakat Muslim juga mesti memenuhi prinsip keempat iaitu menjaga kehormatan dan maruah diri. Ia bermaksud mereka yang mampu menjaga batas-batas kehormatan diri, maruah dan nama baik keturunan secara tidak langsung akan dapat membantu membina masyarakat yang bermaruah. Selain itu, ia akan sentiasa berpegang kepada ajaran Islam dan tidak terdorong untuk melakukan sesuatu yang akhirnya merosakkan maruah diri dan keturunan. Islam amat menitikberatkan persoalan makanan yang halal lagi bersih serta berkhasiat untuk dimakan. Halal dari segi sumber dan bersih ain serta zat sesuatu makanan itu akan memberi kesan yang mendalam terhadap tubuh badan, jiwa, emosi, dan akal manusia. Kesan yang paling ketara ialah dapat membentuk kejernihan hati dan akal fikiran yang mampu memandu diri manusia menjadi insan yang mulia dan akan menjaga kehormatan dan maruah diri dari tercemar. Sebagaimana firman Allah S.W.T. yang bermaksud:

“Wahai orang yang beriman! Makanlah dari rezeki yang baik yang telah Kami berikan kepada kamu, dan bersyukurlah kepada Allah, jika betul kamu beribadat kepadaNya.”

(Sūrah al-Baqārah (2): 172)

Ayat al-Quran tersebut menjelaskan perintah bagi orang mukmin supaya makan makanan yang halal dan baik dari rezeki yang dikurniakan oleh Allah S.W.T. kerana ia menyebabkan doa dan ibadah diterima. Makanan yang baik juga perlulah makanan yang sesuai dengan selera dan tidak mendatangkan kemudaratan kepada badan dan akal. Keadaan akal yang baik akan membawa individu melaksanakan suruhan Allah S.W.T. dan meninggalkan segala laranganNya.

Makanan bukan sahaja untuk memenuhi keperluan fisiologi manusia tetapi turut menyumbang kepada pembentukan jiwa dan akhlak manusia. Jika makanan yang dimakan tidak halal dan tiada keberkatan, jiwa yang terbentuk juga akan cenderung kepada perkara yang tidak baik. Ini akan menggugat kesucian maruah bagi seseorang

itu. Dalam memastikan elemen ini dijaga, kerajaan menekankan pengeluaran makanan halal dalam DPN3. Islam mensyariatkan penyembelihan ke atas haiwan tertentu sebelum dimakan. Ini adalah selaras dengan DPN yang dilaksanakan oleh kerajaan iaitu ia dapat dilihat dalam pengeluaran ternakan. Kerajaan mengambil inisiatif membina rumah penyembelihan untuk memenuhi tuntutan pengguna Islam. Langkah tersebut merupakan usaha yang baik bagi memperoleh hasil keluaran makanan yang dituntut oleh Islam. Dengan penghasilan makanan yang berkualiti akan dapat menjamin penawaran makanan yang halal, baik serta mencukupi kepada masyarakat seterusnya dapat menjaga tuntutan Islam iaitu menjaga kehormatan dan maruah diri.

4.2.5 Menjaga Harta Benda

Prinsip yang terakhir pula iaitu menjaga harta ini bermakna ajaran Islam tidak menghalang umatnya mengejar kekayaan asalkan harta yang diperoleh adalah dari kaedah dan sumber yang halal. Sebaliknya pula syariat mengharamkan usaha yang haram seperti riba dan rasuah dan ditetapkan hukum hudud terhadap mereka yang mencuri dan merompak. Dalam menjamin sekuriti makanan, seseorang individu perlu memastikan ia berupaya memenuhi keperluan diri seperti menyediakan makanan dan minuman sama ada kepada diri sendiri dan keluarga. Bagi memenuhi keperluan ini sudah semestinya seseorang perlu mempunyai sumber rezeki iaitu harta. Islam sendiri menuntut umatnya mencari sumber rezeki dan harta yang halal bagi memenuhi keperluan asas ini. Sekuriti makanan manusia akan tergugat apabila manusia dilanda kemiskinan atau tidak mempunyai harta kerana mereka tidak mampu mengakses makanan dipasaran. Oleh itu, Islam mempunyai alternatif tersendiri bagi menangani masalah tersebut dengan bantuan oleh golongan yang berkemampuan kepada golongan yang tidak mampu melalui sumber zakat, sedekah, korban, aqiqah dan lain-lain lagi.²¹⁵

²¹⁵Asmak Ab Rahman (2009), *op.cit.*

Usaha ini adalah salah satu galakan yang diberikan oleh kerajaan untuk meningkatkan sumber makanan negara. Sepertimana dalam objektif DPN yang bermatlamat untuk memaksimumkan pendapatan dari sektor pertanian dan memaksimumkan pendapatan pengusaha atau pekebun kecil melalui peningkatan daya pengeluaran yang merupakan tuntutan kerja dalam Islam. Usaha tersebut bagi memastikan mereka yang terlibat dengan aktiviti pertanian akan mendapat ganjaran yang sewajarnya dari usaha yang telah dilakukan. Begitu juga dalam objektif DPN3 yang bermatlamat memastikan pengusaha pertanian mendapat pendapatan yang setimpal bagi menjamin pengeluaran bahan makanan tidak merosot.²¹⁶ Islam menyarankan manusia berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk memperoleh rezeki yang halal bagi memenuhi keperluan asas untuk kelangsungan hidup di dunia. Bagi memastikan golongan pengusaha pertanian pendapat yang setimpal, banyak sokongan telah diberikan oleh kerajaan dalam Dasar Sekuriti Makanan antaranya adalah galakan dalam bentuk modal dan nasihat.

Pengusaha pertanian merupakan usaha yang mulia disisi Islam kerana telah melaksanakan fardhu kifayah demi memakmurkan kehidupan masyarakat terutama dari segi pengeluaran makanan. Sumbangan mereka adalah sangat besar dari kaca mata agama dan masyarakat dan mereka juga menyumbangkan pendapatan dan harta mereka kepada orang-orang miskin dengan pengeluaran zakat.²¹⁷ Hakikat bahawa Islam menuntut manusia merealisasikan dan membuktikan kebaikannya melalui usaha mereka boleh difahami melalui firman Allah S.W.T. yang bermaksud:

“Maha Suci Allah Yang di tanganNya lah segala kerajaan, dan Dia Maha Kuasa atas segala sesuatu, yang menjadikan mati dan hidup, supaya Dia menguji kamu, siapa di antara kamu yang lebih baik amalnya. Dan Dia Maha Perkasa lagi Maha Pengampun”

(Sūrah al-Mulk (67):1-2)

²¹⁶Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, “Dasar Pertanian Negara Ketiga”, *op.cit.*

²¹⁷Kementerian Pertanian Malaysia (1993), *Pertanian dalam al-Quran : Satu Tinjauan Ringkas*. Kuala Lumpur : Kementerian Pertanian Malaysia, h. 8

Ayat al-Quran tersebut menyatakan dengan tegas bahawa manusia tidak perlu ragu dan bimbang akan ganjaran dan balasan terhadap apa yang dikerjakan dan diusahakan olehnya kerana Allah Maha Berkuasa menyediakan segalanya. Di sini jelas bahawa bidang pertanian adalah sehati dengan Islam dan ia mendapat galakan dan dorongan daripada Allah S.W.T. kerana pertanian adalah salah satu tuntutan semula jadi manusia yang ditetapkan oleh Allah S.W.T. yang berfungsi untuk memenuhi tuntutan jasmani dan rohani manusia. Keadaan ini juga terpakai untuk konsep *halālan ṭayyiba* iaitu halal lagi baik di mana ia juga merupakan satu konsep yang perlu dipatuhi oleh umat Islam secara menyeluruh. Dari pandangan hidup agama Islam, konsep ini boleh mendatangkan pelbagai kesan positif untuk semua aspek kehidupan manusia. Ini tidak terkecuali sektor ekonomi di mana kesan yang paling ketara dapat dilihat menerusi perkembangan pesat dalam industri makanan halal di serata dunia.

Tuntutan supaya rezeki yang diperoleh itu adalah rezeki yang halal ialah untuk memastikan keberkatan diperoleh dalam kehidupan. Jadi adalah menjadi tanggungjawab setiap orang dan masyarakat Muslim untuk memastikan tuntutan ini dipenuhi. Proses penyediaan makanan dan minuman halal mesti bermula daripada penyediaan bahan mentah hinggalah ia dihasilkan. Tetapi umat Islam hari ini kurang berminat untuk menceburkan diri dalam aktiviti pertanian dan lebih cenderung menjadi pembeli sahaja kerana tidak mahu mengambil risiko. Sebaliknya, seruan agama Islam supaya umatnya bekerja sendiri dan terlibat dalam bidang pertanian sangat berkaitan dengan usaha membina kekuatan ekonomi umat Islam dan mengurangkan pergantungan kepada barangan atau perkhidmatan yang dikeluarkan oleh pengeluar bukan Islam. Ini merupakan salah satu matlamat syariah selain menjaga agama, nyawa, akal dan keturunan ialah menjaga dan memperkasakan harta yakni kekuatan ekonomi. Apabila ramai umat Islam bekerja sendiri maka banyak perniagaan, perusahaan dan industri makanan akan wujud. Oleh itu, perkembangan teknologi akan bertambah pesat dan

penciptaan baru akan berlaku bagi memenuhi keperluan makanan Muslim dan apabila umat Islam terlibat secara giat dalam sektor perniagaan dan perusahaan, kuasa ekonomi akan berada di tangan umat Islam.²¹⁸ Jika usaha dilaksanakan ia adalah selaras dengan yang bermaksud menolak kerosakan yang bakal timbul dalam masyarakat.

Maka dapat dirumuskan di sini, kelima-lima prinsip dalam *maqāṣid al-syarī'ah* ini merupakan keperluan-keperluan yang perlu dipenuhi oleh setiap individu bagi memastikan mereka membentuk ahli masyarakat yang berpandukan kepada prinsip syariat Islam. Maka dalam mengukur keberkesanan Dasar Sekuriti Makanan dari segi keupayaannya dalam memenuhi keperluan makanan perlu berdasarkan prinsip *maqāṣid al-syarī'ah*. Islam sangat menekankan manusia memelihara agama, nyawa, akal, maruah diri dan harta dalam menjamin sekuriti makanan. Ia adalah termasuk di dalam salah satu tunjang *maqāṣid al-syarī'ah* dalam ekonomi Islam. Tujuan syariah untuk memelihara agama, nyawa, akal, kehormatan dan harta dilihat sebagai satu perkara yang penting supaya tidak berlaku perkara-perkara yang membawa kepada bahaya ke atas diri manusia dan supaya manusia dapat melaksanakan perintah-perintah Allah S.W.T. yang wajib ke atasnya sebagai khalifah di muka bumi ini.

Allah S.W.T. telah menganugerahkan manusia dengan pelbagai sumber makanan yang berkhasiat dan berzat. Sumber tersebut perlu diolah dengan sebaiknya, ini adalah selaras dengan matlamat dasar sekuriti makanan bagi memulihara dan menggunakan sumber semula jadi secara mampan supaya tidak berlaku pembaziran dan ketidakcukupan sumber yang ada. Sumber makanan yang Allah S.W.T. ciptakan adalah mencukupi untuk semua manusia tetapi terpulang kepada bagaimana cara diuruskan dan diagihkan. Sepertimana firman Allah S.W.T.:

²¹⁸Muhammad Hisyam Mohamad, "Tuntutan Halalan Thoyyiban Boleh Memperkasakan Ekonomi Ummah", IKIM, http://www.ikim.gov.my/v5/index.php?lg=1&opt=com_article&grp=2&sec=&key=1755&cmd=resetall, 5 Mei 2011.

Dan Dia (Allah) menjadikan di bumi gunung-ganang yang menetap (tersergam tinggi) di atasnya, serta Dia melimpahkan berkat padanya dan Dia menentukan ada padanya bahan-bahan keperluan hidup penduduknya, sekadar yang menyamai hajat yang diminta dan dikehendaki oleh keadaan mereka; dalam empat masa.

(Sūrah al-Fuṣṣilat (41): 10)

Ayat tersebut menjelaskan bahawa Allah S.W.T. telah menjadikan sumber makanan di dalam dunia ini mencukupi bagi keperluan kehidupan manusia. Isu kekurangan sumber makanan yang berlaku pada masa kini adalah berpunca daripada pengurusan dan penyalahgunaan sumber tersebut atau ketidakseimbangan dalam pembahagiannya. Menurut Muhammad Akram Khan, bagi mengatasi masalah tersebut, manusia perlu memperkembangkan aktiviti pengeluaran makanan dengan mencari alternatif serta meneroka sumber baru yang boleh dijadikan sumber makanan kepada manusia. Kemudian, penggunaan teknologi yang lebih berkesan untuk mencari teknik pengeluaran makanan yang lebih baik dan produktif. Selain itu, kaedah pengagihan yang digunakan dikaji semula supaya ianya lebih berkesan dan adil. Memotivasikan manusia supaya bersederhana dalam penggunaan sumber, iaitu berbelanja mengikut keperluan dan bukannya kehendak hawa nafsu.²¹⁹ Begitu juga dengan matlamat DPN yang sentiasa berusaha meningkatkan produktiviti dan daya saing sektor pertanian serta berusaha mewujudkan sumber pertumbuhan yang baru bagi sektor pertanian.²²⁰ Oleh itu, sumber makanan yang ada dalam negara sudah semestinya mencukupi bagi keperluan penduduk.

Ini adalah selaras dengan DPN yang bermatlamat memaju dan meningkatkan hasil dan mutu komoditi-komoditi yang mempunyai potensi besar dalam peningkatan pengeluaran. Selain itu, langkah meningkatkan produktiviti dan daya saing sektor pertanian serta berusaha mewujudkan sumber pertumbuhan yang baru bagi sektor

²¹⁹Muhammad Akram Khan (1994), *An Introduction to Islamic Economics*. Islamabad: International Institute of Islamic Thought and Institute of Islamic Studies, h. 45.

²²⁰Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, “Dasar Pertanian Negara Ketiga”, <http://www.moa.gov.my/dpn>, 4 Mei 2011.

pertanian juga menjadi matlamat utama di dalam DPN.²²¹ Terdapat banyak usaha yang dilaksanakan dalam DPN dan DJBM selari dengan tuntutan *maqāṣid al-syarī'ah* dalam memastikan kemaslahatan atau kepentingan manusia serta mencegah kemudaratan di dunia dan di akhirat agar mereka mendapat kebahagiaan yang hakiki di dunia dan akhirat.

4.3 PENGELUARAN MAKANAN HALAL DI MALAYSIA

Ekonomi Islam amat menitikberatkan pengeluaran makanan halal sebagai sumber makanan dalam menjamin sekuriti makanan, manakala bagi makanan yang tidak halal dan tidak digalakkan perlu dikawal, dihadkan dan disekat.²²² Di dalam DPN3 sendiri, kerajaan telah menekankan kepada pengembangan Malaysia sebagai Hub Makanan Halal Antarabangsa. Langkah ini adalah untuk memenuhi keperluan makanan halal, menstabilkan harga, memastikan bekalan makanan berterusan dan meningkatkan eksport ke luar negara.

Satu standard makanan halal telah dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sebagai badan yang bertanggungjawab mengeluarkan sijil halal.²²³ Ia adalah untuk memastikan makanan yang dihasilkan dalam negara dalam adalah halal dan terjamin keselamatannya. Standard Halal tersebut ialah ‘Makanan Halal: Pengeluaran, Penyediaan, Pengendalian dan Penyimpanan – Garis Panduan Umum (MS 1500:2009). Ia telah dibangunkan di bawah Sistem Pembangunan Standard Malaysia di bawah tanggungjawab Jabatan Standard Malaysia (DSM), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.²²⁴

²²¹*Ibid.*

²²²Khurshid Ahmad (1981), “Economic Development in an Islamic Framework”, Khurshid Ahmad (ed.), *Studies in Islamic Economics*. Leicester: The Islamic Foundation, h. 181.

²²³Hakimah Mohd Yusoff (2004), “Halal Certification Scheme”, *Standards and Quality News : Standardisation for Halal Food*. Selangor: Sirim Berhad, h. 4.

²²⁴Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), http://www.halal.gov.my/ehalal/index.php?ty=content_view&id=PRO-20100117095910&type=PRO, 20 April 2011.

Standard tersebut dibangunkan oleh Jawatankuasa Standard Perindustrian Kebangsaan yang berkaitan dengan Halal (ISC I) yang mana telah diwakili oleh pelbagai organisasi termasuk JAKIM yang merupakan Pengerusi kepada Jawatankuasa Teknikal. Skop standard ini mengandungi garis-garis panduan yang praktikal bagi industri makanan mengenai penyediaan dan pengendalian makanan halal (termasuk penambah nutrien). Ia bertujuan menyediakan peraturan asas bagi produk makanan serta perdagangan atau perniagaan makanan di Malaysia. JAKIM menggunakan asas tersebut untuk pensijilan dan akan ditambah dengan banyak keperluan yang lain bagi melengkapkan proses pensijilan.²²⁵ Aspek halal adalah mengambil kira pengeluaran, penyediaan, pengendalian dan penyimpanan makanan tersebut. Ini sebagai bukti kerajaan Malaysia amat prihatin dengan pengeluaran makanan halal dalam negara selaras dengan sekuriti makanan dalam ekonomi Islam yang menekankan kepada pengeluaran makanan halal yang mencukupi.

Potensi industri makanan halal adalah tinggi kerana bilangan penduduk beragama Islam dianggarkan sebanyak 15 juta orang di Malaysia. Oleh itu, permintaan kepada makanan halal akan tinggi dan saiz pasaran makanan halal tempatan ini mungkin lebih besar jika diandaikan sebahagian penduduk bukan Islam juga bersedia menggunakan makanan halal.²²⁶ Sebagai contoh, satu laporan mengenai pasaran makanan halal oleh *Agriculture and Agri-Food Canada* (AAFC) menyatakan bahawa 14 peratus daripada perbelanjaan makanan oleh pengguna Malaysia adalah untuk daging. Laporan tersebut menyatakan daging lembu adalah dua pertiga daripada jumlah daging diimport oleh Malaysia pada 2005, Malaysia mengimport daging bernilai AS\$231 juta (RM809 juta). Enam puluh peratus daripada pengimportan daging adalah dari India diikuti Australia dan New Zealand. Manakala, di peringkat antarabangsa, terdapat peluang pasaran yang besar bagi Malaysia untuk dibangunkan sebagai Pusat

²²⁵*Ibid.*

²²⁶Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB). Memanfaat Peluang Industri Halal, http://www.punb.com.my/index.php?ch=bm_med&pg=bm_med_news&ac=218, 20 Julai 2010.

Makanan Halal. Secara keseluruhannya terdapat seramai 1.8 billion umat Islam di 112 buah negara di seluruh dunia.²²⁷ Ini menunjukkan wujud satu pasaran amat besar dalam industri makanan halal sama ada tempatan atau antarabangsa.

Pasaran makanan halal juga akan terus meningkat dengan pertambahan penduduk Islam, baik dalam negara atau di seluruh dunia. Penggunaan makanan halal juga akan bertambah dengan peningkatan kuasa beli umat Islam di negara sedang membangun dan negara maju. Pada masa yang sama, kesedaran dan keinsafan umat Islam sendiri mengenai hukum agama berkaitan halal dan haram akan dapat meningkatkan permintaan makanan halal.

Malaysia telah melaksanakan Projek Terminal Makanan Negara (TEMAN) sebagai hab makanan halal serantau sepertimana yang telah dilaksanakan di Simpang Pulai, Ipoh, Perak. Ia menjadi pusat pembekalan makanan moden yang menghubungkan pengeluaran dengan penggunaan.²²⁸ Bagi meningkatkan pengeluaran makanan dalam DPN, kerajaan dengan usaha sama sektor swasta telah mengambil langkah dengan menyediakan kawasan tanaman secara berkelompok seperti Projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) pada tahun 2003. Melalui projek tersebut telah meningkatkan pengeluaran makanan seperti sayur-sayuran dan buah-buahan dalam negara. Program yang dijalankan ini selaras dengan strategi program di bawah DPN3 dan ia berjaya meningkatkan pengeluaran makanan khususnya bagi keluaran sayur-sayuran dan buah-buahan.²²⁹

Ekonomi Islam juga menggalakkan simpanan makanan untuk menghadapi sebarang kemungkinan berlakunya masalah kekurangan makanan disebabkan oleh kemarau dan bencana alam. Dengan adanya simpanan makanan ini, sekuriti makanan

²²⁷ Agriculture and Agri-Food Canada (AAFC) (2006), *Halal Food Product Report*. Canada: Agriculture and Agri-Food Canada (AAFC), hh. 16-17.

²²⁸ Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Projek Terminal Makanan Negara, http://www.famaxchange.org/web/guest/teman?p_p_id=56_INSTANCE_EUDp&p_p_lifecycle=0&p_p_state=normal&p_p_mode=view&p_p_col_id=content&p_p_col_count=1&page=1, 20 Julai 2010.

²²⁹ Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, *Dasar Pertanian Negara Ketiga*, *op.cit.*

akan sentiasa terjamin. Ini adalah seperti mana dasar yang dilaksanakan oleh Nabi Yūsuf a.s. pada zaman pemerintahannya di Mesir yang menyediakan simpanan makanan untuk tempoh selama tujuh tahun.²³⁰ Ia dilihat sebagai satu garis panduan bagi sesebuah negara untuk memastikan sekuriti makanan terjamin. Peningkatan pengeluaran makanan dari hasil pertanian memainkan peranan yang sangat penting untuk melaksanakan simpanan makanan ini. Bekalan makanan tersebut bukan sahaja mencukupi untuk masa kini tetapi mencukupi untuk masa akan datang. Melihat kepada pelaksanaan Dasar Sekuriti Makanan di Malaysia, objektif utamanya adalah untuk meningkatkan pengeluaran makanan terutamanya padi, sayur-sayuran, buah-buahan dan daging.²³¹ Ini adalah selari dengan galakkan yang ditunjukkan di dalam ekonomi Islam iaitu dengan meningkatkan pengeluaran makanan.

Di samping itu, pengeluaran makanan yang rendah menyebabkan masyarakat tidak dapat mengakses makanan di pasaran. Pemasaran bahan-bahan makanan dari aktiviti pertanian antaranya telah dijalankan melalui Pasar Tani di setiap negeri. Melalui pelaksanaan DPN, penubuhan Pasar Tani telah bertambah hampir di setiap kawasan bagi memudahkan masyarakat mengakses makanan dengan mudah.²³² Manakala, penggunaan terhadap makanan pula akan memberi kesan kepada pengeluarannya sebagai contoh, makanan yang tidak halal tidak akan dikeluarkan oleh pengeluar jika tiada permintaan terhadapnya.

Corak penggunaan rakyat terhadap perbelanjaan terhadap makanan juga akan memberi kesan kepada pengeluaran makanan negara tersebut. Islam telah melarang umatnya berlebihan dalam penggunaan makanan tetapi sebaliknya disimpan untuk keperluan masa depan kerana ia akan menyebabkan berlakunya pembaziran. Justeru,

²³⁰Sūrah Yūsuf (12): 47.

²³¹Unit Perancang Ekonomi (EPU) (2001), *Rancangan Malaysia Kelapan (2001-2005)*. Putrajaya: Unit Perancang Ekonomi.

²³²Kementerian Pertanian Malaysia (1985), *Dasar Pertanian Negara*. Kuala Lumpur : Kementerian Pertanian Malaysia., Kementerian Pertanian Malaysia (1993), *Dasar Pertanian Negara (1992-2010)*. Kuala Lumpur : Unit Penerbitan Kementerian Pertanian Malaysia, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani., *Dasar Pertanian Negara Ketiga*, <http://www.moa.gov.my/dpn>, 4 Mei 2011.

pengeluaran makanan dalam negara akan mencukupi jika corak penggunaan pengguna terhadap makanan adalah secara sederhana dan seimbang.

4.4 PENCAPAIAN KOMODITI MAKANAN DALAM DASAR SEKURITI MAKANAN

Komoditi makanan dibahagikan kepada tiga kategori iaitu hasil tanaman makanan, hasil penternakan dan hasil perikanan. Merujuk pada Jadual 4.1, Jadual 4.2 dan Carta 4.1, prestasi pengeluaran keseluruhan bagi komoditi makanan utama mencatatkan peningkatan. Sehingga tahun 2010, di antara komoditi yang menunjukkan peningkatan pengeluaran yang tinggi adalah daripada daging ayam-itik 1295 juta, daging kambing 2.3 juta tan, daging lembu 45 juta tan, susu 68 juta liter dan akuakultur 662 juta tan. Beras dan perikanan laut pula mencatatkan pertumbuhan yang rendah.


Manakala buah-buahan dan sayur-sayuran mencatatkan penurunan pengeluaran. Faktor-faktor yang menyumbang kepada pencapaian rendah pertumbuhan sayur-sayuran adalah disebabkan oleh pengurangan kawasan bertanam ekoran daripada penukaran tanaman kepada tanaman sawit serta pembangunan industri dan perumahan di atas tanah pertanian khususnya di kawasan pinggir bandar.

Jadual 4.1 : Pengeluaran Komoditi Pertanian (Makanan) (1980-2010)

	Tan Metrik (Juta)						
	1980	1985	1990	1995	2000	2005	2010
Padi	2,040.2	1,953	2,016.3	2,127	2,141	2,400	2,464
Perikanan Laut	743.7	746	951.3	1,108	1,286	1,325	1,705
Akuakultur	52.3	55	52	133	250	400	662
Daging Lembu	17.2	17	18	21	28	40	45
Daging Kambing	0.8	0.6	0.8	0.8	0.9	1.5	2.3
Daging Ayam-itik	125.6	251	385.9	687	714.3	980.1	1,295
Telur (dalam juta unit)	2,534.7	3,395	5,505	6,242	6,642	7,384	9,826
Susu (dalam juta liter)	37	24	28.9	37	50	65	68.4
Buah-buahan	938	852	1,530	1,020	1,376	1,982	1,641.8
Sayur-sayuran	693.9	184	693.9	718	1,019	1,390	870.2

Sumber : Rancangan Malaysia Keempat Hingga Kesembilan.²³³

Carta 4.1 : Pengeluaran Komoditi Pertanian (Makanan) (1980-2010)



Sumber: Rancangan Malaysia Keempat hingga Kesembilan²³⁴

²³³Malaysia (1986), *Rancangan Malaysia Kelima (1986-1990)*. Kuala Lumpur : Jabatan Percetakan Negara., Malaysia (1991), *Rancangan Malaysia Keenam (1991-1995)*. Kuala Lumpur : Jabatan Percetakan Negara., Malaysia (1996), *Rancangan Malaysia Ketujuh (1996-2000)*. Kuala Lumpur : Jabatan Percetakan Negara., Unit Perancang Ekonomi (EPU) (2001), *Rancangan Malaysia Kelapan (2001-2005)*. Putrajaya: Unit Perancang Ekonomi., Unit Perancang Ekonomi(EPU) (2006), *Rancangan Malaysia Kesembilan (2006-2010)*. Putrajaya: Unit Perancang Ekonomi.

²³⁴*Ibid.*

Jadual 4.2 : Prestasi Pengeluaran Komoditi Makanan dari DPN1 hingga DJBM

Komoditi Makanan	DPN1	DPN2	DPN3	DJBM	Catatan
Padi	×	/	/	/	3/4
Sayur-sayuran	/	/	/	×	3/4
Buah-buahan	/	/	/	×	3/4
Daging Lembu	/	/	/	/	4/4
Daging Kambing	/	/	/	/	4/4
Daging Ayam-itik	/	/	/	/	4/4
Ikan	/	/	/	/	4/4
Susu	/	/	/	/	4/4
Telur	/	/	/	/	4/4

/

 Meningkatkan

×

 Menurun

Jadual 4.2 menunjukkan prestasi pengeluaran bagi komoditi makanan dari DPN1 hingga DJBM. Prestasi pengeluaran padi mencatatkan peningkatan bermula dari DPN2 hingga DJBM. Manakala bagi pengeluaran sayur-sayuran dan buah-buahan prestasi pengeluarannya telah bermula dari DPN1 lagi tetapi tidak berlaku dalam DJBM. Seterusnya, bagi pengeluaran daging lembu, kambing, ayam, ikan, susu dan telur telah mencatatkan peningkatan bermula dari DPN1 hingga DJBM. Secara keseluruhannya semua komoditi menunjukkan prestasi peningkatan.

4.4.1 Pengeluaran Tanaman Makanan


Hasil pengeluaran bagi tanaman makanan adalah meliputi hasil bagi tanaman padi, sayur-sayuran dan buah-buahan. Tanaman-tanaman tersebut dikategorikan sebagai tanaman sekuriti kerana ia menjadi sumber makanan utama negara. Jadual 4.3 dan Carta 4.2 menunjukkan kadar pertumbuhan purata tahunan hasil tanaman makanan dari tempoh RMK5 hingga RMK9.

Jadual 4.3 : Kadar Pertumbuhan Purata Tahunan Hasil Tanaman Makanan (Peratus %)

	Jenis Tanaman					
	Padi		Buah-buahan		Sayur-sayuran	
	Matlamat	Pencapaian	Matlamat	Pencapaian	Matlamat	Pencapaian
Rancangan Malaysia Kelima (1986-1990)	-	-4.0	-	6.4	-	4.0
Rancangan Malaysia Keenam (1991-1995)	1.4	2.1	7.2	7.4	2.7	2.7
Rancangan Malaysia Ketujuh (1996-2000)	0.9	0.6	8.5	6.2	5.8	7.2
Rancangan Malaysia Kelapan (2001-2005)	2.7	2.3	3.1	9.8	0.6	13.8
Rancangan Malaysia Kesembilan (2006-2010)	5.9	1.9	10	6.5	8	6

Sumber : Rancangan Malaysia Kelima hingga Kesembilan.²³⁵

Carta 4.2 : Kadar Pertumbuhan Tahunan Hasil Tanaman (Peratus)



Sumber : Rancangan Malaysia Kelima hingga Kesembilan.²³⁶

a) Padi/ Beras

Tanaman padi merupakan tanaman makanan utama di Malaysia.²³⁷ Carta 4.3 menunjukkan prestasi pengeluaran padi bermula dari tahun 1980 iaitu sebelum DPN dilancarkan sehingga kepada tahun 2010 iaitu tempoh berakhirnya DJBM. Tahap pengeluaran bagi tanaman padi dari tempoh DPN1 hingga DJBM menunjukkan pengeluaran padi meningkat dari 2,040.2 tan pada tahun 1980 kepada 2,464 tan pada 2010 walaupun mengalami sedikit penurunan sekitar tahun 1985. Kemerostan ini

²³⁵ *Ibid.*


²³⁶ *Ibid.*

²³⁷ Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) (2008), *Perangkaan Pertanian 2008*. Putrajaya: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, h. 35.

sebahagian besarnya adalah disebabkan oleh keadaan cuaca buruk, serangga perosak dan wabak penyakit terutamanya Penyakit Merah Virus, tingkat hasil dan kepadatan tanaman yang tidak stabil termasuk di kawasan-kawasan jelapang padi utama, serta meningkatnya keluasan tanah sawah terbiar. Antara langkah yang telah dilaksanakan oleh kerajaan adalah dengan memulihkan kumpulan petak-petak yang berdekatan di kawasan tanah terbiar melalui beberapa bentuk perladangan berkelompok dan estet padi di kawasan-kawasan pengairan di Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan, Perak dan Pulau Pinang.²³⁸

Dalam tempoh 1995 hingga 2005, pengeluaran padi telah meningkat pada kadar purata 2.3% setahun disebabkan pada tempoh tersebut projek penyatuan sawah padi yang bersaiz kecil diteruskan melalui konsep pertanian secara berkelompok di lapan kawasan jelapang padi serta pelaksanaan Projek Sepuluh Tan Sehektar telah membolehkan penggunaan Amalan Pertanian Baik (GAP) yang lebih meluas dan pengurusan ladang yang lebih baik serta penggunaan jentera sepenuhnya.²³⁹

Carta 4.3 : Jumlah Pengeluaran Padi



*Sumber: Rancangan Malaysia Kelima hingga Kesembilan²⁴⁰


²³⁸Malaysia (1986), *op.cit.*, h. 341.

²³⁹Unit Perancang Ekonomi (EPU) (2006), *op.cit.*, h. 86.

²⁴⁰Malaysia (1986), *op.cit.*, Malaysia (1991), *op.cit.*, Malaysia (1996), *op.cit.*, Unit Perancang Ekonomi (EPU) (2001), *op.cit.*, Unit Perancang Ekonomi (EPU) (2006), *op.cit.*, Unit Perancang Ekonomi (EPU) (2011), *Rancangan Malaysia Kesepuluh (2011-2015)*. Putrajaya: Unit Perancang Ekonomi.


Bagi perkembangan industri padi pula dapat dilihat dalam Carta 4.4, jumlah import padi menunjukkan peningkatan yang ketara bermula dari 1980 sehingga 2005. Manakala bagi jumlah eksport padi menurun pada tahun 1990 tetapi naik sedikit bermula tahun 1995. Jumlah import padi adalah lebih tinggi daripada eksport. Padi diimport setiap tahun terutamanya dari negara Thailand, China, Vietnam dan Pakistan untuk memenuhi keperluan tempatan yang masih tidak mencukupi.

Carta 4.4 : Jumlah Import dan Eksport Beras



Sumber: Rancangan Malaysia Kelima hingga Kesembilan dan Food and Agriculture Organization of The United Nation²⁴¹

Carta 4.5 : Jumlah Penawaran dan Penggunaan Beras Per Kapita (Tahun)



Sumber: Rancangan Malaysia Kelima hingga Kesembilan dan Food and Agriculture Organization of The United Nation²⁴²

²⁴¹*Ibid.*, Food and Agriculture Organization of The United Nation, <http://faostat.fao.org/site/502/DesktopDefault.aspx?PageID=502>, 10 Mac 2012.

²⁴²*Ibid.*

Manakala Carta 4.5 pula menunjukkan jumlah penawaran dan penggunaan beras per kapita setahun. Bermula pada tahun 1985, jumlah penawaran beras adalah tinggi dan mencukupi menampung keperluan penggunaan tempatan. Tetapi pada tahun 1990, jumlah tersebut menurun kepada 83 kg dan tidak dapat memenuhi keseluruhan penggunaan iaitu 90 kg. Sehingga 2010, jumlah penawaran beras masih tidak dapat menampung keperluan penggunaan.


Secara kesimpulannya, sepanjang tempoh DPN1 sehingga DPN3, prestasi pengeluaran tanaman padi menunjukkan peningkatan walaupun terdapat sedikit penurunan dalam tahun-tahun tertentu. Kadar penurunan yang ditunjukkan ini masih menunjukkan pengeluaran beras negara masih stabil. DPN yang telah dijalankan masih belum berkesan untuk memastikan jaminan sekuriti makanan bagi beras kerana beras merupakan sumber makanan utama di Malaysia. Untuk menampung sumber beras yang tidak mencukupi dalam negara, ia terpaksa diimport dari negara luar.

Jika dilihat dari segi ekonomi, mengimport beras adalah lebih menguntungkan berbanding dengan mengeluarkan beras sendiri dalam negara kerana Malaysia merupakan negara kos pengeluar yang tinggi. Bagi mencapai matlamat jaminan makanan dalam negara, Malaysia perlu memenuhi matlamat pengeluaran beras secukupnya serta matlamat penggunaan secukupnya terutama bagi keluarga miskin melalui saluran pengagihan saksama. Walau bagaimanapun, kerajaan telah melaksanakan berbagai-bagai langkah untuk mengatasi kos pengeluaran padi yang tinggi dengan memberikan subsidi seperti benih dan baja. Selain dari ini, kerajaan sentiasa berusaha memperbaiki sistem pengairan dan saluran untuk tanaman padi, penggunaan jentera, penyatuan sawah-sawah kecil dan sebagainya. Sepertimana program yang dijalankan pada tempoh DPN1 sehingga DJBM, penggunaan input buruh telah berkurang kerana penggunaan jentera sepenuhnya di hampir keseluruhan kerja di

ladang dalam kawasan utama tanaman padi dan seterusnya ia dapat mengurangkan lagi kos pengeluaran.

b) Sayur-sayuran

Carta 4.6 : Jumlah Pengeluaran Sayur-sayuran



Sumber: Rancangan Malaysia Kelima hingga Kesembilan²⁴³

Buah-buahan dan sayur-sayuran merupakan makanan kedua penting selepas beras. Berdasarkan Carta 4.6, Carta 4.7 dan Carta 4.8 menunjukkan prestasi pengeluaran, import, eksport serta penawaran dan penggunaan bagi sayur-sayuran. Pada tempoh 1980 hingga 1990, pengeluaran sayur-sayuran mengalami kejatuhan sebanyak 26.9% kepada 184 juta tan metrik pada tahun 1980 hingga 1985 akibat dari pengurangan kawasan tanaman dan batasan keselamatan yang semakin ketat di pasaran-pasaran eksport. Kemerostan pengeluaran sayur-sayuran juga disebabkan keadaan cuaca yang buruk pada tahun 1982 dan perubahan keluasan serta jenis-jenis sayuran yang ditanam.²⁴⁴ Namun, mulai tahun 1990, pengeluarannya meningkat sehingga tahun 2005 sebelum turun semula dalam tahun 2010. Peningkatan pengeluaran adalah hasil daripada penanaman secara yang lebih intensif dan bukan melalui pertambahan kawasan. Ia juga


²⁴³Malaysia (1986), *op.cit.*, Malaysia (1991), *op.cit.*, Malaysia (1996), *op.cit.*, Unit Perancang Ekonomi (EPU) (2001), *op.cit.* Unit Perancang Ekonomi (EPU) (2006), *op.cit.*, Unit Perancang Ekonomi (EPU) (2011), *op.cit.*

²⁴⁴Malaysia (1991), *op.cit.*, h. 342.

hasil daripada perluasan kawasan penanaman, penyediaan infrastruktur asas dan input serta promosi penanaman secara tersusun dan komersial serta beberapa kerajaan negeri telah mengambil langkah menyediakan dan mengezonkan tanah untuk tujuan tersebut.²⁴⁵

Di samping itu, lebih banyak tanah pertanian disediakan melalui 22 Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) yang meliputi seluas 2,650 hektar serta enam kawasan pertanian satelit melibatkan 492 hektar berhampiran kawasan bandar utama. Kawasan ini telah dikhususkan untuk penyertaan sektor swasta dalam aktiviti pengeluaran makanan komersil secara intensif dan berskala besar. Pengeluaran sayur-sayuran secara organik digalakkan lagi dengan pengenalan Skim Organik Malaysia yang membolehkan penanam menjual keluaran mereka pada harga premium.

Carta 4.7: Jumlah Import dan Eksport Sayur-sayuran




Sumber: Rancangan Malaysia Kelima hingga Kesembilan dan Food and Agriculture Organization of The United Nation²⁴⁶

²⁴⁵*Ibid.*, h. 188.

²⁴⁶Malaysia (1986), *op.cit.*, Malaysia (1991), *op.cit.*, Malaysia (1996), *op.cit.*, Unit Perancang Ekonomi (EPU) (2001), *op.cit.* Unit Perancang Ekonomi (EPU) (2006), *op.cit.*, Unit Perancang Ekonomi (EPU) (2011), *op.cit.*, Food and Agriculture Organization of The United Nation, *op.cit.*

Carta 4.8 : Jumlah Penawaran dan Penggunaan Sayur-sayuran



Sumber: Rancangan Malaysia Kelima hingga Kesembilan dan Food and Agriculture Organization of The United Nation²⁴⁷

Merujuk Carta 4.7, prestasi import dan eksport sayur-sayuran mencatatkan peningkatan tetapi nilai import lebih tinggi daripada eksport. Malaysia juga merupakan pengimport bersih sayur-sayuran, dengan import bernilai RM257.5 juta berbanding dengan eksport bernilai RM70.0 juta pada tahun 1990. Ini menunjukkan jumlah penawaran bagi sayur-sayuran masih tidak dapat menampung keperluan penggunaan tempatan. Bagi jumlah penggunaan sayur-sayuran masih belum mencukupi kerana jumlah penawarannya masih lagi rendah. Ia boleh dilihat dalam Carta 4.8.


c) Buah-buahan

Bagi pengeluaran buah-buahan dalam Carta 4.9 pula menunjukkan peningkatan yang ketara dari tempoh 1985 hingga 1990 tetapi menurun pula pada tahun 1995. Seterusnya pada tempoh 1995 hingga 2005 pengeluaran buah-buahan meningkat dengan ketara. Peningkatan tersebut berlaku disebabkan pertambahan keluasan terutama untuk memenuhi permintaan tempatan dan antarabangsa untuk jambu batu, belimbing dan betik. Kerajaan juga turut menubuhkan Majlis Buah-buahan Negara pada tahun 1987 untuk menggalakkan pengeluaran buah-buahan oleh sektor swasta dengan

²⁴⁷*Ibid.*

menggunakan penemuan-penemuan penyelidikan oleh agensi-agensi seperti Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan risikan pasaran oleh Lembaga Kemajuan Pemasaran Persekutuan (FAMA).²⁴⁸

Carta 4.9 : Jumlah Pengeluaran Buah-buahan



Sumber: Rancangan Malaysia Kelima hingga Kesembilan²⁴⁹


Usaha-usaha yang lebih intensif dalam pengeluaran dan pemasaran keluaran buah-buahan telah berjaya meningkatkan pengeluarannya. Penyertaan yang aktif syarikat perladangan dan syarikat kerajaan juga telah menyumbang pada pertumbuhan ini. Peningkatan yang ditunjukkan tersebut juga adalah hasil penanaman secara intensif di kawasan baru dan sedia ada dengan menggunakan unit pertanian yang lebih besar serta teknologi dan amalan pertanian yang telah ditentukan iaitu melalui penubuhan TKPM. Jabatan Pertanian khususnya telah membantu pelaksanaan beberapa program termasuk penanaman pelbagai jenis tanaman makanan yang berasaskan konsep pertanian secara berkumpulan atau projek berkelompok. Program ini juga melibatkan penyatuan dan pemulihan dusun buah-buahan tradisional kepada unit pengeluaran

²⁴⁸Malaysia (1989), *op.cit.*, hh. 144-145.

²⁴⁹*Ibid.*


terancang yang lebih besar bagi membolehkan penggunaan kaedah pertanian yang lebih baik dan seterusnya meningkatkan pengeluaran.²⁵⁰

Carta 4.10 : Jumlah Import dan Eksport Buah-buahan



Sumber: Rancangan Malaysia Kelima hingga Kesembilan dan Food and Agriculture Organization of The United Nation²⁵¹

Carta 4.11 : Jumlah Penawaran dan Penggunaan Buah-buahan



Sumber: Rancangan Malaysia Kelima hingga Kesembilan dan Food and Agriculture Organization of The United Nation²⁵²

²⁵⁰Unit Perancang Ekonomi (EPU) (2006), *op.cit.*, h. 86.

²⁵¹Malaysia (1986), *op.cit.*, Malaysia (1991), *op.cit.*, Malaysia (1996), *op.cit.*, Unit Perancang Ekonomi (EPU) (2001), *op.cit.* Unit Perancang Ekonomi (EPU) (2006), *op.cit.*, Unit Perancang Ekonomi (EPU) (2011), *op.cit.*. Food and Agriculture Organization of The United Nation, *op.cit.*

²⁵²*Ibid.*

Manakala bagi Carta 4.10 menunjukkan peningkatan jumlah import dan eksport buah-buahan. Eksport buah-buahan telah meningkat daripada RM512 juta pada tahun 2000 kepada RM2153 juta pada tahun 2010. Durian merupakan penyumbang terbesar kepada pendapatan eksport, diikuti oleh belimbing, pisang, tembikai dan betik. Kebanyakan buah-buahan ini dieksport ke Singapura, Asia Timur dan Eropah.²⁵³ Bagi jumlah penawaran pula dapat menampung keperluan tempatan kecuali pada tahun 2010. Prestasinya boleh dilihat dalam Carta 4.11.

Secara kesimpulannya, sayur-sayuran dan buah-buahan merupakan antara sumber makanan asas yang membekalkan nutrien seperti vitamin dan protein kepada manusia. Pengeluarannya sangat diperlukan untuk hidup sihat. Melihat kepada pencapaian pengeluarannya di Malaysia sejak tahun 1984 adalah meningkat pada kadar yang sederhana dan kadang-kadang rendah kerana sektor kecil ini sangat berisiko dengan cuaca yang menyebabkan pengeluarannya berkurangan. Selain itu, ia disebabkan oleh kekurangan tanah yang sesuai untuk tanaman ini. Walau bagaimanapun, pada tahun 2003 kerajaan dengan usaha sama sektor swasta telah mengambil langkah dengan menyediakan kawasan tanaman secara berkelompok seperti TKPM. Ini telah meningkatkan pengeluaran sayur-sayuran dan buah-buahan dalam negara. Program yang dijalankan ini selaras dengan strategi program di bawah DPN3 dan ia berjaya meningkatkan pengeluaran makanan khususnya bagi keluaran sayur-sayuran dan buah-buahan.

4.4.2 Pengeluaran Ternakan

Ternakan merupakan satu komponen penting dalam sektor pertanian yang menjadi sumber makanan manusia. Dalam DPN, sektor ternakan juga telah diberi perhatian yang sewajarnya supaya dapat memenuhi keperluan tempatan. Ayam dan telur merupakan

²⁵³Malaysia (1991), *op.cit.*, h. 103.

keluaran utama sektor ternakan ini kerana ia telah menjadi penyumbang terbesar, manakala keluaran lembu, kambing dan tenusu hanya menyumbang peratusan yang kecil sahaja. Prestasi dan pencapaian sektor ternakan sejak dari pelaksanaan DPN1 hingga DJBM ditunjukkan dalam Jadual 4.4 hingga Carta 4.12, Carta 4.13. Prestasi keseluruhan menunjukkan kadar pertumbuhan menunjukkan peningkatan hasil dari program yang dilaksanakan oleh kerajaan. Tetapi masih tidak dapat memenuhi keperluan tempatan dan perlu dipenuhi dengan import bahan tersebut. Walau bagaimanapun, prestasi keseluruhan hasil ternakan ini juga disumbangkan dari hasil ternakan khinzir. Daging khinzir adalah penyumbang utama dalam pengeluaran ternakan. Sebagai contoh, sebanyak 368,000 tan daging khinzir dihasilkan pada tahun 1984 berbanding 211,000 tan pada tahun 1990.²⁵⁴

Jadual 4.4 : Kadar Pertumbuhan Purata Tahunan Hasil Ternakan (Peratus %)


Tempoh	Jenis Ternakan				
	Daging Lembu	Daging Kambing	Daging Ayam-itik	Telur	Tenusu
Rancangan Malaysia Kelima (1986-1990)	1.9	1.9	7.9	6.8	7.4
Rancangan Malaysia Keenam (1991-1995)	4.1	6.5	10.9	7.1	3.2
Rancangan Malaysia Ketujuh (1996-2000)	10.5	5.2	8.8	5.7	6.1
Rancangan Malaysia Kelapan (2001-2005)	10.2	10.8	6.5	2.1	6.9
Rancangan Malaysia Kesembilan (2006-2010)	10.1	10.3	5.7	6.3	8.7

Sumber : Rancangan Malaysia Kelima hingga Kesembilan.²⁵⁵

²⁵⁴Malaysia (1991), *op.cit.* h. 97.


²⁵⁵*Ibid.*, Malaysia (1986), *op.cit.*, *op.cit.*, Malaysia (1996), *op.cit.*, Unit Perancang Ekonomi (2001), *op.cit.*, Unit Perancang Ekonomi (2006), *op.cit.*

Carta 4.12 : Kadar Pertumbuhan Purata Tahunan Hasil Ternakan (Peratus %)



Sumber: Rancangan Malaysia Kelima hingga Kesembilan²⁵⁶

Carta 4.13 : Jumlah Import dan Eksport Daging



Sumber: Rancangan Malaysia Kelima hingga Kesembilan dan Food and Agriculture Organization of The United Nation²⁵⁷

a) Ternakan Lembu


Daging lembu adalah sumber protein yang digemari tetapi sehingga kini pengeluarannya secara besar-besaran belum lagi berlaku. Sebahagian besar jumlah ternakan lembu di Semenanjung Malaysia adalah daripada baka tempatan, Kedah, Kelantan dan *Local Indian Dairy* (LID). Produktiviti daging yang dihasilkan dari baka

²⁵⁶*Ibid.*

²⁵⁷Malaysia (1986), *op.cit.*, Malaysia (1991), *op.cit.*, Malaysia (1996), *op.cit.*, Unit Perancang Ekonomi (EPU) (2001), *op.cit.* Unit Perancang Ekonomi (EPU) (2006), *op.cit.*, Unit Perancang Ekonomi (EPU) (2011), *op.cit.*. Food and Agriculture Organization of The United Nation, *op.cit.*


tersebut adalah rendah kerana saiznya kecil walaupun baka ini sesuai dengan keadaan cuaca di Semenanjung Malaysia.²⁵⁸

Carta 4.14 : Jumlah Pengeluaran Daging Lembu



Sumber: Rancangan Malaysia Kelima hingga Kesembilan²⁵⁹

Carta 4.15: Jumlah Penawaran dan Penggunaan Daging Lembu Per Kapita



Sumber: Rancangan Malaysia Kelima hingga Kesembilan dan Food and Agriculture Organization of The United Nation²⁶⁰

Merujuk kepada Carta 4.14 dan Carta 4.15, prestasi keseluruhan bagi daging lembu peningkatan. Pengeluaran daging lembu menunjukkan peningkatan bermula dari

²⁵⁸Mohd Fauzi Mohd Jani (1991), "Industri Ternakan di Semenanjung Malaysia", *Komoditi Utama Malaysia: Kepentingan, Masalah dan Prospek*, Redzuan Othman dan Mohd Sheffi Abu Bakar (edt.). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 192.

²⁵⁹Malaysia (1986), *op.cit.*, Malaysia (1991), *op.cit.*, Malaysia (1996), *op.cit.*, Unit Perancang Ekonomi (EPU) (2001), *op.cit.*, Unit Perancang Ekonomi(EPU) (2006), *op.cit.*

²⁶⁰*Ibid.*, Unit Perancang Ekonomi (EPU) (2011), *op.cit.*. Food and Agriculture Organization of The United Nation, *op.cit.*, Food and Agriculture Organization of The United Nation, *op.cit.*

tahun 1980 sebanyak 17,200 juta tan kepada 45,000 juta tan pada tahun 2010. Peningkatan tersebut berlaku adalah hasil daripada kaedah-kaedah menternak haiwan yang lebih baik serta pelaksanaan berbagai program pengeluaran yang lebih giat oleh kerajaan seperti pelaksanaan pawah, rancangan menggembala ternakan dan rancangan pinjaman baka. Di samping itu, ia berikutan dengan pembubaran Lembaga Kemajuan Ternakan Negara (MAJUTERNAK) pada 1983, Jabatan Perkhidmatan Haiwan telah memulihkan kira-kira 400 hektar tanah di tujuh buah ladang yang dahulunya dimiliki oleh MAJUTERNAK. Pemulihan ini telah dapat membantu menambah bekalan lembu bagi program-program daging dan tenusu.²⁶¹ Hasil daripada pemulihan tersebut juga, Semenanjung Malaysia telah mengeluarkan 55% daripada keperluan tempatan sementara Sabah 32% dan Sarawak 23% pada tahun 1985 iaitu pada tempoh awal DPN1. Kerajaan juga turut mengagihkan sejumlah besar lembu dan kerbau kepada kira-kira para petani di bawah program daging yang dikendalikan oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan di bawah komponen ternakan IADP serta Projek Penanaman Semula dan Pemulihan Kelapa dan lembu tenusu telah diagihkan kepada seramai para petani di bawah program tenusu.

Walau bagaimanapun, kemasukan daging lembu import yang murah dari India melalui perjanjian perdagangan timbal balas telah mengehendkan keluaran daging Malaysia yang berharga lebih tinggi kepada pasaran harga sederhana. Selain itu, kemajuan yang lembab dalam usaha menghasilkan baka tempatan dan stok baka pembiak juga telah menghalang pertumbuhan pengeluaran daging lembu dan kambing. Untuk mengatasi masalah ini, JPH telah menubuhkan sembilan Pusat Ladang Pembiakan bagi lembu dan enam bagi kambing.²⁶² Antara langkah lain, kerajaan telah melaksanakan amalan menyatupadukan ternakan lembu dengan tanaman kekal yang digalakkan di ladang dan skim pembangunan tanah supaya ia terus menjadi sistem

²⁶¹Malaysia (1986), *op.cit.*, h. 347.

²⁶²Malaysia (1990), *op.cit.*, hh. 105-106.

penternakan utama. Di samping meneruskan pengimportan daging lembu yang lebih murah untuk memenuhi keperluan golongan berpendapatan rendah dan industri pemprosesan makanan, langkah telah diambil untuk meningkatkan bekalan baka tempatan yang bermutu dan pembiakan baka.²⁶³

Selain itu, kemudahan kredit, infrastruktur sokongan dan perkhidmatan pembangunan telah disediakan kepada pekebun kecil bagi menggalakkan penyertaan mereka dalam program ini.²⁶⁴ Peningkatan ini juga adalah hasil daripada penambahbaikan dalam pemeliharaan ternakan dan peralihan secara berperingkat daripada amalan ternakan secara tradisional kepada amalan komersil, yang mana penggunaan sistem fidlot digunakan secara luas dan pengembangan kaedah ternakan lembu, kambing dan biri-biri secara integrasi dalam ladang getah dan kelapa sawit.²⁶⁵ Kaedah yang digunakan ini juga telah dapat meningkatkan jumlah pengeluaran ternakan tersebut. Selain itu, peningkatan pengeluaran ternakan tersebut juga hasil dari kejayaan agensi pembangunan tanah seperti FELDA, RISDA dan FELCRA yang menternak di beberapa ladang mereka dan melalui pendekatan ini ia turut membantu mengurangkan kos penyelenggaraan ladang.

b) Daging Kambing

Merujuk kepada Carta 4.16, pengeluaran daging kambing menunjukkan peningkatan bermula dari 1980 hingga 2010 walaupun mengalami sedikit kejatuhan pada tahun 1985. Peningkatan ini disebabkan terutamanya oleh pemeliharaan kambing biri-biri di ladang-ladang dan di kebun-kebun kecil getah dan kelapa. Selain itu, kerajaan telah mengagihkan kambing dan kambing biri-biri kepada petani di bawah skim pawah. Selain itu, peningkatan pengeluaran daging kambing adalah berikutan daripada pelaksanaan pendekatan bersepadu ternakan biri-biri di estet kelapa sawit dan getah


²⁶³Malaysia (1993), *op.cit.*, h. 95.

²⁶⁴Unit Perancang Ekonomi (EPU) (2001), *op.cit.*, hh. 227-228.

²⁶⁵Malaysia (1998), *op.cit.*, h. 186.


serta di skim pembangunan tanah. Penglibatan syarikat swasta, terutamanya dalam pengeluaran baka untuk pembiakan juga telah menyumbang kepada pembangunan sektor kecil ini.²⁶⁶

Carta 4.16 : Jumlah Pengeluaran Daging Kambing



Sumber: Rancangan Malaysia Kelima hingga Kesembilan²⁶⁷

Carta 4.17 : Jumlah Penawaran dan Penggunaan Daging Kambing Per Kapita



Sumber: Rancangan Malaysia Kelima hingga Kesembilan dan Food and Agriculture Organization of The United Nation²⁶⁸

Secara kesimpulannya, sektor ternakan dari lembu dan kambing masih berkurangan. Malaysia hanya mampu membekal 23.2% daripada permintaan tempatan

²⁶⁶Malaysia (1986), *op.cit.*, h. 343.

²⁶⁷Malaysia (1986), *op.cit.*, Malaysia (1991), *op.cit.*, Malaysia (1996), *op.cit.*, Unit Perancang Ekonomi (EPU) (2001), *op.cit.*, Unit Perancang Ekonomi (EPU) (2006), *op.cit.* Unit Perancang Ekonomi (EPU) (2011), *op.cit.*

²⁶⁸*Ibid.*, Food and Agriculture Organization of The United Nation , *op.cit.*

terhadap daging lembu, 10% daging kambing dan 5% susu dari sumber-sumber tempatan. Prestasi penawaran dan penggunaan bagi daging kambing boleh dilihat dalam Carta 4.17. penawaran daging kambing masih belum mencukupi untuk memenuhi keperluan penggunaan. Usaha untuk menambahkan pengeluaran dalam negeri bagi keluaran-keluaran tersebut perlu mengambil kira kos sumber tempatan dan aspek daya majunya. Usaha yang paling berpotensi ialah penternakan yang tersusun yang diusahakan pada tahap komersial. Walaupun pengeluaran daging dicatatkan meningkat setiap tahun, penawaran daging dalam negeri masih tidak dapat memenuhi permintaan yang meningkat kesan daripada perubahan corak pemakanan apabila pendapatan meningkat. Selain daripada kurangnya stok benih baka, halangan utama yang lain ialah kurangnya kawasan padang ragut dan kenaikan kos makanan ternakan fidlot terutama hampas isirung kelapa sawit.²⁶⁹


c) **Tenusu**

Susu merupakan sumber makanan lengkap yang mengandungi nilai pemakanan yang tinggi. Aspek kebersihan dan halal, nilai pemakanan dan pembungkusan adalah aspek paling penting yang mesti ditekankan kepada keluaran tenusu dalam keadaan pasaran semasa. Ini amat penting untuk kesihatan serta kesejahteraan manusia. Di Malaysia, pengguna lebih mengutamakan penggunaan bahan susu yang diproses seperti susu pekat manis, susu tepung dan susu adunan. Manakala penggunaan susu segar masih lagi rendah kerana pandangan masyarakat pengguna terhadap susu segar tempatan adalah berkualiti rendah dan sering tercemar.²⁷⁰

²⁶⁹Malaysia (1988), *op.cit.*, hh. 160-161.


²⁷⁰Mohd Fauzi Mohd Jani (1991), *op.cit.*, h. 195.

Carta 4.18 : Jumlah Pengeluaran Susu



Sumber: Rancangan Malaysia Keempat hingga Kesembilan²⁷¹

Carta 4.19 : Jumlah Import dan Eksport Tenusu




Sumber: Rancangan Malaysia Kelima hingga Kesembilan dan Food and Agriculture Organization of The United Nation²⁷²

²⁷¹Malaysia (1986), *op.cit.*, Malaysia (1991), *op.cit.*, Malaysia (1996), *op.cit.*, Unit Perancang Ekonomi (EPU) (2001), *op.cit.*, Unit Perancang Ekonomi (EPU) (2006), *op.cit.*, Unit Perancang Ekonomi (EPU) (2011), *op.cit.*

²⁷²*Ibid.*, Food and Agriculture Organization of The United Nation, *op.cit.*

Carta 4.20 : Jumlah Penawaran dan Penggunaan Susu Per Kapita



Sumber: Rancangan Malaysia Kelima hingga Kesembilan dan Food and Agriculture Organization of The United Nation²⁷³

Carta 4.18 menunjukkan prestasi pengeluaran bagi susu meningkat dari tahun 1980 hingga 2010. Dalam tempoh sebelum dan selepas DPN1 dilaksanakan, pengeluaran susu telah meningkat daripada 37 juta liter pada tahun 1980 kepada 68.4 juta liter pada tahun 2010.²⁷⁴ Ia disebabkan oleh penternakan baka yang lebih baik, bilangan penternak tenusu yang bertambah serta pengurusan tenusu yang lebih cekap terutamanya di kawasan sekitar pusat-pusat pengumpulan susu. Jumlah kutipan susu telah meningkat pada tahun 1985 iaitu disebabkan penubuhan 26 pusat pengumpulan susu pada tempoh RMK4.²⁷⁵

Antara program yang menyumbang kepada peningkatan pengeluaran susu adalah penubuhan 39 buah Pusat Pengumpulan Susu (PPS) sementara yang lainnya telah disatukan untuk mencapai keberkesanan kos di bawah program lembu tenusu. PPS ini telah ditubuhkan oleh kerajaan melalui JPH pada tahun 1973 lagi. Pusat ini telah membuka satu saluran pemasaran baru kepada penternak susu tempatan dan ia juga menjalankan fungsi asas seperti pengumpulan, penyimpanan dan pendinginan,

²⁷³*Ibid.*

²⁷⁴Malaysia (1986), *op.cit.*, h. 343.

²⁷⁵Malaysia (1988), *op.cit.*, h. 147.

perkhidmatan pengembangan, pembekal lembu baka baik dan sebagainya. Penubuhan pusat ini merupakan faktor utama merangsang perkembangan bilangan lembu tenusu.²⁷⁶

Peningkatan pengeluaran susu adalah hasil daripada amalan teknik perladangan yang lebih baik dan pengendalian susu segar yang lebih cekap serta terdapatnya lembu tenusu yang berkualiti. Sektor kecil ini terus diperkukuhkan lagi dengan pengenalan perkhidmatan pengembangan dan perkhidmatan sokongan lain yang disediakan oleh JPH.²⁷⁷ Kadar tersebut masih lagi rendah untuk menampung keperluan tempatan dan sebahagian besar susu telah diimport untuk keperluan tempatan.²⁷⁸

Manakala Carta 4.19 menunjukkan prestasi import dan eksport bagi keluaran susu. Malaysia masih lagi tidak mencapai mampu diri dalam pengeluaran susu dan hanya memenuhi 3-5% sahaja daripada keperluan negara sahaja sehingga tahun 2010. Lebih kurang 90% susu diimport terutamanya dari Australia dan New Zealand untuk keperluan negara. Carta 4.20 pula menunjukkan jumlah penawaran dan penggunaan bagi keluaran susu.

Secara kesimpulannya, pengeluaran susu sejak dari 1985 iaitu pada awal pelaksanaan DPN1 berada pada tahap yang rendah iaitu sebanyak 24 juta liter sahaja kerana disebabkan pengguna kurang berminat kepada susu segar tempatan yang ketika itu dikatakan berkualiti rendah. Ini menyebabkan pasaran bagi susu segar tempatan adalah sangat terhad seterusnya memberi kesan kepada pengeluaran susu segar tempatan kerana kurang permintaan. Di samping itu, untuk menampung permintaan susu dalam negara, susu telah diimport dengan jumlah yang tinggi dari negara luar kerana permintaan pengguna yang lebih tinggi kepada susu tersebut. Ini telah memberi kesan yang sangat teruk kepada penternak tempatan untuk mengeluarkan susu tempatan.

²⁷⁶Malaysia (1990), *op.cit.*, h. 106.


²⁷⁷*Ibid.*

²⁷⁸Kementerian Kewangan Malaysia (2009), *Laporan Ekonomi 2009/2010*. Putrajaya : Kementerian Kewangan Malaysia, h. 59.

Walau bagaimanapun, kerajaan telah menjalankan berbagai-bagai langkah dan juga program bagi meningkatkan kualiti susu tersebut dengan penubuhan PPS sebagai pusat yang merangkumi semua proses untuk pengeluaran susu tempatan termasuklah memberikan saluran pemasaran kepada pengusaha atau penternak tenusu tempatan tersebut. Hasil dari penubuhan pusat ini pengeluaran susu terus meningkat dari tahun ke tahun walaupun ada beberapa tahun pengeluarannya menurun tetapi ia telah meningkat semula pada tahun 2010. Tahap sara diri pengeluaran susu ini masih pada kadar yang rendah iaitu dalam lingkungan 4 hingga 5% sahaja yang masih tidak mampu memenuhi permintaan dalam negara. Negara masih bergantung pada import susu kerana permintaan yang tinggi dari pengguna. Dari segi sekuriti makanan, pengeluaran susu tempatan masih belum menjamin sekuriti bahan makanan ini dan usaha perlu digiatkan lagi oleh kerajaan dengan meningkatkan lebih promosi kepada penggunaan susu tempatan dengan mempelbagaikan jenis keluaran dan meningkatkan lagi kualiti susu tempatan yang diterima oleh pengguna tempatan.

d) Ayam-Itik


Carta 4.21 : Jumlah Pengeluaran Daging Ayam-itik



Sumber: Rancangan Malaysia Kelima hingga Kesembilan²⁷⁹

²⁷⁹Malaysia (1986), *op.cit.*, Malaysia (1991), *op.cit.*, Malaysia (1996), *op.cit.*, Unit Perancang Ekonomi (EPU) (2001), *op.cit.* Unit Perancang Ekonomi (EPU) (2006), *op.cit.*, Unit Perancang Ekonomi (EPU) (2011), *op.cit.*

Carta 4.22 : Jumlah Penawaran dan Penggunaan Daging Ayam-itik Per Kapita



Sumber: Rancangan Malaysia Kelima hingga Kesembilan dan Food and Agriculture Organization of The United Nation²⁸⁰

Carta 4.21 menunjukkan pengeluaran bagi daging ayam-itik mengalami peningkatan yang ketara. Manakala prestasi penawaran dan penggunaan bagi ayam-itik boleh dilihat dalam Carta 4.22. Pada tempoh awal DPN1 dilaksanakan menunjukkan pengeluaran ayam-itik telah bertambah daripada 125.6 juta tan metrik pada tahun 1980 kepada 251 juta tan metrik pada tahun 1985. Dalam tempoh 1986 hingga 1990, pengeluaran daging ayam-itik terus meningkat lagi pada kadar 7.9% setahun kepada 385.9 juta tan metrik pada tahun 1990. Peningkatan yang mendadak ini hasil daripada peningkatan permintaan eksport daging ayam-itik dari luar negara. Malaysia terus berada dalam keadaan mampu diri dalam industri ini dan telah dapat mengeksport lebihannya ke Singapura dan lain-lain pasaran negara Asia yang berdekatan.²⁸¹

Seterusnya dalam tempoh pelaksanaan DPN2, pengeluaran daging ayam-itik telah menjadi penyumbang utama pertumbuhan sektor kecil ternakan dan ia telah meningkat dengan ketara iaitu sebanyak 24% setahun, lebih tinggi daripada matlamat

²⁸⁰*Ibid.*, Food and Agriculture Organization of The United Nation, *op.cit.*

²⁸¹Malaysia (1990), *op.cit.*, h. 106.

kadar pertumbuhan yang ditetapkan. Pasaran eksport daging ayam-itik juga meningkat dengan ketara iaitu sebanyak 24% setahun terutamanya ke Singapura dan Jepun.²⁸²

Peningkatan ini juga sebahagian besarnya adalah hasil daripada pelaksanaan aktiviti ternakan ayam-itik secara bersepadu di beberapa ladang FELDA, FELCRA, RISDA, Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan dan Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah.²⁸³ Manakala, dalam tempoh 2000 hingga 2010, industri ayam-itik termasuk pengeluaran telur terus bertahan walaupun diancam wabak selesema burung pada tahun 2003. Keadaan ini adalah hasil penggunaan reban tertutup secara meluas.²⁸⁴ Pengeluaran ayam tersebut berkembang hasil daripada penubuhan TKPM industri ayam di Johor, Kelantan, Pahang dan Terengganu. Selain itu juga, akibat daripada pemindahan teknologi *efective microorganismes*, sistem moden serta intensif penambahbaikan reban menyumbang kepada peningkatan itu.²⁸⁵

Dapat dirumuskan di sini bahawa industri ternakan ayam-itik terutamanya yang mengeluarkan daging ayam dan juga telur merupakan ternakan yang terpenting di Malaysia. Ia telah berkembang daripada secara kecil-kecilan kepada satu industri yang kukuh dan stabil. Pencapaian atau prestasi pengeluaran daging ayam-itik dalam negara sejak dari tahun 1984 hingga 2010 menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan yang mana, peningkatan pengeluaran yang ditunjukkan dari tahun ke tahun adalah begitu mendadak. Hasil daripada ini tahap sara diri telah dapat dicapai sepenuhnya di antara 110% hingga 130% semenjak DPN1 dilaksanakan. Peningkatan pengeluaran daging ayam-itik juga disebabkan oleh permintaan eksport yang tinggi terutamanya dari Negara Singapura. Di samping itu, berbagai-bagai intensif juga telah diberikan oleh kerajaan dalam usaha meningkatkan sektor kecil ini seperti melakukan penetapan harga.

²⁸²Malaysia (1993), *op.cit.*, h. 94.

²⁸³*Ibid.*, h. 186.


²⁸⁴Unit Perancang Ekonomi (EPU) (2006), *op.cit.*, h. 87.

²⁸⁵Kementerian Kewangan Malaysia (2009), *op.cit.*, h. 59.

Sekuriti makanan untuk daging ayam-itik ini telah dapat dicapai oleh Malaysia bukan sahaja dapat memenuhi keperluan tempatan tetapi juga dapat dieksport ke luar negara.


e) **Telur**

Carta 4.23 : Jumlah Pengeluaran Telur (Unit)



Sumber: Rancangan Malaysia Kelima hingga Kesembilan²⁸⁶

Carta 4.24 : Jumlah Penawaran dan Penggunaan Telur Per Kapita (Tahun)



Sumber: Rancangan Malaysia Kelima hingga Kesembilan dan Food and Agriculture Organization of The United Nation²⁸⁷

²⁸⁶Malaysia (1986), *op.cit.*, Malaysia (1991), *op.cit.*, Malaysia (1996), *op.cit.*, Unit Perancang Ekonomi (EPU) (2001), *op.cit.* Unit Perancang Ekonomi (EPU) (2006), *op.cit.*, Unit Perancang Ekonomi (EPU) (2011), *op.cit.*

²⁸⁷*Ibid.*, Food and Agriculture Organization of The United Nation, *op.cit.*

Sepertimana dalam Carta 4.23, pada tempoh 1980 hingga 2010, pengeluaran telur telah meningkat daripada 2,534.7 juta biji pada tahun 1980 kepada 9,826 juta biji pada tahun 2010. Jumlah pengeluaran ini telah melebihi keperluan tempatan yang semakin bertambah. Kerajaan telah melaksanakan langkah pengkomersilan penemuan penyelidikan dan pembangunan (P&P) dan hasil dari itu telah menghasilkan pengeluaran telur yang lebih berkualiti dan telur tanpa kolesterol.²⁸⁸

Bagi prestasi penawaran dan penggunaan telur ditunjukkan dalam Carta 4.24 jumlah penawaran telur adalah lebih tinggi berbanding jumlah penggunaan yang diperlukan. Pengeluaran telur berkembang dengan pesat sejajar dengan kemajuan yang telah dicapai oleh pengeluaran daging ayam-itik. Tingkat pengeluaran telur meningkat dari jumlah yang rendah kepada jumlah yang tinggi. Pencapaian ini telah berlaku semenjak 1980 lagi sehingga tahun 2010 sehingga telah dapat melebihi tahap sara diri bahan makanan ini. Lebihan dari sara diri ini juga telah dapat dieksport ke luar sebagaimana yang berlaku kepada keluaran daging ayam-itik. Walaupun dalam tempoh itu berlaku halangan seperti wabak selesema burung, ia tidak begitu menjejaskan pengeluaran telur. Sekuriti makanan bagi bahan makanan ini adalah terjamin kerana ia dapat memenuhi keperluan permintaan pengguna dalam negara dan dapat dibeli dengan mudah oleh pengguna pada bila-bila masa.

4.4.3 Keluaran Perikanan


Carta 4.25 adalah prestasi pengeluaran bagi keluaran ikan, ia menunjukkan peningkatan pengeluaran ikan yang memberangsangkan dari tahun 1980 hingga 2010 iaitu tempoh DPN1 hingga DJBM.²⁸⁹ Antara usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan adalah penguatkuasaan Akta Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) pada tahun 1984 untuk

²⁸⁸Unit Perancang Ekonomi (EPU) (2001), *op.cit.*, h. 228.

²⁸⁹Malaysia (1986), *op.cit.*, hh. 342-343.


menambahkan pendaratan ikan dan pada tahun 1985 pula, Akta Perikanan 1985 dan dasar penggunaan kawasan perairan wilayah pula dilaksanakan.²⁹⁰

Carta 4.25 : Jumlah Pengeluaran Perikanan



Sumber: Rancangan Malaysia Kelima hingga Kesembilan²⁹¹

Carta 4.26 : Jumlah Import dan Eksport Perikanan




Sumber: Rancangan Malaysia Kelima hingga Kesembilan dan Food and Agriculture Organization of The United Nation²⁹²

²⁹⁰Malaysia (1988), *op.cit.*, h.160.

²⁹¹Malaysia (1986), *op.cit.*, Malaysia (1991), *op.cit.*, Malaysia (1996), *op.cit.*, Unit Perancang Ekonomi (EPU) (2001), *op.cit.* Unit Perancang Ekonomi (EPU) (2006), *op.cit.*, Unit Perancang Ekonomi (EPU) (2011), *op.cit.*

²⁹²*Ibid.*, Food and Agriculture Organization of The United Nation, *op.cit.*

Carta 4.27 : Jumlah Penawaran dan Penggunaan Perikanan Per Kapita (Tahun)



Sumber: Rancangan Malaysia Kelima hingga Kesembilan dan Food and Agriculture Organization of The United Nation²⁹³

Peningkatan pengeluaran ikan sebahagian besarnya juga adalah disebabkan hasil daripada langkah kerajaan memodenkan kaedah penangkapan ikan dan meningkatkan penguatkuasaan bagi memastikan bot nelayan tempatan mendaratkan hasil tangkapan dan menjalankan pemprosesan hiliran di Malaysia. Selain itu, ia disebabkan peningkatan tangkapan hasil laut serta perluasan aktiviti akuakultur, terutamanya oleh sektor swasta.²⁹⁴ Selain itu juga, usaha kerajaan dalam menaik taraf dan membina jeti turut menyumbang kepada peningkatan pendaratan ikan.²⁹⁵

Sektor perikanan adalah terdiri daripada perikanan laut dan akuakultur. Penekanan yang diberikan oleh DPN terhadap pembangunan sektor perikanan ialah mengurus dan mengawal penggunaan hasil perikanan secara optimum untuk memenuhi permintaan negara serta meningkatkan produktiviti dan pendapatan nelayan serta penternak air. Objektif meningkatkan pengeluaran berkait rapat dengan keperluan untuk mencapai tingkat sara diri dalam pengeluaran perikanan. Pencapaian yang ditunjukkan sektor kecil perikanan bermula dari tahun 1984 melalui pelaksanaan rancangan lima

²⁹³ *Ibid.*

²⁹⁴ Unit Perancang Ekonomi (EPU) (2006), *op.cit.*, h. 87.

²⁹⁵ Kementerian Kewangan Malaysia (2009), *op.cit.*, h. 59.

tahun iaitu RMK menunjukkan peningkatan yang amat memberangsangkan. Ia telah dapat mencapai tahap sara diri keluaran perikanan antara 80% hingga 92% dalam negara. Walaupun kadar ini masih belum mencapai kadar sara diri sepenuhnya, ia masih mampu memenuhi permintaan pasaran tempatan. Jumlah penawaran ikan negara dapat memenuhi keperluan penggunaan tempatan seperti mana ditunjukkan dalam Carta 4.27.

Pelaksanaan berbagai-bagai program oleh kerajaan selaras dengan dasar yang dikhususkan untuk sektor pertanian iaitu DPN menyumbang kepada peningkatan pengeluaran ikan. Sebagai contoh kerajaan telah melaksanakan penguatkuasaan Akta Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) pada tahun 1984 untuk menambahkan pendaratan ikan dan pada tahun 1985 pula, Akta Perikanan 1985 dan dasar penggunaan kawasan perairan wilayah juta turut dilaksanakan. Penggunaan teknologi moden seperti bot nelayan moden juga telah menyumbang kenaikan hasil tangkapan di samping peranan sektor swasta yang membantu peningkatan keluaran perikanan ini.²⁹⁶

Secara keseluruhannya, tahap pengeluaran bagi komoditi makanan menunjukkan peningkatan tetapi ia masih belum menjamin sekuriti makanan dalam negara. Oleh itu, usaha-usaha untuk meningkatkan jumlah pengeluaran tersebut diteruskan untuk memastikan makanan sentiasa mencukupi. Ini adalah selaras dengan ekonomi Islam yang sentiasa menjadikan agenda pemenuhan keperluan asas manusia sebagai aspek yang paling utama. Bagi golongan yang tidak mempunyai wang untuk memperoleh makanan melalui mekanisme jual beli, Islam membantu mereka melalui agihan makanan secara langsung kepada mereka iaitu melalui agihan zakat, sedekah, wasiat, kafarah, korban, aqiqah dan lain-lain lagi.²⁹⁷ Mekanisma-mekanisma tersebut adalah sebagai satu cara untuk meningkatkan sumber makanan bagi mereka yang berada dalam kesusahan. Walau bagaimanapun, di dalam Dasar Sekuriti Makanan di Malaysia,

²⁹⁶ Kementerian Pertanian Malaysia (1993), *op.cit.*, h.10.

²⁹⁷ *Ibid.*

kerajaan juga turut membantu para petani dalam aktiviti pertanian dengan memberikan subsidi seperti benih dan baja terutamanya dalam tanaman padi.²⁹⁸

4.5 PENCAPAIAN SARA DIRI KOMODITI MAKANAN

Tahap sara diri bagi komoditi makanan ditunjukkan dalam Jadual 4.5 dan Carta 4.28. Pencapaian sara diri mencatatkan terdapat peningkatan dan penurunan yang tidak menentu terhadap beberapa komoditi iaitu buah-buahan, sayur-sayuran, perikanan, daging ayam-itik dan telur. Bagi sara diri beras, pada tahun 1980 iaitu sebelum DPN dilaksanakan mencatatkan 98% tahap sara diri tetapi ia mencatatkan penurunan iaitu dalam lingkungan dari 80 hingga 70%. sehingga tahun 2010 berikutan pertambahan pengeluaran yang tidak selari dengan pertambahan penduduk. Walau bagaimanapun, kadar penurunan yang ditunjukkan ini masih menunjukkan pengeluaran beras negara masih stabil. DPN yang telah dijalankan masih belum berkesan untuk memastikan jaminan sekuriti makanan bagi beras. Untuk menampung sumber beras yang tidak mencukupi dalam negara, ia terpaksa di import dari negara luar terutamanya dari negara Thailand.

Bagi tahap sara diri (SSL) komoditi beras, daging lembu, daging kambing, daging babi, telur dan ikan makanan telah menunjukkan peningkatan. Negara mencapai SSL melebihi 100% bagi komoditi ayam, ikan dan telur manakala SSL susu, daging kambing dan lembu adalah kurang daripada 30%. Sementara itu, SSL beras telah menurun dari 85% pada tahun 1985 kepada 71% pada tahun 2010. SSL buah-buahan menunjukkan penurunan daripada 101.8% pada tahun 1985 kepada 66% pada tahun 2010 dan sayur-sayuran menurun daripada 80.8% pada tahun 2000 kepada 45.8% pada tahun 2010. Malaysia masih bergantung kepada import produk-produk makanan untuk memenuhi keperluan makanan penduduk.

²⁹⁸*Ibid.*


Jadual 4.5 : Tahap Sara Diri Komoditi Makanan (Peratus)

Komoditi	1980*	1985	1990	1995	2000	2005	2010
Beras	98	85	80	76.3	71	72	70
Buah-buahan	-	101.8	94	88.9	91.3	98.6	66
Sayur-sayuran	-	80.8	75.2	71.6	88.5	95.6	45.8
Keluaran Perikanan	96.2	94.9	91	92	89	90	104
Daging Lembu	-	43	30	19.2	22.7	23.2	28
Daging Kambing	-	9.4	10.5	6	6.4	7.1	10
Daging Ayam-itik	97.8	109.1	115	110.7	127.8	143.2	122
Telur	99	127.4	109	110.3	138.8	152.5	115
Susu	3.6	4	4.3	3.5	4	4.5	5

Sumber : Rancangan Malaysia Keempat hingga Kesembilan.²⁹⁹

*Tahun sebelum DPN dilaksanakan

Carta 4.28 : Tahap Sara Diri Komoditi Makanan (Peratus)



Sumber : Rancangan Malaysia Keempat hingga Kesembilan.³⁰⁰

4.6 KESIMPULAN

Sektor pertanian yang secara tradisi menjadi tulang belakang ekonomi negara sedang mengalami proses transformasi melalui pengecilan dan penurunan dalam saiz dan sumbangan sektor tersebut terhadap KDNK, pendapatan eksport dan ekonomi keseluruhannya. Terdapat tiga DPN dan satu Dasar Jaminan Bekalan Makanan (DJBM) telah dijalankan bermula 1984 sehingga sekarang. DPN1 bermula dari tahun 1984

²⁹⁹*Ibid.*, Unit Perancang Ekonomi (EPU) (2011), *op.cit.*

³⁰⁰*Ibid.*

hingga tahun 1992 manakala, DPN2 pula telah bermula 1992 hingga 1998 untuk menggantikan DPN1 yang dikatakan tidak sesuai dengan situasi yang berlaku pada masa tersebut. Seterusnya, DPN3 bermula dari tahun 1998 hingga kini seiring dengan DJBM yang bermula 2008 dan kedua-dua dasar ini berakhir pada 2010. Ini bermakna sektor pertanian telah melalui proses transformasi bagi menggiatkan semula sektor pertanian yang telah ditinggalkan.

Dasar yang dijalankan ini adalah sebagai usaha kerajaan untuk meningkatkan pertumbuhan dalam sektor pertanian. Kerajaan telah memberi banyak perhatian dalam memajukan sektor ini ke arah mempertingkatkan pembangunannya terutamanya dalam menjamin bekalan makanan mencukupi atau sekuriti makanan. Selepas mencapai kemerdekaan, berbagai-bagai langkah diambil termasuk mewujudkan Kementerian Pertanian serta berbagai-bagai agensi yang dipertanggungjawabkan untuk membantu golongan petani, nelayan dan penternak yang sering berhadapan dengan masalah. Berbagai-bagai program telah dilaksanakan demi memulihkan sektor pertanian di samping mewujudkan rantaian antara sektor pertanian dengan sektor lain.

BAB LIMA

PENUTUP

5.0 RUMUSAN

Makanan merupakan keperluan asas bagi setiap manusia yang tidak boleh dinafikan. Makanan membekalkan nutrien dan tenaga kepada manusia, tanpa makanan, manusia tidak akan dapat meneruskan hidup. Oleh itu manusia perlu mengambil makanan yang mencukupi, berkhasiat serta halal. Islam sangat menekankan pengambilan makanan halal bagi mendapat hidup yang aktif, sihat dan sentiasa diberkati kerana makanan halal semestinya terhindar dari sebarang keracunan, kekotoran atau sumber asing lain yang boleh menjejaskan kesihatan sesiapa yang mengambilnya. Oleh itu, keprihatinan terhadap makanan yang diambil dan menepati kehendak agama perlu ditingkatkan.

Peningkatan harga makanan di peringkat antarabangsa dan krisis makanan telah menimbulkan cabaran dalam menjamin bekalan makanan negara mencukupi. Keadaan ini berlaku disebabkan terdapat kekurangan bekalan makanan di peringkat antarabangsa disebabkan oleh perubahan iklim dan bencana alam yang berlaku ketika itu sepertimana kemarau berpanjangan yang berlaku di Australia telah memusnahkan hasil pengeluaran pertanian negara tersebut. Malaysia juga turut sama merasainya apabila harga makanan telah meningkat dengan mendadak dan jumlah import makanan juga semakin meningkat disebabkan negara tidak mampu mengeluarkan makanan sendiri.

Krisis makanan yang berlaku tersebut dapat menyedarkan tentang pentingnya sekuriti makanan kepada sesebuah negara. Sekuriti makanan bermakna semua orang pada setiap masa boleh memperoleh makanan yang mencukupi untuk meneruskan hidup yang sihat dan aktif. Ia juga merangkumi soal pemakanan yang sihat dan selamat di samping bekalan makanan yang mencukupi termasuk ketika darurat. Menurut

Pertubuhan Makanan dan Pertanian Sedunia (FAO), sekuriti makanan wujud apabila semua manusia pada bila-bila masa memperoleh makanan berkhasiat secara mencukupi. Tanpa sekuriti makanan, akan berlaku ketidakcukupan makanan dan dengan itu penduduk tidak dapat memperoleh makanan di pasaran. Ini akan menyebabkan mereka menghadapi kelaparan, kebuluran, penyakit dan juga akan membawa kepada kematian.

Manakala, dalam Islam, sekuriti makanan merupakan perkara yang sangat diberi perhatian. Sumber bekalan makanan banyak dijelaskan di dalam al-Quran seperti tanaman makanan, haiwan ternakan dan juga makanan tersebut mestilah halal untuk dimakan. Islam menjelaskan kepentingan aktiviti pertanian sebagai keperluan manusia untuk mengeluarkan sumber bekalan makanan tersebut. Persiapan menghadapi kemungkinan bencana adalah sangat digalakkan. Ini membantu dalam menghadapi kesukaran dan keperitan terutamanya apabila negara menghadapi ketidakcukupan makanan dan kebuluran. Oleh itu, adalah wajar kita meneladani pendekatan atau polisi yang diambil oleh Nabi Yusuf A.S. yang menyediakan simpanan makanan untuk tempoh selama tujuh tahun. Ia dilihat sebagai satu garis panduan bagi sesebuah negara untuk memastikan sekuriti makanan terjamin di negara tersebut. Kisah Nabi Yusuf A.S. ini telah menunjukkan kepentingan perancangan dan persiapan untuk menghadapi sebarang kemungkinan dan ia boleh dijadikan panduan yang mana sebuah negara mestilah mempunyai polisi yang jelas dan sesuai berkaitan sekuriti makanan kerana ia adalah keperluan asasi yang *darūriyyāt*.

Di samping itu, ekonomi Islam juga telah mempunyai strategi tersendiri bagi memastikan sekuriti makanan manusia terjamin. Antara strategi tersebut ialah melalui pembasmian kemiskinan dan pembangunan. Kemiskinan merupakan punca utama ketidakselamatan makanan berlaku dalam sesebuah keluarga kerana mereka tidak mampu untuk memenuhi keperluan asas iaitu makanan, pakaian dan tempat tinggal mereka. Seterusnya, strategi pembasmian kemiskinan adalah melalui pembangunan

infrastruktur seperti jalan raya, pengangkutan dan sebagainya oleh para pemerintah kerana melaluinya masyarakat dapat menjalani kehidupan dengan lebih mudah untuk mendapatkan pekerjaan berbanding masyarakat pedalaman yang tidak mempunyai kemudahan infrastruktur. Selain itu, kemiskinan boleh dibasmi melalui pengagihan kekayaan dan pendapatan daripada golongan kaya kepada mereka yang memerlukan. Pengagihan dalam bentuk makanan terdiri daripada zakat, aqiqah, korban dan sebagainya. Ini akan dapat membantu golongan miskin memenuhi keperluan makanan mereka.

Justeru, kerajaan memainkan peranan penting dalam melaksanakan pengagihan tersebut secara adil dan saksama supaya wujud suatu keseimbangan di kalangan kelompok masyarakat dan bagi memastikan setiap individu mencapai satu tahap kehidupan yang sepatutnya. Kerajaan perlu memastikan tahap kehidupan yang sepatutnya untuk setiap individu yang tidak mampu untuk mendapatkan keperluan asas mereka terutamanya makanan. Keadilan dalam pengeluaran juga perlu ditegakkan dengan memastikan tidak berlaku eksploitasi dalam penetapan upah. Pekerja perlu mendapat upah atau gaji yang setimpal dengan usaha yang telah diberikan dan tidak ditindas. Selain itu, kerajaan juga bertanggungjawab dalam menyelia dan memastikan nilai-nilai kepenggunaan yang digariskan oleh Islam dipraktikkan seperti melarang sifat kedekut dan terlalu membazir di kalangan masyarakat. Kekayaan dan harta dalam Islam merupakan amanah dan ujian Allah S.W.T. terhadap pemiliknya. Harta mesti dibelanjakan secara hak dan bukan secara boros, berlebihan, membazir atau ke jalan yang terlarang, secara kikir, disorok dan dibekukan. Melalui semua strategi ini akan dapat menjamin sekuriti makanan terutamanya di kalangan masyarakat miskin.

Sektor pertanian merupakan sektor penting dalam membekalkan sumber makanan terutamanya makanan asas di Malaysia. Sektor ini memainkan peranan penting dalam memastikan bekalan makanan mencukupi atau sekuriti makanan melalui

aktiviti pertanian yang dijalankan oleh para petani dan usahawan. Sekuriti makanan adalah tema polisi utama dalam perancangan pembangunan ekonomi Malaysia semenjak merdeka. Tragedi Perang Dunia Kedua mengajar Malaysia mengenai kepentingan sekuriti makanan terutama apabila krisis peperangan atau darurat berlaku yang menyebabkan rakyat terpaksa makan apa sahaja yang boleh dimakan seperti ubi kayu dan pucuk-pucuk hutan kerana ketidakcukupan beras. Malaysia telah mengambil langkah dengan menggubal polisi yang berkaitan pertanian negara bagi meningkatkan pengeluaran makanan.

Walau bagaimanapun, dasar khusus bagi pembangunan pertanian digubal pada tahun 1984. Dasar tersebut adalah Dasar Pertanian Negara Pertama (DPN1). Objektif umumnya adalah untuk memaksimumkan pendapatan pertanian melalui penggunaan sumber-sumber secara optimum. Manakala, antara objektif khusus DPN1 pula adalah untuk memastikan sekuriti bahan makanan. Bahan makanan disini merangkumi butiran seperti ternakan, ikan, tenusu dan sayur-sayuran. Dalam tahun 1992, kerajaan telah melancarkan Dasar Pertanian Negara Kedua (DPN2) untuk tempoh lima tahun iaitu hingga tahun 2010. Objektif DPN2 adalah untuk mencapai pembangunan seimbang antara sektor pertanian dan pembuatan, meningkatkan integrasi sektor pertanian dengan sektor-sektor lain terutama pembuatan, pembangunan industri makanan pada tahap yang lebih tinggi dan menyeluruh serta pembangunan mapan sektor pertanian.

Kemudian, dalam tahun 1998 pula, kerajaan melancarkan Dasar Pertanian Negara Ketiga (DPN3) untuk tempoh 1998 hingga 2010. Antara objektif dasar ini adalah tumpuan kepada kaedah baru bagi menambah produktiviti dan daya saing, meningkatkan sekuriti makanan dan mengukuhkan rantaian dengan sektor lain. Strategi-strategi yang dipilih untuk mencapai matlamat DPN3 merangkumi beberapa dasar yang sedia ada tetapi diperkemas, dipergiat dan diperkukuhkan lagi dengan yang baru. Oleh itu dapatlah digambarkan di sini bahawa Dasar Pertanian Negara ini tidak boleh

dianggap sebagai lembaran baru dalam pertanian negara. Dasar Pertanian Negara lebih merupakan penekanan amalan-amalan yang sedia ada. Memandangkan krisis makanan dunia akan memberi impak negatif terhadap bekalan makanan negara, maka, Dasar Jaminan Bekalan Makanan Negara pula telah digubal. Dasar ini telah diluluskan oleh kerajaan pada 2 Mei 2008. Ia digubal untuk memastikan sekuriti makanan adalah pada tahap yang mencukupi dalam memenuhi keperluan negara. Dasar tersebut menunjukkan reaksi terhadap kebimbangan kerajaan mengenai masa depan sektor pertanian yang menjadi jaminan sekuriti makanan kepada penduduk. Sehingga kini kerajaan telah melaksanakan Dasar Pertanian Negara Keempat.

Ekonomi Islam sangat mementingkan pengeluaran makanan halal yang mencukupi terutamanya melalui aktiviti pertanian. Ia adalah termasuk di dalam salah satu tunjang *maqāsid al-syarī'ah* iaitu memelihara nyawa, jiwa dan anggota tubuh badan. Tujuan utama *maqāsid al-syarī'ah* adalah untuk menjaga kepentingan dan kemaslahatan manusia di dunia dan akhirat. Jaminan sekuriti makanan merupakan salah satu daripada perkara yang penting untuk memastikan tujuan tersebut tercapai kerana manusia memerlukan makanan untuk kelangsungan hidup di dunia. Bukan sahaja ia mencukupi tetapi turut halal serta baik untuk dimakan terutamanya makanan asasi negara. Ini adalah selaras dengan pencapaian Dasar sekuriti makanan di Malaysia yang menjadikan Malaysia sebagai Pusat Hub Halal Makanan Dunia. Usaha tersebut bukan sahaja dapat meningkatkan pengeluaran makanan halal tempatan bahkan untuk aktiviti perdagangan. Pencapaian yang memberangsangkan telah ditunjukkan melalui jumlah pengeluaran makanan yang sentiasa mengalami peningkatan yang terdiri daripada padi, sayur-sayuran, buah-buahan dan daging. Ekonomi Islam juga menggalakkan simpanan makanan untuk menghadapi sebarang kemungkinan berlakunya masalah kekurangan makanan disebabkan oleh kemarau dan bencana alam. Dengan adanya simpanan makanan ini, sekuriti makanan akan sentiasa terjamin. Peningkatan pengeluaran

makanan dari hasil pertanian memainkan peranan yang sangat penting untuk melaksanakan simpanan makanan ini. Bekalan makanan tersebut bukan sahaja mencukupi untuk masa kini tetapi mencukupi untuk masa akan datang. Melihat kepada pelaksanaan Dasar Sekuriti Makanan di Malaysia, objektif utamanya adalah untuk meningkatkan pengeluaran makanan terutamanya padi, sayur-sayuran, buah-buahan dan daging. Ini adalah selari dengan galakkan yang ditunjukkan di dalam ekonomi Islam iaitu dengan meningkatkan pengeluaran makanan.

Prestasi pengeluaran makanan sepanjang tempoh DPN1 sehingga DPN3, menunjukkan jumlah pengeluaran padi adalah sebanyak 1,953 tan pada tahun 1984 dan kemudian pada tahun 2005 jumlah pengeluaran padi telah meningkat kepada 2,400 tan. Walau bagaimanapun, kadar sara diri beras adalah berada pada tahap penurunan iaitu dalam lingkungan dari 80% hingga 70% kerana bilangan pertambahan penduduk melebihi dari jumlah pengeluaran padi negara. Manakala, buah-buahan dan sayur-sayuran pula merupakan antara sumber makanan asas yang membekalkan nutrien seperti vitamin dan protein kepada manusia. Melihat kepada pencapaian pengeluarannya di Malaysia sejak tahun 1984 adalah meningkat pada kadar yang sederhana dan kadangkala ia rendah kerana sektor kecil ini sangat berisiko dengan cuaca yang menyebabkan pengeluarannya berkurangan. Selain itu, ia disebabkan oleh kekurangan tanah yang sesuai untuk tanaman ini. Pada tahun 1985 jumlah pengeluaran buah-buahan dan sayur-sayur masing-masing adalah 852 tan dan 184 tan. Seterusnya, pada tahun 2005 pula jumlah pengeluaran bahan-bahan tersebut telah meningkat kepada 1,982 tan dan 1,390 tan. Peningkatan pengeluaran tersebut adalah antaranya disebabkan oleh kerajaan dengan usaha sama sektor swasta telah mengambil langkah dengan menyediakan kawasan tanaman secara berkelompok seperti Taman Kekal Pengeluaran Makanan. Program yang dijalankan ini selaras dengan strategi program di bawah DPN3. Bagi tempoh 1984 hingga 2008, tahap sara diri sayur-sayuran dan buah-buahan pula

adalah antara 85% hingga 98%.³⁰¹ Pencapaian atau prestasi pengeluaran daging ayam-itik pula sejak dari tahun 1984 hingga 2008 menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan yang mana, peningkatan pengeluaran yang ditunjukkan dari tahun ke tahun adalah begitu mendadak. Hasil daripada ini, tahap sara dirinya telah dapat dicapai sepenuhnya di antara 110% hingga 130% semenjak DPN1 dilaksanakan.

Import makanan diperlukan bagi memenuhi keperluan makanan yang tidak mencukupi. Import makanan termasuk sayur-sayuran dan buah-buahan, pelbagai produk tenusu serta produk daripada daging dan makanan haiwan meningkat dengan ketara. Pertambahan ini juga adalah hasil daripada perubahan corak penggunaan dan gaya hidup yang berpunca sebahagian besarnya daripada proses pemandaran. Manakala, pendapatan eksport sektor pertanian secara keseluruhannya telah meningkat daripada RM23 bilion pada tahun 2000 kepada RM29 bilion pada tahun 2003 iaitu peningkatan 26.1%. Bagi eksport komoditi makanan, ia juga meningkat dengan ketara pada kadar 7.1% setahun iaitu melebihi pertumbuhan import makanan. Peningkatan ini adalah hasil daripada pertambahan pelaburan dalam aktiviti pengeluaran makanan berskala besar. Walau bagaimanapun, imbalan dagangan dalam nilai sebenar bagi sektor kecil makanan kekal pada paras yang sama.

Dasar Sekuriti Makanan yang dilaksanakan oleh kerajaan merupakan dasar khusus untuk memastikan jaminan sekuriti makanan dalam negara. Program dan strategi yang dinyatakan meliputi pelbagai aspek untuk pembangunan sektor pertanian dan bagi pelaksanaannya dianggap berkesan kerana pengeluaran makanan menunjukkan peningkatan dari masa ke semasa walau bagaimanapun ia tidak seiring dengan peningkatan jumlah penduduk. Justeru, ia perlu dipertingkatkan lagi dengan lebih banyak galakkan dan sokong dan sentiasa diberi pemantauan dari masa ke semasa bagi

³⁰¹Unit Perancang Ekonomi (EPU). 2006. *Rancangan Malaysia Kesembilan (2006-2010)*. Unit Perancang Ekonomi, Putrajaya. h. 86.

memastikan ia berjalan dengan lancar dan paling utama mestilah menepati kehendak Islam iaitu penekanan kepada pengeluaran makanan halal dan selamat.

5.1 SARANAN DAN CADANGAN

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, di sini penulis ingin mengemukakan beberapa cadangan dan saranan yang difikirkan sesuai untuk dilaksanakan bagi memanfaatkan penulisan ini. Antara saranan dan cadangan tersebut ialah :

1) Masyarakat

Masyarakat mestilah memastikan makanan mereka mencukupi dan selamat untuk dimakan. Untuk memastikan makanan tersebut mencukupi, mereka perlu memiliki pendapatan yang mencukupi supaya dapat mengaksesnya di pasaran memperoleh makanan yang secukupnya di pasaran. Makanan tersebut bukan sahaja mencukupi tetapi mestilah makanan yang halal dan mengandungi nutrien yang mencukupi untuk tubuh badan manusia. Ini adalah sangat penting bagi manusia untuk hidup yang lebih aktif dan sihat.

Selain itu, masyarakat juga mestilah memastikan mereka tidak mengamalkan sikap berlebih-lebihan atau membazir apabila mengambil makanan tetapi cukup sekadar untuk memenuhi keperluan tubuh badan manusia sahaja. Dalam Islam sendiri mengajar manusia mengambil makan apabila lapar dan berhenti sebelum kenyang.

2) Kerajaan

Melihat kepada strategi kerajaan dalam memastikan sekuriti makanan, pelbagai dasar telah digubal bagi memenuhi matlamat tersebut. Namun, perlaksanaannya perlu dipertingkatkan dan sentiasa dipantau dari masa ke semasa selaras dengan

perancangan dasar tersebut. Seterusnya, peruntukan yang lebih besar perlu diberikan kepada sektor makanan terutamanya bagi pengeluaran makanan asasi. Bantuan kepada petani perlulah ditingkatkan dari masa ke semasa terutamanya dari segi sumber modal. Bantuan modal yang diberikan kepada mereka mestilah mencukupi supaya mereka dapat mengusahakan aktiviti pertanian dengan lebih produktif dan berkualiti tinggi dengan menggunakan teknologi moden. Selain itu, kerajaan perlulah mempergiatkan lagi kempen-kempen kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingan sektor pertanian sebagai sumber makanan utama.

3) Pihak Swasta

Pihak swasta juga memainkan peranan yang penting dalam merencanakan lagi sektor makanan. Kerajaan tidak mampu untuk membangunkan sektor tersebut secara bersendirian, jadi bantuan yang lebih banyak lagi amat diperlukan dari pihak swasta. Bantuan tersebut adalah melalui pelaburan yang dibuat ke dalam sektor tersebut. Dengan penglibatan sektor swasta ini banyak program-program untuk meningkatkan pengeluaran makanan dapat dilaksanakan.

4) Institusi Pendidikan

Pendekatan keilmuan dan pendidikan merupakan mekanisme yang paling berkesan bagi menerapkan budaya keusahawanan terutamanya keusahawanan dalam sektor pertanian serta kesedaran tentang pengambilan makanan berkhasiat yang mencukupi. Oleh itu, Kementerian Pendidikan Malaysia perlulah memasukkan subjek pertanian makanan dalam sukatan pelajaran di sekolah-sekolah dan ia diajar bukan sahaja secara teori tetapi juga secara praktikal. Subjek tersebut mestilah diwajibkan kepada semua pelajar sekolah. Begitu juga pada peringkat pengajian tinggi, subjek tersebut perlu diwajibkan kepada semua fakulti. Di samping itu, para

pelajar perlu diberi pendedahan kepada aktiviti pertanian dengan melibatkan mereka dengan pertanian makanan utama secara berkelompok yang dijalankan di institusi pendidikan itu sendiri.

5) Usahawan Tani

Usahawan tani memainkan peranan yang sangat penting dalam memajukan sektor pertanian makanan terutamanya dari segi pengeluaran, pemprosesan dan penyelidikan. Kegiatan pertanian yang diusahakan hendaklah dijalankan secara bersungguh-sungguh dan tidak mudah berputus asa dengan masalah yang dihadapi. Mereka juga hendaklah mempunyai pengetahuan yang baik tentang sesuatu projek pertanian sebelum menjalankannya. Justeru, mereka hendaklah mengikuti latihan dan bimbingan dari mana-mana institusi. Usahawan tani juga mestilah sentiasa menerapkan nilai-nilai Islam di dalam jiwa supaya tidak melakukan pembaziran sumber, amanah dalam menjalankan aktiviti perniagaan dan menggunakan sumber-sumber yang halal.

6) Media Massa

Media massa turut memainkan peranan yang tidak kurang pentingnya dalam memupuk kesedaran tentang kepentingan pengambilan makanan yang halal dan berkhasiat kepada masyarakat. Selain itu, ia turut juga memupuk budaya keusahawanan dalam sektor pertanian terutamanya dalam pengeluaran makanan utama di kalangan masyarakat. Media massa elektronik perlu mengadakan slot khusus bagi memberi pendedahan kepada masyarakat umum tentang kepentingan sekuriti makanan.

Penulisan ini akan lebih bermanfaat sekiranya pihak tertentu menilai kembali dasar dan pelaksanaannya yang sebenar agar lebih sesuai dengan kehendak ekonomi Islam dan keadaan semasa. Ini adalah sangat penting untuk memastikan sekuriti makanan kepada negara dengan menjadikan sekuriti makanan Islam sebagai panduan utama.

BIBLIOGRAFI

BUKU

Abdullah al-Qari (2009), *Islam Penggerak Revolusi Pertanian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abī Dāwud Sulaiman bin al-Al‘as al-Sajastānī al-‘Azdī (1999), *Sunan Abī Dāwud*, Juz. 3. al-Qāhirah: Dār al-Ḥadīth.

Abul Khair (1991), *The Role of Government in an Islamic Economy*. Kuala Lumpur : A.S. Noordeen.

Afzalur Rahman (1995), *Islam : Ideology and The Way of Life*. Kuala Lumpur : A.S. Noordeen.

Agriculture and Agri-Food Canada (AAFC) (2006), *Halal Food Product Report*. Canada: Agriculture and Agri-Food Canada (AAFC).

Ahmad Mahdzan Ayob (1997), *Pembangunan Pertanian Ekonomi, Dasar dan Bukti Empirik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Aḥmad Ṣubḥī Aḥmad Muṣṭafā al-‘Iyādī (1999), *al-Amn al-Ghidhā’ī fī al-Islām*. Amman : Dār An-Nafāis.

Anthony H. Chisholm and Rodney Tyers (1982), “Food Security : An Introduction and Overview”, *Food Security : Theory, Policy and Perspective From Asia and The Pacific Rim*. Toronto : Lexingtonbooks, D.C. Heath and Company.

Awzā’ī, Abd al-Raḥman bin ‘Umar wa Abī ‘Umar al- (1993), *Sunan al-Awzā’ī*. Beirut, Lubnan: Dār al-Nafāis.

Bukhārī, ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ismā‘īl al- (1400), *al-Jamī‘ al-Ṣaḥīḥ al-Musnad min Ḥadīth Rasūlullah wa Sunnanuhu wa Ayyāmuhu*, Juz. 3. al-Qāhirah: al-Maktabah al-Salāfiyah

Chamhuri Siwar, Surtahman Kastin Hassan dan Norshamliza Chamhuri (2007), *Ekonomi Malaysia*. Selangor : Pearson Malaysia Sdn. Bhd.

- Dewan Bahasa dan Pustaka (2002), *Kamus Dewan*, Edisi Ketiga. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ganapathy S, Christy Getz and Shelia BD. A (2005), “Framework for Understanding Food Insecurity: An Anti-Hunger Approach”, *A Food Systems Approach*. Berkeley, CA: UC Centre for Weight and Health.
- Hakimah Mohd Yusoff (2004), “Halal Certification Scheme”, *Standards and Quality News : Standardisation for Halal Food*. Selangor: Sirim Berhad.
- Ibn Ḥibbān, Amīr ‘alā al-Dīn ‘Alī bin Balbān al-Fārisī (1997), *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān*, Jil. 12. Beirut, Lubnan: Mu’assasah al-Risālah.
- Ibn Kathīr, ‘Imād al-Dīn Ismā‘īl (2004), *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīm al-Ma‘rūf bi Tafsīr Ibn Kathīr*, Jil. 3. Riyadh: Dār al-Salām Li al-Nalar wa al-Tauzī‘.
- Ibn Mājah, al-Muḥaddis Abī ‘Abd Allāh Muḥammad bin Yazīd al-Qazwīnī (1998), *Sunan Ibn Mājah*, Juz. 4. Beirut, Lubnan: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn Qudāmah, Abū Muḥammad Abd Allāh Ibn Aḥmad (1999), *al-Mughnī*, Jil. 8. Riyadh: Dār ‘Alīm al-Kutub.
- Ibnu Qudāmah, ‘Abd Allāh Ibn Aḥmad Ibn Muḥammad (t.t), *al-Mughnī li Ibn Qudāmah*, Juz. 5. Mesir: Matba’ah al-Amin.
- Irfan Ul Haq (1996), *Economics Doctrines of Islam*. Virginia : International Institute of Islamic Thought.
- Nor Aini Idris (2007), “Ke Arah Halal Hab Dunia : Cabaran AFTA”, *Malaysia ke Arah Hab Makanan Halal Dunia*, dalam Nor Aini Idris et.al. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jabatan Perdana Menteri, Unit Perancang Ekonomi (EPU) (2006), *Rancangan Malaysia Kesembilan (2006-2010)*. Putrajaya: Jabatan Perdana Menteri, Unit Perancang Ekonomi.
- James Roumasset (1982), “Rural Food Security”, *Food Security: Theory, Policy and Perspective from Asia and The Pasific Rim*. Canada : D.C. Heath and Company.

- Kamal Nazmi dan Syarifah Isyak (2006), *Makanan Untuk Kesehatan dan Tenaga*. Selangor: Edu Tech Publisher.
- Kementerian Kewangan Malaysia (2009), *Laporan Ekonomi 2009/2010*. Putrajaya : Kementerian Kewangan Malaysia.
- Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) (2008), *Perangkaan Pertanian 2008*. Putrajaya: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.
- Kementerian Pertanian Malaysia (1985), *Dasar Pertanian Negara*. Kuala Lumpur : Kementerian Pertanian Malaysia.
- Kementerian Pertanian Malaysia (1993), *Dasar Pertanian Negara (1992-2010)*. Kuala Lumpur : Unit Penerbitan Kementerian Pertanian Malaysia.
- Kementerian Pertanian Malaysia (1993), *Pertanian dalam al-Quran : Satu Tinjauan Ringkas*. Kuala Lumpur : Kementerian Pertanian Malaysia.
- Khurshid Ahmad (1981), “Economic Development in an Islamic Framework”, Khurshid Ahmad (edt.), *Studies in Islamic Economics*. Leicester: The Islamic Foundation.
- Koc M and Dahlberg, KA (1999), “The Restricting of Food Systems: Trends, Research and Policy Issues”, *Agriculture and Value* : 16, pp. 109-116.
- Lester R. Brown dan Eric P. Eckolm (1974), *By Bread Alone*. New York: Praeger Publishing.
- Malaysia (1986), *Rancangan Malaysia Kelima (1986-1990)*. Kuala Lumpur : Jabatan Percetakan Negara.
- Malaysia (1991), *Rancangan Malaysia Keenam (1991-1995)*. Kuala Lumpur : Jabatan Percetakan Negara.
- Malaysia (1996), *Rancangan Malaysia Ketujuh (1996-2000)*. Kuala Lumpur : Jabatan Percetakan Negara.
- Ministry of Agriculture Malaysia (1999), *Third National Agricultural Policy (1998-2010)*. Kuala Lumpur : Ministry of Agriculture Malaysia.

- Mohd Effendi Norwawi (2006), “Food Security from The Malaysian Perspective”, *Food Technological Progress : An Islamic Perspective*, Shaikh Mohd Saifuddeen Shaikh Mohd Salleh dan Azrina Sobian (edt.). Kuala Lumpur : MPH Group Publishing Sdn. Bhd.
- Mohd Fauzi Mohd Jani (1991), “Industri Ternakan di Semenanjung Malaysia”, *Komoditi Utama Malaysia : Kepentingan, Masalah dan Prospek*, Redzuan Othman dan Mohd Sheffi Abu Bakar (edt.). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Ghazali Mohayidin dan Ismail Abdul Latif (2006), “Food Security in Malaysia’s Economic Development”, *Food Technological Progress : An Islamic Perspective*, Shaikh Mohd Saifuddeen Shaikh Mohd Salleh dan Azrina Sobian (edt.). Kuala Lumpur : MPH Group Publishing Sdn. Bhd.
- Muhammad Akram Khan (1994), *An Introduction to Islamic Economics*. Islamabad: International Institute of Islamic Thought and Institute of Islamic Studies.
- Muhammad Nejatullah Siddiqi (1981), *Muslim Economic Thinking : A Survey of Contemporary Literature*. Leicester: Islamic Foundation.
- Muhammad Umar Chapra (1979), *The Islamic Welfare State and Its Role in The Economy*. London : The Islamic Foundation.
- Muḥammad Zakarīyya al-Kandahlawī al-Madanī (t.t.), *Awjaz al-Masālik ilā Muwaṭṭa’ Mālik*, Juz 5. Damsyiq: Dār al-Qalam.
- Muslīm, Abī al-Ḥusīn Muslīm bin al-Ḥajjāj al-Qusyairī al-Naisābūrī al- (1997), *Ṣaḥīḥ Muslīm*, Juz. 3. al-Qāhirah: Dār al-Ḥadīth.
- Muṣṭafā al-Khīn, Muṣṭafā al-Bughā dan ‘Alī al-Syarbajī (1996), *al-Fiqh al-Manhajī ‘alā Madhhab al-Imām al-Syāfi’*, Jil. 2. Dimasyq: Dār al-‘Ulūm al-Insāniyyah.
- Nawāwī, Abū Zakāriyā Yaḥyā Ibn Sharf al- (t.t.), *al-Majmū‘ Sharḥ al-Muḥadhdhab*. Jil. 15. Madinah: Maktabah al-Salafiyah.
- Nik Fuad Nik Mohd Kamil (2005), *Agricultural Policy and Sustainable Development in Malaysia*. Terengganu: Kolej Universiti dan Teknologi Malaysia (KUSTEM).
- Noor Azam Shairi (2001): “Makanan dalam Islam Bukan Hanya Halal Haram”, Utusan Malaysia : 29 Mei 2010.

- Norhasmah Sulaiman (2004), "Status Pemakanan dan Kesihatan Golongan Berpendapatan Rendah", *Golongan Berpendapatan Rendah, Realiti dan Cabaran*. Serdang, Selangor : Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Parikh, K.S and W. Tims (1989), "Food Consumption, Dietary Status and Chronic Hunger : An Assessment of its Extent and Policy Options", *Proceeding of World Food Conference Food and Agricultural Policies and Programs of Major Countries and Regions*. Iowa City : Iowa State University Press.
- Qarāḍawī, Yūsuf (1972), *al-Ḥalāl wa al-Ḥarām fī al-Islām, al-Ṭabā'ah Ma'a Ziyādatin fī al-Taḥqīq wa al-Tanqīh wa al-Tab'ī*. Beirūt : al-Maktab al-Islāmī.
- Qarāḍawī, Yūsuf al- (1975), *Musykilah al-Faqr Kaifa 'Alajaha al-Islām*. Mesir: Maktabah Waḥbah.
- Qurṭubī, Abī al-Walīd Muḥammad Ibn Aḥmad Ibn Rusyd al- (1996), *Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtaṣid*, Jil. 3. Beirut, Lubnan: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Rahaizan Hanim Abdul Rahim (2003), "Dasar Pertanian Negara", *Dasar-dasar Kerajaan Malaysia : Tinjauan Menyeluruh*, Yusuf Ismail dan Khayati Ibrahim (edt.). Kuala Lumpur : A.S. Noordeen.
- Robert L. Thompson (1999), "Food Security and The Global Context: The Economic Crisis and Food Security", *Food Security: The New Millennium*. Penang: Consumers International Regional Office for Asia Pacific.
- S. Maxwell and T. Frankenberger (1992), *Household Food Security: Concepts, Indicators, and Measurements: A Technical Review*. New York and Rome: UNICEF and IFAD.
- Sayyīd, Sābiq al- (1985), *Fiqh al-Sunnah*, Jil.2. Beirut : Dār al-Kutub al-'Arabī.
- Syāfi'ī, Muḥammad bin Idrīs al- (2002), *al-Umm*, Jil.2. Beirūt : Dār al-Kitab al-'Ilmiyyah.
- Syāfi'ī, Muḥammad bin Idrīs al- (2005), *al-Umm*, Jil.1. Beirūt : Dār Ibn Jazm.
- Syarbinī, Syams al-Dīn Muḥammad bin al-Khāṭib al- (1998), *Mughnī al-Muhtaj*, Jil. 1. Beirut, Lubnan: Dār al-Ma'rifah.

- Syawkānī, Muḥammad Ibn ‘Alī al- (1973), *Nayl al-Autār*. Jil. 2. Lubnan: Dār al-Jail.
- Suyūfī, Jalāl al-dīn ‘Abd Al-Raḥman bin Abī Bakr al- (2005), *al-Asybāh wa al-Nazāir fi Qawā'id wa Furū' Fiqh al-Syāfi'iyyah*. Beirūt, Lubnan: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Tarmīdhī, Abī ‘Īsā Muḥammad bin ‘Īsā bin Şūrah al- (1999), *Sunan at-Tarmīdhī*, Juz. 4. al-Qāhirah: Dār al-Ḥadīth.
- Toronto Public Health (2006), “Food Security : Implication for The Early Years”, *Background Paper*. Toronto, Ontario: Toronto Public Health.
- Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (EPU)(2001), *Rancangan Malaysia Kelapan (2001-2005)*. Putrajaya: Unit Perancang Ekonomi.
- Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (EPU) (2006), *Rancangan Malaysia Kesembilan (2006-2010)*. Putrajaya: Unit Perancang Ekonomi.
- Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (EPU) (2011), *Rancangan Malaysia Kesembilan (2011-2015)*. Putrajaya: Unit Perancang Ekonomi.
- Waḥbah al-Zuhailī (1986), *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*, Jil.1. Dimasyq: Dar al-Fikr.
- Wahbah al-Zuhailī (1989), *al-Fiqh al-Islāmī Wa Adillatuhu*. Damsyiq : Dār al-Fikr.
- Yuksel, Nalan (2005), *Halving Hunger : It Can Be Done*. London: GBR Earthscan Publications, Limited.
- Zainalabidin Mohamed (2005), “Pertanian dan Islam – Sara Diri, Sampingan atau Komersial?” dalam Mohd Shahriza Sulaiman (eds.), *Model Sebuah Ekonomi Maju Dari Perspektif Islam*. Kuala Lumpur : Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Zulkifly Mustapha, Chamhuri Siwar and Nik Hashim Nik Mustapha (1986), *Food Economy of Malaysia : Problems and Policies in Food Security*. Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

LATIHAN ILMIAH DAN TESIS

Asmak Ab Rahman (2004), *Pemikiran Ekonomi Islam dalam Bidang Pertanian dan Amalannya di Malaysia*. (Tesis PhD, Institut Pengajian Siswazah, Universiti Malaya).

Dayangku Norasyikin Awang Tejuddin (2005), “Keselamatan Makanan di Kawasan Tanduk Afrika” (Disertasi, Jabatan Pengajian Strategik dan Pertahanan, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya).

Hasanah Badrul (2002), “Industri Pengeluaran Makanan di Malaysia : Prospek dan Cabaran” (Disertasi, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya).

Indra Shahril Sayuati (2003), “Pembangunan Pertanian Menurut Islam. Kajian Terhadap Usaha-usaha Membangunkan Sektor Pertanian di Bawah Dasar Pertanian Negara Tiga (DPN3)” (Latihan Ilmiah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

Naziyan Nasiman (2003), *Produk Makanan Halal di Malaysia menurut perspektif Ekonomi Islam*. (Latihan Ilmiah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

ARTIKEL

A.G. Paterson (2002), “Food Security in Africa : An Agriculturalist’s Perception” (Paper Prepared for Presentation at The 13th International Farm Management Congress, Wageningen, The Netherlands, July 7-12, 2002).

Asmak Ab Rahman (2009), “Sekuriti Makanan dari Perspektif Syariah”, *Jurnal Syariah*, 17 (2), 299-326.

K.P. Kannan (2000), “Food Security in a Regional Perspective : A View from Food Deficit Kerala”, (Working Paper at the National Seminar on Food Security in India : The Emerging Challenges in the Context of Economic Liberalisation by The Department of Public Distribution, Government India and Centre for Economic and Social Studies, Hyderabad during March 25-27, 2000 in Hyderabad.)

Kannan, K.P. (2000), “ Food Security in a Regional Perspective : A View from Food Deficit Kerala”, (Kertas Kerja yang dibentangkan di Seminar Sekuriti Makanan Peringkat Kebangsaan di Hyderabad, India pada 25-27 Mac 2000).

Michael LeBlanc, Betsey Kuhn, James Blaylock (2005), "Poverty Amidst plenty: Food Insecurity In The United States", *Journal Agricultural Economics*, Vol. 32. Jan 2005, 159-173.

Muhammad Syukri Salleh dan Fadzila Azni Ahmad (2000), "Pengurusan Kemiskinan", *Pengurusan Pembangunan Islam:Prosiding Seminar*, Muhammad Syukri Salleh & Fadzila Azni Ahmad (edt.), Pulau Pinang: Projek Pengurusan Pembangunan Islam (IDMP), Universiti Sains Malaysia dan Pejabat Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Muhyiddin Mohd Yassin (2005), "Dasar Pertanian Negara", (Kertas Kerja Persidangan Kebangsaan FELDA 2005 di Putrajaya pada 11-14 Disember 2005).

Murtada Mirghani (2008), "Food Security From Islamic Perspective", (Paper Presented at International Seminar on Research in Islamic Studies at Academy of Islamic Studies, University of Malaya, Kuala Lumpur, 17-18 December 2008).

Nur Annizah Ishak dan Pazim @ Fadzim Othman (2005), "Food Security In Malaysia From Islamic Perspective" , *Jurnal Syariah*, 13 (2), 1-16.

Samira Al Zoughbi (2006), "The State of Food Security : Recent Trends In Syria", (Working Paper No. 17, National Agriculture Policy Center (NAPC), Ministry of Agriculture and Agrarian Reform Damascus, Syria).

Shaikh Mohd Saifuddeen Shaikh Mohd Salleh (2006), "Pengurusan Bencana Alam dari Perspektif Islam", *Koleksi Kertas Kerja Isu Semasa: Menghurai Permasalahan Islam Semasa Siri 4*. Putrajaya : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Syed Othman Al Habsyi (1989), "Pengagihan Kekayaan Melalui Institusi-Institusi Sukarela dan Bukan Sukarela", (Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Kebangsaan Ekonomi Islam pada 19 – 20 Disember 1989 anjuran Kuliyyah Ekonomi, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.).

INTERNET

Cecilia Rocha(2006), "Food Security as Market Failure: A Contribution from Economics",<http://www.ryerson.co/foodsecurity/publication/papers/foodinsecuritymarketfailure.pdf>., 12 Februari 2009.

Christopher B. Barrett, "Food Aid as Part of a Coherent Strategy to Advance Food Security Objectives", <http://ftp.fao.org/docrep/fao/009/ag037e/ag037e00.pdf>, 20 Ogos 2009.

Dagangan dan Forum Tekno-Biz Sempena dengan Showcase Biobisnes Mardi 2005 di Marriot Hotel Putrajaya, Kuala Lumpur pada 1-2 Ogos 2005, <http://banktani.tripod.com/dagangan.htm>, 29 Julai 2008.

Fatimah Mohd Arshad, “Sekuriti Makanan dan Isu Tanah Pertanian”, <http://www.econ.upm.edu.my/~fatimah/tanah.htm>, 4 Ogos 2010.

Food Agriculture Organization (FAO), <http://www.fao.org/spfs/spfs-home/en/>, 23 Julai 2010.

Food and Agriculture Organization of The United Nation, <http://faostat.fao.org/site/502/DesktopDefault.aspx?PageID=502>, 10 Mac 2012.

Frank Riely, Nancy Mock, Bruce Cogill and et. al (1999), “Food Security Indicators and Framework for Use in the Monitoring and Evaluation of Food Aid Programs”, <http://www.pronutrition.org/files/Food%20Security%20Indicators%20and%20Framework.PDF>, 15 Januari 2010.

Hoddinot. J (1999), “Choosing Outcome Indicators of Household Food Security”, <http://motherchildnutrition.org/nutrition-protection-promotion/pdf/mcn-household-food-security.pdf>, 28 Disember 2011.

Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), “Kepentingan Menjaga Pemakanan”, http://www.ikim.gov.my/v5/index.php?cmd=resetall&grp=2&key=1610&lg=1&opt=com_article&sec=, 4 Mei 2011.

Institut Kemajuan dalam Pengeluaran Makanan (IKDPM), <http://www.ikdpm.upm.edu.my/foodsec2008/paper%20MoA-UPM-ISIS/seminar%20strategi#20baru%20ke%20arah%20sekuriti%20makanan>, 5 Ogos 2010.

Irfan Sungkar (2008), “Food Security and The Paradox of Muslim Countries”, <http://www.halaljournal.com/print.php?page=print&act=show&pid>, 12 Mac 2009.

Jabatan Pertanian Malaysia, “Projek Pembangunan Tanah Terbiar”, <http://www.doa.gov.my/main.php?Content=contentdetails&ContentID=29&CurLocation=0&Page=1>, 20 Ogos 2009.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), <http://www.halal.gov.my/v3/index.php/ms/mengenai-pensijilan-halal/takrifan-halal>, 5 Jun 2011,

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM),
http://www.halal.gov.my/ehalal/index.php?ty=content_view&id=PRO-20100117095910&type=PRO, 20 April 2011.

Kementerian Kesihatan Malaysia (MOH),
www.infosihat.gov.my/penyakit/Pemakanan/SarananPengambilanNutrien.php, 9 Mac 2012

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK),
http://www.kpdnkk.gov.my/index.php?option=com_content&task=view&id=12338&Itemid=653, 15 Mei 2010.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, “Dasar Jaminan Makanan Nasional (2008-2010)”,
http://www.agribdc.gov.my/food?p_p_id=56_INSTANCE_z5du&p_p_lifecycle=0&p_p_state=normal&p_p_mode=view&p_p_col_id=column3&p_p_col_count=1&page=1, 20 Ogos 2009.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, “Dasar Pertanian Negara Ketiga”,
<http://www.moa.gov.my/dpn>, 4 Mei 2011.

Larry Chee-Yoong Wong, “Food Security and Growth : Malaysia’s Strategic Approach and Future Adjustments”,
<http://www.isis.org.my/files/pubs/paper/LWFoodsecurity&economicgrowth.pdf>, 5 Ogos 2010.

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), “Rancangan Buku Hijau Bagi Hadapi Kekurangan Bekalan Makanan”,
http://www.fama.gov.my/web/guest/rancangan_buku_hijau_bagi_hadapi_kekurangan_bekalan_makanan, 15 Ogos 2009.

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Projek Terminal Makanan Negara,
http://www.famaxchange.org/web/guest/teman?p_p_id=56_INSTANCE_EUDp&p_p_lifecycle=0&p_p_state=normal&p_p_mode=view&p_p_col_id=content&p_p_col_count=1&page=1, 20 Julai 2010.

Lembaga Pertubuhan Peladang Kuala Lumpur (2009), “Deraf Manual Perlaksanaan Intensif Meningkatkan Pengeluaran Beras bagi Sub-Program : Kapur”,
http://www.lpp.gov.my/c/document_library/get_file?uuid=782a32d1-33fb-41e7-83274f12afebf59d&groupId=51779, 20 Ogos 2009.

Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan, “Laporan Tahunan SME 2007”,
<http://www.bnm.gov.my/files/publication/sme/bm/2007/bab-8.pdf>, 1 Ogos 2009.

Muhammad Hisyam Mohamad, "Tuntutan Halalan Thoyyiban Boleh Memperkasakan Ekonomi Ummah", IKIM, http://www.ikim.gov.my/v5/index.php?lg=1&opt=com_article&grp=2&sec=&key=1755&cmd=resetall, 5 Mei 2011.

Norkumala Awang (2006), "Makanan dan Pemakanan dalam Islam", Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), <http://www.ikim.gov.my/v5>, 5 Ogos 2010.

Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB). Memanfaat Peluang Industri Halal, http://www.punb.com.my/index.php?ch=bm_med&pg=bm_med_news&ac=218, 20 Julai 2010.

Stringer, Randy (2000), "Food Security In Developing Countries" CIES Working Paper No. 11. <http://www.adelaide.edu.au/cies>, 4 November 2009.

Timothy R. Frenkenberger (1992), "Indicator and Data Collection Method for Accessing Household Food Security", http://www.ifad.org/gender/tools/hfs/hfspub/hfs_2.pdf, 15 Januari 2010.

United State Development Agriculture (USDA), <http://www.ers.usda.gov/Briefing/FoodSecurity/measurement.htm#what>, 28 April 2009.

Utusan Malaysia, "Makanan dalam Islam Bukan Hanya Halal Haram", http://www.utusan.com.my/utusan/arkib.asp?y=2008&dt=0411&pub=utusan_malaysia&sec=rencana&pg=re_02.htm, 15 Ogos 2009.

LAIN-LAIN

Muhammad Hisyam Mohamad (2008), "Krisis Makanan Dunia dan Jaminan Makanan (Food Security)", *Majalah Kefahaman Islam (VISI)*, Bil. 88. Kuala Lumpur : Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).

TEMU BUAL

Puan Noraisah binti Spahat, Ketua Penolong Setiausaha, Bahagian Perancangan Strategik dan Antarabangsa, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani pada 25 Mac 2009.

Puan Nur Hafizah binti Sharudin, Pegawai Pertanian Daerah Manjung, Perak pada 20 Mei 2010.